



**LAPORAN PENYATA RASMI  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 5**

**Khamis**

**25 April 2019**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan	
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 27)
Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong	(Halaman 27)

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL KEDUA**  
**MESYUARAT PERTAMA**

**Khamis, 25 April 2019**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Dato' Sri Khairudin Samad:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Alhamdulillah Rabbil 'alamin, wassalatu wassalamu ala asrafil ambiya iwal mursalin, wa'ala alihi wasohbihi ajma'in. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Akan tetapi terlebih dahulu saya bagi pihak Dewan yang mulia ini yang ingin mengalu-alukan ketibaan pelajar Tingkatan 5, Mahad Tahfiz Sains Darul Muttaqin (MASDAR) Kedah. Moga dengan kehadiran mereka akan memberi manfaat kepada mereka... *[Tepuk]*

**1. Dato' Sri Khairudin Samad** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, usaha kerajaan menangani isu warga asing yang menjalankan perniagaan secara tidak sah atau menyewa atau meminjam lesen rakyat tempatan untuk berniaga dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. *Bismillahi Rahmani Rahim.*

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, warga asing tidak dibenarkan menjalankan perniagaan kecil seperti kedai runcit atau lain-lain menggunakan lesen milik penduduk tempatan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengeluarkan Pekeliling Pengeluaran Permit Perniagaan Kecil oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) pada 30 Jun 2008. Antara inti pati yang ditekankan di dalam pekeliling ini daripada segi penguatkuasaannya terhadap perniagaan kecil adalah:

- (i) pengeluaran permit perniagaan kecil hanya dikeluarkan kepada warganegara Malaysia sahaja;
- (ii) pemilik permit hendaklah berada di tempat perniagaan pada sepanjang masa;
- (iii) tindakan pembatalan permit boleh diambil ke atas pemilik yang memindah permit perniagaan mereka kepada warga asing; dan
- (iv) PBT boleh menyita serta merampas barang jualan serta-merta tanpa perlu mengenakan amaran terlebih dahulu bagi perniagaan tanpa lesen.

Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, KPKT juga memantau tindakan penguatkuasaan terhadap warga asing melalui laporan berkala yang perlu dihantar oleh PBT. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya bertanya tentang penguatkuasaan yang macam mana yang diadakan Yang Berhormat Menteri? Oleh sebab, kadang-kadang mereka ini berniaga seperti 'Ali Baba'. Memang dia tidak jual lesen dan sebagainya tetapi secara senyap-senyap dia masukkan orang dan orang asing yang berniaga di situ. Dia sudah tutup kedai sebenarnya, tetapi masih menggunakan namanya, seperti Ali Baba. Terima kasih.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tentang pelaksanaan, kita memang ada dua cara kita mengambil tindakan.

Satu, adalah melalui aduan orang ramai, di mana selalunya pihak yang mengadu ini akan membuat tinjauan mereka sendiri dan memberi perincian atau *detail* nya tentang bagaimana dan siapa pemegang lesen asalnya. Siapakah yang mengambil perjalanan kerja harian, supaya kita dapat menyelidik latar belakang sebelum satu tindakan atau serbuan dibuat.

Kedua, cara kita buat tinjauan secara berkala, di mana daripada semasa ke semasa kita membuat *survey* di tempat-tempat tertentu di mana kita mengesyaki ramai orang yang bukan warganegara bermastautin atau selalu berlegar. Dalam hal ini kita akan buat pemantauan dan jika perlu dibuat satu serbuan atau satu siasatan kita akan buat dengan satu pasukan termasuk juga pihak imigresen, pihak polis, PBT dan kadangkala termasuk juga pegawai daripada pejabat agama dan mungkin SPRM.

Inilah caranya kita membuat serbuan melalui aduan. Pertama, dengan *detail* yang diberi oleh pengadu dan secara berkala dengan pihak-pihak berkuasa lain sebagai sokongan. Akan tetapi, selalunya pihak polis sebagai pihak berkuasa diminta untuk mengiringi untuk memberi *enforcement* yang lebih kuat dan juga untuk menjaga keselamatan pihak yang terlibat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, silakan.

**Datuk Razali bin Idris:** [*Bangun*]

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Ideanya macam itulah tapi realitinya Yang Berhormat, saya pergi ke Pasar Selayang, saya pergi ke Pasar Puchong, bahkan di Klang ataupun di Chow Kit. Saya dapati yang berniaga ini adalah warga asing dan bahkan sebahagian besar sekarang ini ialah daripada Myanmar, Rohingya, mereka di bawah *United Nations*. Jadi, apakah tindakan yang lebih tegas yang telah dibuat oleh kerajaan untuk masalah ini?

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah:** Terima kasih atas soalan tadi. Ya, memang benar selain daripada kedai-kedai runcit yang boleh dikatakan *permanent site*, dengan izin, pasar-pasar malam seperti Chow Kit dan sebagainya juga terlibat dalam aktiviti perniagaan secara tidak sah ini.

■1010

Oleh kerana itulah kita perlu membuat operasi secara bersepadu dengan pihak-pihak lain dan kalau kes yang *mobile*, gerai yang bergerak dan orang kata menyewa petak dan sebagainya. Saya rasa penglibatan pihak Imigresen adalah penting dan lebih kritikal dan di antara hukuman-hukuman yang dibenarkan di bawah seksyen 104, bawah undang-undang kecil, denda tidak melebihi RM2000 atau bersamaan dengan penjara untuk setahun, dan ini antara *deterrent* atau bahagian yang dikatakan boleh menakutkan pihak-pihak daripada mengulangi kesalahan yang sama.

Sebagaimana yang dikatakan tadi, sebagai *deterrent* mereka yang mengulangi kesalahan yang sama didenda pula lebih daripada satu hari iaitu *at the rate*, kadar RM200 sehari selepas mereka mengulangi kesalahan yang sama.

Jadi untuk memberi gambaran yang lebih tepat kita perlu rekod daripada pihak Imigresen untuk memastikan apabila warga-warga asing ini berpindah kepada satu pasar malam ke pasar malam yang lain atau di dalam pasar malam yang sama tetapi petak yang berbeza, rekod daripada Imigresen amatlah diperlukan.

Itulah kita jalankan secara- *checking* kita. Peniaga asing di pasar kebanyakannya di bawah tindakan KDN. Itulah penguatkuasaan yang lebih efektif. Sekian, terima kasih.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya kepada pihak kementerian, sejauh manakah pihak kementerian melihat pemegang kad Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi orang pelarian menjadi punca peningkatan masalah warga asing yang berniaga? Dan apakah terdapat sebarang

pegecualian khususnya yang diberikan kepada mereka untuk membolehkan mereka menjalankan aktiviti mereka di sini? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat soalan itu lebih baik ditujukan kepada Kementerian Dalam Negeri. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah:** Ya, secara kasarnya saya ingat hanya boleh menyebut seperti saya katakan lebih awal tadi. KDN memainkan peranan juga dalam kes ini dan memang ada kes-kes tertentu tetapi fahaman saya tidak ada pegecualian mereka juga tertakluk di atas syarat-syarat mereka diberi kad tersebut dan kalau mereka melanggar tindakan yang tertentu akan diambil di bawah KDN.

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu masalah yang besar ini duit daripada perniagaan ini keluar daripada negara kita.

Silakan Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris.

**Datuk Razali bin Idris:** Ingatkan sudah habis. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. saya beberapa kali ke Jakarta dan melihat di sana... *[Disampuk]*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Razali bin Idris:** Beberapa kali sahaja, hendak bagi contoh *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah Yang Berhormat. Silakan. Silakan.

**Datuk Razali bin Idris:** Bukan acap kali. Beberapa kali. Bukan kerap kali.

Jadi kita melihat di sana di bandar Jakarta tidak ada warga asing yang berniaga seperti mana di negara kita. Jadi perumpamaan saya bertepuk sebelah tangan tidak akan berbunyi. Maksudnya ada kerjasama di antara warga asing dengan pemegang lesen tempatan.

Jadi sudah begitu lama kerajaan kadang-kadang mengugut supaya menghukum ataupun menarik balik lesen warga tempatan. Jadi soalan tambahan saya, apakah kerajaan tidak bercadang untuk memberi prasyarat yang ketat sebelum mengeluarkan satu lesen kepada rakyat tempatan supaya mereka menghargai pemberian lesen daripada kerajaan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah:** Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris. Tentang soalan Yang Berhormat tadi memang benarlah tindakan perlu diambil kepada kedua-dua belah pihak.

Untuk peniaga tempatan yang diberi atau dikeluarkan lesen tersebut mereka seperti yang dikatakan tadi dikenakan denda maksimum RM2000 dan penjara setahun. Ada juga pihak-pihak yang menyatakan pesalah bersiri yang mengulangi kesalahan yang sama tidak serik kerana mungkin keuntungan mereka ini lebih tinggi daripada denda yang dikenakan dan kemungkinan satu caranya adalah untuk kita *review* balik di bawah seksyen 104 untuk

menaikkan lagi saman maksimum lebih daripada RM2000 dan hukuman penjara yang lebih menggerunkan.

Itu adalah satu cara kerana apa juga syarat yang kita letakkan di situ pada asalnya yang dipersetujui tetapi disebabkan *commercial interest*, dengan izin, mereka mungkin akan meneruskan juga perancangan mereka dengan menggunakan warga asing disebabkan keuntungan yang diharapkan lebih tinggi kalau mereka usahakan dengan sendiri dan mungkin juga kerana masalah mendapati pekerja-pekerja tempatan.

Untuk tindakan pada pihak orang luar yang bukan warganegara kita juga akan menyarankan kepada pihak Imigresen mungkin akan menjalankan tindakan yang lebih tegas selepas dihantar kepada pusat tahanan akan membuat *deportation* dan sebagainya dengan lebih berkesan dan dengan lebih bersegera sebagai *deterrent* yang boleh melarang daripada kes-kes sebegini berulang terlalu banyak. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Datuk Ir. Yong Wui Chung.

**2. Datuk Ir. Yong Wui Chung** minta Menteri Kewangan menyatakan, mengapakah sehingga kini kerajaan masih lagi dilihat berdepan dengan kesukaran untuk memperkukuhkan nilai mata wang Ringgit, dan apakah cabaran yang dikenal pasti.

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Eddin Syazlee bin Shith]:**

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan nombor 2 ini bagi pihak Kementerian Kewangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Eddin Syazlee bin Shith:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat Senator sehingga 22 April 2019 nilai Ringgit telah meningkat sebanyak 0.1 peratus manakala nilai mata wang serantau yang lain telah mencatat di antara -2.7 peratus, dan 2.5 peratus berbanding Dolar Amerika.

Walau bagaimanapun, *volatility* nilai Ringgit juga didorong oleh kemerosotan sentimen pelabur dalam pasaran kewangan dunia berikutan kelemahan prospek pertumbuhan ekonomi global. Ketidaktentuan berkaitan perkembangan geopolitik serta kebimbangan bon kerajaan Malaysia dikeluarkan daripada *World Government Bond Index (WGBI)* oleh FTSE Russell yang menyebabkan aliran keluar dana asing.

Dalam keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu ini. Kadar pertukaran ringgit yang fleksibel memainkan peranan yang penting sebagai menyerap kejutan luaran tanpa menjejaskan aktiviti ekonomi domestik.

Namun demikian, *volatility* Ringgit yang ketara boleh menjejaskan aktiviti ekonomi berikutan kesukaran sektor perniagaan dan perindustrian merancang strategi dan mengambil

keputusan yang wajar. Oleh itu kerajaan akan sentiasa mengambil keadaan pasaran kewangan lebih lancar dan mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan pelbagai langkah untuk memastikan kecairan yang mencukupi, pasaran yang berdaya tahan dan mengurangkan aktiviti spekulasi dalam pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, langkah tersebut termasuk menetapkan syarat supaya sebahagian besar hasil eksport dalam mata wang asing ditukar kepada Ringgit. Langkah ini bertujuan menambahkan mudah tunai wang asing dalam pasaran dalam negeri dan peningkatan penguatkuasaan ke atas peraturan tukaran asing sedia ada bagi mencegah mata wang Ringgit diniaga di luar pesisir bagi mengekang aktiviti spekulasi.

Dalam jangkaan masa panjang, nilai ringgit akan didorong terutamanya oleh kekuatan asas ekonomi negara dan sehubungan itu kerajaan akan terus menumpukan usaha untuk meningkatkan daya tahan ekonomi dengan mempelbagaikan sumber ekonomi, memperkukuh daya asing ekonomi dan kedudukan fiskal negara. Dengan ini prestasi Ringgit akan terus meningkat seiring dengan pengukuhan asas ekonomi negara dan pasaran kewangan global.

#### ■1020

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan lain tidak payahlah.

**Datuk Ir. Yong Wui Chung:** Boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Apabila Yang Berhormat Menteri menjawab dalam perbahasan, Yang Berhormat boleh kemukakan.

**Datuk Ir. Yong Wui Chung:** Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini bagi pihak Yang Berhormat Kementerian Kewangan. Dipersilakan Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah.

**3. Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah** minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan, jangka masa dan pelan perancangan untuk mengangkat martabat Lembah Bujang sebagai pusat pelancongan ternama.

**Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Mohamaddin bin Ketapi]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera, selamat pagi, khasnya kepada Tuan Yang di-Pertua.

Bagi menjawab soalan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya menyedari kepentingan tapak-tapak warisan dan kebudayaan serta bandar-bandar bersejarah sebagai aset pelancongan berharga negara yang mampu melonjakkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama dunia. Kementerian ini sentiasa memberi perhatian kepada tapak Lembah Bujang, khususnya di Sungai Batu, Kedah. Pelan perancangan untuk kajian dan pembangunan tapak ini dijalankan secara berterusan. Usaha ini juga adalah selaras dengan

Artikel 4 di bawah kod etika global bagi pelancongan yang dikeluarkan oleh *United Nations World Tourism Organization* (UNWTO) yang menetapkan perlindungan terhadap warisan semula jadi, seni, arkeologi dan warisan budaya yang seterusnya membolehkan produk-produk budaya tradisional, kraf dan cerita rakyat tidak pupus dan terus berkembang.

Selain daripada itu, di bawah *Rolling Plan* Keempat Rancangan Malaysia Kesebelas (RP4 RMKe-11), Jabatan Warisan Negara telah mendapat peruntukan sebanyak RM10 juta. Untuk melaksanakan pembangunan Kompleks Tapak Warisan Arkeologi Sungai Batu, Lembah Bujang bermula tahun ini sehingga tahun 2023. Kerja-kerja ini akan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya yang merangkumi prasarana lengkap dan tersusun untuk kemudahan pentadbiran tapak dan pelawat.

Selain untuk mengembangkan ilmu pengetahuan dan penyelidikan berkaitan tamadun tapak ini, pembangunan pusat arkeologi pelancongan warisan bertaraf dunia, khususnya di bawah di wilayah utara ini dijangka dapat dipromosikan sebagai tarikan pelawat dari dalam dan luar negara apabila ia siap kelak. Bagi memartabatkan Lembah Bujang di peringkat global, Jabatan Warisan Negara telah memulakan usaha untuk cadangan mencalonkan Lembah Bujang sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. Walau bagaimanapun, usaha ini memerlukan kajian lebih mendalam bagi memenuhi kriteria ketat yang ditetapkan oleh UNESCO. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya faham bahawa sekiranya diiktiraf oleh UNESCO, maka tapak ini akan menjadi salah satu tapak yang terhebat di dunia seperti mana di Borobudur dan juga tempat-tempat lain.

Akan tetapi Yang Berhormat, kalau kita melihat daripada pakar arkeologi seperti *Indus-Mesopotamia, Mesoamerica China* dan *Greek Rome* telah pun menyatakan bahawa Lembah Bujang ini adalah satu daripada yang tertua melebihi daripada Borobudur dan lain-lain, *2,300 years ago*, dengan izin. Jadi saya ingin bertanya, daripada tahun 1980 sampai sekarang, kita masih belum mendapat pengiktirafan UNESCO.

Apakah kerajaan kita ini akan menumpu kepada usaha-usaha melobi UNESCO? Ini kerana Yang Berhormat, kalau kita melihat kepada kutipan daripada Angkor Wat setelah mereka diiktiraf oleh UNESCO 2016, dengan izin, 3.7 juta orang telah pun melawat Angkor Wat dan 2.3 juta melawat candi di Angkor Wat. Kutipan daripada Angkor Wat pada tahun 2016 - USD63.6 juta dan Candi Borobudur - USD50 juta tahun 2016 sahaja.

Jadi, saya melihat- saya orang Kedah dan saya selalu balik melalui kawasan itu. Kawasan Lembah Bujang ini Yang Berhormat, ia merangkumi 500 *kilometer square*, besar.

Kalau kita melihat Borobudur itu sahaja, ini 500 *kilometer square*. Dahulu pernah 17 candi telah diiktiraf- yang nombor 11 itu Yang Berhormat, sudah pun dikosongkan, dibuat perumahan, dibangunkan.

Jadi, dalam 500 kilometer itu soalan saya Yang Berhormat, macam mana kita hendak pastikan supaya kawasan-kawasan ini tidak diambil untuk pembangunan? Bilakah agak-agak Yang Berhormat, UNESCO ini kita menggunakan *lobbyist* yang begitu kuat sekali untuk mendapatkan pengiktirafan?

Ini kerana kita yang tertua, daripada tahun 1980 telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan, sampai sekarang masih belum mendapat pengiktirafan. Saya melihat tempat itu daif sekali Tuan Yang di-Pertua, malu kita kadang-kadang untuk melalui kawasan tersebut yang disebut sebagai arkeologi tertua di dunia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** Terima kasih Yang Berhormat. Kalau kita katakan hendak macam Angkor Wat, kita perlu susunan rapi, perancangan yang terbaik. Oleh yang demikian, saya yang sebetulnya belum sampai ke tempat ini, Yang Berhormat. Akan tetapi apabila diceritakan tempat ini cantik, saya terus mencari jalan mencari RM10 juta. Saya bilang, tolong berikan ke tempat ini. Kita mesti bangunkan tetapi pada waktu itu saya tidak terfikir pula Angkor Wat.

Jadi, kita di dalam untuk menjadikan ia ini termasyhur macam Angkor Wat, kita perlu prasarana yang baik iaitu dalam rangka pertama Pusat Penyelidikan Arkeologi daripada dalam negara kita. *Shelter* terbuka, kita akan buat pondok pengawal, bangunan TNB, rumah sampah, *parking* terbuka, *shelter* tertutup dan sebagainya. Apabila ini sudah lengkap, kita akan lagi nanti menjalankan kita punya kerja-kerja supaya tempat ini sekurang-kurangnya kalau ada pelancong atau pelawat yang datang, ada lah tempat untuk dia tinggal, ada lah tempat untuk dia tidur dan sebagainya. Jadi, inilah bentuk prasarana yang kita akan nanti buat di tempat ini. Walau bagaimanapun, kita bermula dengan RM10 juta ini untuk membangun.

Menyentuh soal UNESCO, kita sudah angkat tapak ini ke warisan kebangsaan dan sekarang kita di dalam mengangkat tapak ini ke UNESCO warisan tapak dunia.

#### ■1030

Apa yang sebetulnya, ia hanya mengambil selama 18 bulan, kalau tidak silap. Ia mengambil selama 18 bulan untuk kita- selepas kita punya *submission* ke UNESCO, ia mengambil masa selama 18 bulan untuk kita mendapatkan dia punya kelulusan. Jadi saya berharap- sebetulnya saya ini baru. Kalau dikira belum sampai satu tahun menjadi Menteri, Yang Berhormat. Saya berbesar hati sangat untuk mengangkat tapak warisan ini ke UNESCO

dan menunggu selama 18 bulan lagi untuk kelulusan. Tentu sekali saya rasa Yang Berhormat akan memberi kerjasama kepada Menteri ini, mudah-mudahan ini akan lulus.

Apabila ini masuk di dalam kawasan-kawasan tapak warisan dunia, kita akan lebih mendapat kuasa supaya tempat-tempat ini tidak dijadikan pula tapak perumahan, Yang Berhormat. Begitu. Jadi, saya berharap daripada kementerian sehingga ke peringkat negeri dan juga Yang Berhormat Senator sendiri dapatlah kita semua memberi kerjasama dengan baik. Mudah-mudahan tapak ini dapat diangkat menjadi tapak warisan dunia UNESCO. Terima kasih banyak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Senator Puan Asmak.

**Puan Asmak binti Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Apabila bercerita tentang pelancongan sejarah, ia sangat berkait dengan pemasaran penceritaan dan antara perkara penting dalam pemasaran adalah untuk memastikan bagaimana *tour guide*- pemandu pelancong dan juga masyarakat sekeliling itu dia betul-betul memahami sejarah dan mendalami sejarah tersebut. Contohnya, apabila saya pergi di sesetengah negara seperti Iran, rakyat di sekeliling itu, di tempat-tempat sejarah itu sendiri bercerita, seolah-olah mereka ini adalah pemandu pelancong dan menyebabkan walaupun tidak diiktiraf di peringkat antarabangsa tetapi pelancong suka pergi, sebab masyarakat sendiri menjiwai.

Jadi apakah langkah-langkah pihak kerajaan untuk *empower* kita punya *tour guide* dan masyarakat sekeliling supaya mereka memahami sejarah di tempat mereka? Macam Lembah Bujang ini, saya pastilah masyarakat sendiri pun tidak mahir apakah sebenarnya rahsia yang terdapat di Lembah Bujang itu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Rancangan untuk mempromosi tempatan. Sila, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Rancangan untuk mempromosikan dan, kalau tidak silap tadi, *more or less to educate the people down there to understand the situation of this area very well.*

*Now, I would suggest,* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *I would suggest,* Yang Berhormat, saya buat secara terbuka, tolong Yang Berhormat hantar cadangan yang terbaik kepada saya. Saya akan baca dan lihat yang mana boleh dipakai dan yang mana tidak boleh dipakai, saya panggil Yang Berhormat ke pejabat saya untuk berbincang. Boleh?... [*Tepuk*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat panggil Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi sekalilah. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing.

**Datuk Lee Tian Sing:** Di sini ada satu pengumuman, saya bagi pihak Dewan yang mulia ini mengalu-alukan kedatangan pelajar Maahad Tahfiz, *is it correct?* Betul. Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah, Kelantan... [*Dewan tepuk*]

4. **Datuk Lee Tian Sing** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:

- (a) bagaimanakah pihak kementerian menilai program *Profesional Training and Education for Growing Entrepreneurs* (PROTEGE) ini mampu menjadi satu mekanisme terbaik dalam menjana lebih banyak peluang pekerjaan berkualiti kepada lambakan graduan yang menganggur; dan
- (b) apakah pihak kementerian telah menetapkan syarat tertentu terhadap majikan yang menyertai program ini bagi mengelakkan peserta program ini dieksploitasi sepanjang tempoh program berlangsung.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing dan selamat datang guru-guru dan para pelajar Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah, tempat anak saya belajar tiga tahun yang lepas. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu matlamat yang hendak dicapai oleh Kementerian Pembangunan Usahawan ialah untuk melahirkan usahawan yang mampu mewujudkan peluang pekerjaan bukan sekadar mereka mencari pekerjaan, tetapi mereka mewujudkan peluang pekerjaan. Justeru, program yang dilaksanakan oleh PROTEGE di kementerian ini bukan sahaja untuk melatih graduan untuk kebolehpasaran dalam industri, malah untuk menjadi usahawan yang berkemahiran.

Bagi memastikan keberkesanan program yang dilaksanakan oleh PROTEGE, penambahbaikan dan pendekatan baharu yang lebih mantap telah dilaksanakan. Ia bertujuan untuk memperkasakan tenaga muda bagi melahirkan modal insan yang seimbang dan berkemahiran untuk industri serta mewujudkan generasi usahawan *job creator* dalam membantu mengembangkan ekonomi negara lebih pesat lagi. Usaha ini bukan sahaja dapat memupuk keusahawanan dalam diri mereka, malah menjadikan bidang kerjaya keusahawanan sebagai pilihan pertama dalam melangkah membina kerjaya selepas tamat pengajian. Mukadimah itu ya.

Sebagai contohnya program PROTEGE ini, Tuan Yang di-Pertua, ada satu program dipanggil *PROTEGE Ready-To-Work* telah ditambah baik. Ditambah baik ini mesti akan tanya, dahulu adakah? Ada. Dahulu dipanggil Skim Latihan 1Malaysia. Biasa dengar ya. Jangan pula kata ini tukar nama lagi. Tidak, ini bukan tukar nama ya. Ini satu penambahbaikan daripada satu program menjadi lapan program. Jadi, satu itu pun sudah kecil itu ya.

*PROTÉGÉ Ready-To-Work* telah ditambah baik dan antara penambahbaikan yang telah dilakukan ialah menerapkan konsep *entrepreneurial thinking*, dengan izin, dalam penghasilan kerja dalam modul latihan industri.

Selain daripada memberi pendedahan pengalaman kerja sebenar, program ini menggunakan lima modul wajib latihan *soft skills*, seperti dahulu dalam SL1M, dengan penambahan dua modul baharu dalam bidang keusahawanan yang disediakan oleh syarikat yang mengambil anak-anak muda ini dalam syarikat mereka.

Program ini dilaksanakan selama lapan bulan minimumnya sehingga 12 bulan maksimum. Ada lebih 100 buah syarikat yang terlibat mengambil anak-anak muda kita ini, bukan hanya graduan tetapi dalam *Ready-To-Work* ini- dahulu dalam SL1M hanya mereka yang lulus dengan ijazah diambil tetapi kali ini kita perluaskan kepada pemegang-pemegang diploma yang tidak bekerja. Itu satu daripada lapan program di dalam PROTEGE. Program yang tujuh lagi itu mengambil semua golongan, bukan hanya graduan untuk terlibat.

Bagi pertanyaan yang kedua, untuk mengelakkan eksploitasi terhadap mereka yang diambil dalam program *Ready-To-Work* ini, untuk makluman Yang Berhormat Senator, syarikat yang menyertai program ini terbahagi kepada dua kategori iaitu yang melaksanakan secara *corporate social responsibility (CSR)*, dengan izin, dan keduanya perlaksanaan secara kontrak bagi syarikat yang menerima perolehan kerajaan.

Mana-mana syarikat yang memperoleh kontrak dengan satu jumlah yang lebih daripada tahap minimum ini, mereka perlu mengambil bahagian dalam program *PROTEGE Ready-To-Work* ini. PROTEGE tidak meletak sebarang syarat penyertaan kepada syarikat yang ingin terlibat dalam program *PROTEGE Ready-To-Work* ini. Walau bagaimanapun, syarikat yang terlibat adalah tertakluk kepada tujuh modul tadi. Jadi mereka mesti melaksanakan tujuh modul, lima *soft skills* dan dua *entrepreneur skill* tadi.

Pihak sekretariat akan menjalankan audit pematuhan di syarikat-syarikat yang dilaksanakan program ini bagi memastikan latihan yang diberikan kepada peserta adalah mengikut modul yang ditetapkan. Jika terdapat syarikat yang tidak mematuhi terma dan keperluan program ini, maka nama syarikat tersebut akan disenaraihitamkan dan dipaparkan dalam portal PROTEGE. Tuan Yang di-Pertua, itu jawapan awal. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat Senator.

■1040

**Datuk Lee Tian Sing:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Soalan tambahan saya adalah, apakah statistik terkini peserta yang telah berdaftar dalam program ini dan berapakah jumlah peserta yang telah berjaya diupah oleh syarikat-syarikat luar menerusi program ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebelum itu saya ingin mengalu-alukan kedatangan Persatuan Kebajikan Masyarakat India Labis ke Dewan Negara... [*Tepuk*] Diharapkan lawatan ini akan memberikan manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini. *Welcome*.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan tadi jumlah syarikatnya lebih daripada 100, ada 135 syarikat dan sasaran kita pada tahun 2019 ini ialah seramai 15,000 graduan diploma dan juga *degree* yang termasuk di dalam program ini. Jadi, kita masih lagi mengambil pelajar dan statistik yang terkini akan disampaikan kepada Yang Berhormat secara bertulis. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Raj Murni binti Sabu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Matlamat program PROTEGE ini kalau kita lihat ialah tiada belia yang terpinggir. Justeru, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri tentang apakah usaha-usaha yang telah diambil ataupun mungkin akan diambil oleh pihak kementerian untuk meningkatkan akses penyertaan golongan belia khususnya daripada kawasan luar bandar? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Terima kasih. Program PROTEGE ini memang untuk mengendalikan sejumlah pelajar-pelajar kita, graduan-graduan kita yang tidak mendapat pekerjaan. Kalau sebelum ini PROTEGE ini hanya melatih mereka menjadi pekerja kepada syarikat yang melatih mereka jika mereka berkelayakan ataupun mempunyai prestasi yang baik tetapi dengan penglibatan dalam usaha-usaha *entrepreneur* ini, keusahawanan ini maka mereka hampir keseluruhannya sepatutnya boleh mempunyai satu kerjaya. Mana yang tidak dapat dalam kerjaya usahawan ini, saya rasa masuk politik pun bolehlah agaknya untuk mencukupkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk golongan luar bandar ini memang PROTEGE mempunyai satu program yang lengkap, yang banyak. Kita melalui agensi-agensi yang ada di kementerian kita seperti SMECorp., INSKEN, IKM dan juga SKM, seperti juga MaGIC, kita mengambil penyertaan secara terbuka. Jadi ini termasuk anak-anak muda kita, termasuk yang lepasan SPM, tidak semestinya graduan yang ingin menyertainya. Memang boleh mereka memohon secara aktif dan ada diiklankan di dalam agensi-agensi yang ada termasuk contohnya *PROTEGE Entrepreneurship Intern* yang dikendalikan oleh beberapa agensi seperti *SME Corp. PROTEGE*

UniPreneur, mereka di dalam universiti lagi kita sudah didik sebagai *entrepreneur*. Di INSKEN kita ada *PROTEGE Business Accelerator* yang memberikan *coaching* kepada peserta-peserta ini.

Jadi saya berharap kalau boleh Ahli-ahli Dewan Negara ini di kawasan-kawasan masing-masing, cuba *recce* sedikit, cuba cari anak-anak muda kita yang memerlukan bantuan

ini supaya dapat disalurkan kepada program-program ini. Di Institut Koperasi Malaysia (IKM) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, kita ada *PROTEGE Co-Op*. Ertinya kalau mereka ini boleh digabungkan dalam satu koperasi, kita boleh masukkan ke dalam program *PROTEGE Co-Op* di bawah agensi ini. Juga kalau ada yang berminat dalam bidang inovasi di kalangan anak-anak kampung kita, kita boleh menyertai MaGIC, salah satu agensi kita dalam *PROTEGE innovation*. Jadi banyak Tuan Yang di-Pertua, peluang-peluang ini. Kita mempersilakan, *ahlan wasahlan wamarhaban*. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Ismail bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Menteri, tadi Yang Berhormat Menteri sebut ada 135 syarikat yang telah pun berdaftar dengan PROTEGE. Soalan saya ialah, ada atau tidak di antara syarikat ini yang telah disenaraihitamkan dalam program PROTEGE?

Ini kerana saya difahamkan, ada syarikat-syarikat ini mereka mengambil pelajar, *student* untuk masuk menjadi *intern* dan itu sebahagian daripada proses mereka untuk mengurangkan kos pengoperasian. Jadi saya hendak tahu, bagaimana pihak kementerian mengawal selia supaya eksploitasi sepertimana yang disebut dalam soalan ini benar-benar dapat dikawal selia oleh pihak kementerian supaya tidak berlaku penganiayaan kepada anak-anak kita? Terima kasih.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya program-program yang dicontohkan oleh Yang Berhormat Senator tadi sepertimana *internship* di dalam syarikat ini adalah program-program yang dibiayai oleh syarikat, bukan untuk mengurangkan kos syarikat. Ertinya, bagi syarikat-syarikat yang mengambil peserta-peserta daripada PROTEGE ini, mereka harus menyediakan pembiayaan elaun kepada peserta ini antara RM2,000 bagi graduan dan RM1,500 ke RM1,000 bagi bukan graduan.

Tentunya kemasukan mereka ke dalam program ini adalah insentif-insentifnya daripada segi *double taxation* yang dikecualikan dan sebagainya. Itu adalah syarat untuk masuk. Kita juga menyediakan proses kemasukan ini melalui perjanjian-perjanjian dalam masa pemberian-pemberian perolehan kerajaan, dalam kontrak-kontrak kerajaan. Akan tetapi saya maklumkan tadi bahawa kita ada sistem pengawasan dan kita harap *interns* yang masuk ke dalam syarikat ini, kerana mereka masuk bukan pasti akan diserap sebagai pekerja ataupun pegawai di situ tetapi mereka hendak belajar.

Kalaupun mereka disuruh contohnya untuk membuat kerja *photostat*, *they are graduates*, belajar untuk membuat fotostat ataupun buat *tea* contohnya, bagi kita dalam tempoh yang singkat itu, semua *soft skills*, *fine skills*, *social skills* kena dipelajari. Ini peluang dia untuk belajar. Jadi, tidak menjadi kesalahan kalau syarikat ini- tidak-lah sampai enam

bulan buat fotostat sahaja. Itu tidak betullah. Jadi saya rasa, peserta juga harus berlapang dada dan syarikat juga harus tidak mengeksploitasi. Kita ada skim audit yang mana kita boleh mengambil tindakan. Setakat ini, kita tidak dimaklumkan ada mana-mana syarikat yang telah disenaraihitamkan kerana masalah eksploitasi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**5. Dato' Ong Chong Swen** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, apakah pampasan yang akan diberi kepada mangsa yang terjejas akibat banjir dan sebagainya yang disebabkan pembinaan lebuhraya dan sebagainya.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Dewan, saya bangun untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Swen yang bertanyakan apakah pampasan akan diberikan kepada mangsa yang terjejas akibat banjir apabila ia disebabkan oleh pembinaan lebuhraya dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat Senator, setiap lebuhraya di dalam pembinaan diwajibkan untuk mempunyai *all risk insurance*, dengan izin, yang perlu diambil sebelum kerja-kerja di tapak dimulakan. Insurans ini merangkumi hal-hal luar jangka seperti banjir, tanah runtuh, kemalangan di tapak bina serta kerosakan yang disebabkan oleh aktiviti pembinaan lebuhraya. Memang ada insurans yang telah diambil oleh pihak pemegang konsesi.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian banjir yg disebabkan oleh pembinaan lebuhraya akan mendapat pampasan yang sewajarnya. Pihak pemegang konsesi akan menilai jumlah kerosakan dan pengesahan akan dibuat melalui pengadu atau mangsa banjir sebelum laporan kerosakan dan penilaian yang dibuat dikemukakan kepada pihak insurans bagi proses tuntutan.

■1050

Di samping itu pihak konsesi juga mempunyai apa yang disebut, dengan izin, *emergency response team* ataupun pasukan bertindak kecemasan bagi memberikan bantuan awal kepada mangsa yang terlibat seperti mengalihkan barang-barang berharga semasa banjir, kerja-kerja pembersihan katakanlah rumahnya dimasuki oleh lumpur dan sebagainya dan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan sebagainya. Oleh itu, saya memberi jaminan kepada Yang Berhormat Senator bahawa pihak pemegang konsesi mengambil tanggungjawab dalam hal yang berkaitan dengan perkara yang disoalkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat.

**Dato' Ong Chong Swen:** Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu bahawa pengurusan isu banjir di bandar terutamanya melibatkan melibat kementerian dan jabatan seperti DBKL, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Wilayah Persekutuan dan lain-lain. Namun, yang menjadi mangsa ialah penduduk tempatan. Maka, soalan tambahan saya, apakah jaminan walaupun tadi ada cerita jaminan kerajaan bahawa semua pihak sekarang iaitu kementerian yang terlibat akan mengambil tanggungjawab secara sama rata untuk kejadian banjir kerana ada banyak *construction project* yang ada di *Federal Territory*, Wilayah Persekutuan dan juga apa projek yang ditanggung yang ada *cloud-rain*, dan semuanya yang terjadi banjir. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah menjawab semua kontraktor mengambil insurans. So, soalan Yang Berhormat saya pun tidak faham. Sila jelaskan.

**Dato'Ong Chong Swen:** Saya jelaskan banjir bukan hanya kementerian kerajaan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kemalangan...

**Dato'Ong Chong Swen:** ...Kerja raya tetapi kadang-kadang melibatkan beberapa kementerian dan ada tidak antara sebab, dengan izin, *there is always a problem of inter ministry or department that has not being able to settle the problem. Thank you.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau boleh jawab.

**Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir:** Di pihak kementerian kami yang berkaitan dengan pembinaan lebuhraya, pembinaan jalan raya. Kalau sekiranya berlaku keadaan ini, kami mengambil tanggungjawab sepenuhnya. Malah kami memastikan pihak pemegang konsesi tidak lepas tangan. Akan tetapi kalau ia melibatkan kementerian lain, itu barangkali di luar kemampuan kami untuk mengarahkan kementerian-kementerian berkenaan tetapi kalau di pihak Kementerian Kerja Raya khususnya Lembaga Lebuhraya Malaysia, kita pastikan bahawa pihak pemegang konsesi mengambil tanggungjawab. Malah kalau yang kecil-kecil-insurans kadang-kadang sudah juga hendak membuat pembayaran, banyak persoalan, banyak prasyaratnya dan akhirnya barangkali insurans tolak kalau yang dianggap itu tidak cukup besar.

Dalam hal seperti itu, pihak pemegang konsesi sendiri membayar. Ini apa yang berlaku. Ini praktis. Ini yang telah dibuat selama ini. Ini yang kita perhatikan. Pihak konsesi sendiri kalau sekiranya pampasan itu tidak terlalu besar, mereka sendiri bayar tanpa menggunakan wang insurans kalau insurans susah sangat. Kadang-kadang, kalau ia melibatkan penduduk setempat yang mengalami masalah di sana sini, mereka membuat program CSR untuk penduduk-penduduk setempat itu. Itulah bagi pihak saya dan kita harap bagi pihak kementerian-kementerian yang lain tentu akan mengambil langkah yang sama. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Dengan izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini berkenaan dengan kesulitan atau kesusahan yang dihadapi kadang-kadang oleh pengguna lebuhraya. Apabila seseorang pengguna lebuhraya mendapatkan tiket atau satu *Touch 'n Go*. Maknanya sebelum menggunakan lebuhraya satu kontrak antara pengguna lebuhraya dengan syarikat konsesi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan Yang Berhormat keluar daripada soalan pokok. Saya tahu Yang Berhormat ini baharu tetapi...

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** ...Dengan izin, *you questions is- related to the...*

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** *Yes, is related to compensation also.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** So, ia akan menyebabkan satu kontrak antara pengguna lebuhraya dan syarikat konsesi lebuhraya. *Now*, lebuhraya dibina untuk memberi keselamatan, keselesaan dan juga memberi masa yang munasabah kepada pengguna lebuhraya untuk sampai ke destinasi dan lain-lain lagi.

Namun demikian, kebanyakan masa adalah perjalanan kita adalah ditangguhkan disebabkan pembaikan jalan raya atau penurapan *road surface*, dengan izin, atau pemeriksaan lebuhraya dijalankan pada waktu puncak dengan kenderaan-kenderaan pemeriksaan atau tiga lorong dijadikan satu lorong atau kemalangan jalan raya yang telah menghalang semua lorong di lebuhraya.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah ada tidak *proviso* atau *provision* yang membolehkan pengecualian atau pengurangan kadar tol dikenakan kepada pengguna lebuhraya yang menghadapi perjalanan yang telah tertangguh atau dilambatkan, yang pertama.

Kedua ialah notifikasi yang dikeluarkan di tempat masuk di mana kerja-kerja penambahbaikan dan pembaikan dijalankan dan pertanggungjawaban masa yang akan dihadapi. Memandangkan kontrak telah dijalankan antara parti-parti, oleh itu saya sarankan Yang Berhormat Timbalan Menteri harus menitikberatkan isu ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalan pokok adalah pampasan mengenai banjir, akibat banjir dan mangsa banjir jadi terpulang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Cuma soalan Yang Berhormat Senator tanyakan tadi apakah ada

*provision* untuk mengurangkan bayaran tol dan sebagainya kesan daripada kelewatan kerana hal-hal Yang Berhormat Senator sebutkan tadi, setakat ini belum ada lagi. Akan tetapi walau bagaimanapun, setiap apa yang dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini diambil maklum oleh saya dan pegawai-pegawai. Setakat ini saya tidak boleh menjawab selain daripada itu kerana di luar daripada soalan asal.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind.

**6. Datuk Theodore Douglas Lind** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, apakah tindakan yang akan dan telah diambil untuk meningkatkan kelajuan Internet di negeri Sabah khususnya di Kota Kinabalu.

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Eddin Syazlee Shith]:** Dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator, untuk makluman Yang Berhormat, pihak kerajaan secara berterusan giat melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan perkhidmatan komunikasi di seluruh negara termasuklah Kota Kinabalu dan negeri Sabah di bawah inisiatif perluasan liputan *cellular* dan jalur lebar mudah alih yang melibatkan pembinaan menara komunikasi baharu, penaiktarafan menara komunikasi sedia ada sebanyak 355 menara komunikasi baharu telah siap beroperasi Sabah dan manakala 37 buah menara lagi dalam peringkat pelaksanaan.

Ini merupakan tambahan kepada 1718 struktur pemancar komunikasi yang disediakan secara komersial di Sabah oleh syarikat-syarikat telekomunikasi utama. Daripada jumlah ini sebanyak 96 struktur pemancar komunikasi terletak di Kota Kinabalu. Selain itu sebanyak 1092 lokasi menara sedia ada telah siap dinaiktarafkan di negeri Sabah yang menjadikan liputan perkhidmatan sehingga 4G manakala 129 menara lagi sedang dalam proses penaiktarafan dan dijangka siap menjelang suku keempat 2019.

■1100

Daripada jumlah tersebut, 43 lokasi menara yang telah siap dinaiktarafkan berada di Kota Kinabalu. Melalui Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) yang menyediakan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi di ibu negeri, bandar-bandar utama dan kawasan ekonomi berimpak tinggi di seluruh negara, termasuk di Sabah, hampir 100,000 sambungan telah tersedia yang melibatkan penaiktarafan 10 ibu sawat di Sabah dan satu ibu sawat di Kota Kinabalu. Pihak kerajaan turut melaksanakan Projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) dan Projek Jalur Lebar Luar Bandar (RBB) yang menyediakan kemudahan jalur lebar dengan

kelajuan sehingga 20Mbps di kawasan pinggir dan luar bandar, di mana terdapat 40,000 sambungan tersedia melalui 40 ibu sawat talian tetap di Sabah.

Sebagai tambahan, pihak kerajaan turut melaksanakan Projek Sistem Kabel Dasar Laut yang menghubungkan Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak yang bertujuan untuk meningkatkan kelajuan *internet* dengan pemasangan rangkaian kabel gentian optik dasar laut berkapasiti empat *terabyte* sesaat dengan jumlah jarak keseluruhan melebihi daripada 3,800 kilometer.

Kesemua inisiatif ini usaha yang berterusan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi meningkatkan liputan dan kualiti jalur lebar di kawasan bandar dan luar bandar, termasuklah di Kota Kinabalu. Pihak kerajaan juga telah merangka draf Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara iaitu, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *National Fiberisation and Connectivity Plan* (NFCP) bagi menambah baik dan meningkatkan liputan jalur lebar seluruh negara bagi tempoh pelaksanaan selama lima tahun iaitu tahun 2019 sehingga tahun 2023. Antara sasaran yang ditetapkan di bawah NFCP adalah 98 peratus kawasan berpenduduk di Malaysia akan mendapat kelajuan purata 30Mbps menjelang tahun 2023 dengan menggunakan teknologi yang bersesuaian di seluruh negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat Senator?

**Datuk Theodore Douglas Lind:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri yang memberikan jawapan yang lengkap dan memuaskan. Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua soalan tambahan. Soalan pertama, bilakah kerajaan akan memperkenalkan teknologi 5G dalam perkhidmatan telekomunikasi di negara? Kedua, apakah pembekal perkhidmatan telekomunikasi ini seperti *Maxis*, *Celcom* dan *Digi* sudah bersiap sedia untuk menampung atau menerima teknologi baharu 5G ini dalam perkhidmatan mereka? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat sudah lengkap tidak ada soalan tambahan tetapi ada dua tambahan. Tidak apa. Ini berkenaan dengan 5G, Yang Berhormat Senator, ianya baru dilancarkan seminggu yang lalu. Masih terlalu awal untuk kita membuat andaian kebolehterimaan syarikat-syarikat telekomunikasi yang berkaitan.

Akan tetapi pada waktu ianya diperkenalkan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *launching* 5G minggu lalu, kita melihat sambutan yang sangat positif oleh *telco-telco* yang terlibat. Ini menunjukkan bahawa syarikat-syarikat telekomunikasi ini telah bersedia. Sudah tentulah perkara tersebut sangat dialu-alukan oleh kerajaan dengan harapan 5G ini mampu melakukan perubahan kepada masa depan dan kehidupan rakyat pada masa-masa yang akan datang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya berkenaan dengan jaringan *fiber optic*. Apakah tempoh masa yang dijangkakan oleh kementerian ataupun kerajaan untuk *migration* daripada *copper wire connection* kepada *fiber optic*? Oleh sebab buat masa ini, di kawasan saya di Penampang walaupun tidak jauh daripada Kota Kinabalu, kita masih belum mendapat sambungan UniFi kerana *fiber optic* belum sampai ke tempat saya. Jadi, walaupun kita sedang memperluaskan tetapi kita masih bergantung daripada hab itu masuk ke tempat perumahan-perumahan, masih memerlukan *copper connection*. Jadi, apakah jangka masa yang kita perlukan untuk *migrate* sepenuhnya kepada *fiber optic*? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Berkenaan dengan jangkaan masa, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Ini, *upgrading* daripada- kepada UniFi ini sedang dibuat secara berperingkat. Ini termasuklah dalam perancangan NFCP. Cuma, jangka masa yang ditetapkan itu masih belum secara jelas, belum ditetapkan sepenuhnya. Akan tetapi seboleh-bolehnya perkara ini akan disegerakan. Saya percaya sekiranya pelan NFCP ini berjalan lancar, sudah tentulah proses untuk men-*upgrade*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kepada *UniFi* ini akan dilakukan sesegera mungkin. Saya tidak melihat sebarang masalah untuk perkara ini dilakukan. *Insyallah*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat Senator.

Silakan Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali.

7. **Datuk Rabiyah binti Ali** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, tindakan yang patut diambil ke atas syarikat konsesi lebuhraya di Kuala Lumpur dalam usaha meningkatkan kecekapan operasi pembersihan tandas dan tempat solat di seluruh bangunan Rehat dan Rawat di Kuala Lumpur dan Lembah Kelang serta kerja-kerja naik taraf bagi kemudahan tandas yang telah uzur terutama di Tol Duta, DUKE dan Kelana Jaya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir]:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakatuh*. Salam sejahtera.

Saya tampil untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah yang menanyakan tindakan yang patut diambil ke atas syarikat konsesi lebuhraya di Kuala Lumpur dalam usaha meningkatkan kecekapan operasi pembersihan tandas dan tempat solat di seluruh bangunan Rehat dan Rawat di Kuala Lumpur dan Lembah Kelang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, pihak kementerian kami melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) sentiasa mengambil berat berhubung dengan aspek kebersihan dan operasi kemudahan yang disediakan di kawasan Rehat dan Rawat (R&R) seperti surau dan tandas yang sentiasa dipakai umum agar sentiasa dipastikan di dalam keadaan bersih untuk keselesaan pengguna. LLM memantau dari semasa ke semasa, setiap masa untuk memastikan bahawa syarikat pemegang konsesi lebuhraya mematuhi garis panduan yang disediakan oleh LLM berhubung dengan perkara ini iaitu garis panduan operasi dan penyelenggaraan kawasan Rehat dan Rawat dan juga hentian sebelah.

Namun Yang Berhormat Senator, penggunaan ramai orang dan kita tahu bahawa kadang-kadang para pengguna juga tidak begitu berhati-hati dan tidak begitu bertanggungjawab sepenuhnya. Mereka belum sampai ke tingkat *world class citizen* lagi. Kita harap warga negara Malaysia semakin hari semakin meningkat ke arah yang bermutu tinggi, kelas dunia, jaga kebersihan seperti jaga kebersihan rumah sendiri, seperti menjaga kebersihan pejabat sendiri. Kadang-kadang masa puncak, masa ramai orang, mereka membiarkan sahaja keadaan sampah itu dibuang tidak pada tempatnya.

■1110

Malah, walaupun kita ada peraturan-peraturan tetapi kita dapati orang secara sembunyi-sembunyi melanggar peraturan. Perokok tegar misalnya, semua perokok dilarang merokok di kawasan R&R tetapi mereka masuk ke tandas. Dalam tandas, macam-macam hajat rupanya dilepaskan. Bukan sahaja hajat besar dan kecil, tetapi juga hajat-hajat yang tidaklah begitu penting tetapi dilakukannya di situ dan dibuang puntung rokok itu ke dalam mangkuk tandas. Kalau seramai 100 orang atau seramai 200 orang akhirnya buat, maka tandas kita akan rosak dan terpaksa dibaiki, ditutup untuk sekian masa untuk diperbaiki. Semua ini adalah tanggungjawab bersama.

Bagi pihak LLM, kita pantau dan kita akan beri amaran kepada pihak mereka yang memegang konsesi. Sekiranya itu berlaku, ia akan mencatitkan kedudukan prestasi mereka sebagai pemegang konsesi. LLM sentiasa memberikan perhatian dan sentiasa merekodkan dan orang ramai, para pengguna dan rakyat bebas untuk memberitahu, melaporkan, membantah dan sebagainya kerana rakyat adalah raja. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan dari Yang Berhormat Datuk Rabiyyah.

**Datuk Rabiyyah binti Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Sejauh manakah Lembaga Lebuhraya Malaysia dan kementerian dapat menyediakan satu standard atau piawaian bagi satu peraturan statutori agar syarikat konsesi yang mengendalikan kawasan rehat dan rawat ini mematuhi ketetapan minima bagi aspek *hygienic* dan kebersihan

awam agar kemudahan tandas dan tempat solat benar-benar sempurna setanding dengan hospitaliti di Malaysia?

Lagi satu, saya hendak tanya juga dari segi keselamatan. Kita kadang-kadang bila masuk ke tandas sekarang, kita takut kadang-kadang ada pula lembaga lain yang masuk, iaitu yang lain daripada jantina perempuan. Hal ini ada berlaku ya. Jadi, kadang-kadang kalau kita nak masuk tandas, kita berfikir juga kalau tidak ada orang, jangan masuk seorang. Hal ini amat kita rasa curiga. Kita takut, kalau ada pelancong-pelancong yang datang daripada luar negara, tiba-tiba dia masuk tandas, tiba-tiba masuk tandas tengok ada orang lelaki, tidak terkejut dia? Jadi, ini dah berlaku di Melaka iaitu di Ayer Keroh apabila masuk tandas, bila keluar sahaja bilik air itu dah ada orang lelaki tunggu. Hal ini amat mencurigakan dan kita minta pengawasan ataupun *security* ini perlu memantau keadaan sebegini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat yang membuat soalan tambahan.

Memang perjanjian yang ada, kontrak yang ada di antara kita khususnya Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dengan para pemegang konsesi itu sudah terperinci sudah. Merangkumi semua, termasuk hal yang berkaitan yang disebut oleh Yang Berhormat Senator tadi. Saya merasa setakat ini, kita boleh berbangga dengan prestasi yang ada. Walaupun masih perlu banyak pembaikan tetapi saya percaya kalau dibandingkan dengan negara-negara luar yang ada perkhidmatan-perkhidmatan seperti mana yang kita tawarkan, kita tidaklah terlalu teruk sangat.

Akan tetapi, kita tidak boleh mengambil perkara ini dengan sikap alang-kepalang. Kita sentiasa memperbaikinya dari semasa ke semasa. Lembaga Lebuhraya Malaysia yang kita amanahkan akan sentiasa mencari ruang-ruang untuk dibaiki dan kalau sekiranya kontrak yang kita buat dengan pihak konsesi itu perlukan lagi pembaikan, maka ia akan kita buat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil maklum tentang soal keselamatan tadi. Saya percaya pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia akan memantau perkara ini supaya pemegang konsesi memberikan perhatian tambahan kepada soal keselamatan tengah malam, jauh malam dan dinihari. Penggunaan tandas kadang-kadang ada yang buta huruf masuk tandas bukan untuk dia dan ada orang yang barangkali ada niat jahat dan sebagainya. Jadi, saya percaya soal keselamatan ini boleh diperbaiki lagi, *insya-Allah*. Terima kasih.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Saya antara pengguna tegar tandas kalau saya di *highway*. Saya dapati tandas itu agak bersih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tegar itu maksud apa, Yang Berhormat?

**Dr. Yaakob bin Sapari:** *[Ketawa]* Akan tetapi, bau busuk. Berbanding tandas di Jepun, bersih tidak busuk. Jadi, macam mana usaha supaya kementerian dapat *benchmark*? Kalau Yang Berhormat nak pergi Jepun, saya sedia ikut... *[Dewan ketawa]*

**Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir:** Terima kasih atas teguran itu, Tuan Yang di-Pertua. Saya terima, dan tidak ada hak untuk menolaknya kerana memang soal bau inikan, bila dah ramai orang pakai, ada masalahnya. Akan tetapi, mesti ada jalan untuk mengatasi, mesti ada yang boleh kita buat untuk memperbaikinya.

Soal nak ke Jepun, itu tidak boleh lagilah sebab kerja terlalu banyak. Sehari pun belum ambil cuti sejak hampir setahun bertugas ini. Terima kasih... *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Syabas, syabas. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dipersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Ismail bin Ibrahim.

**8. Datuk Haji Ismail bin Ibrahim** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, berapakah bilangan warga emas sebatang kara yang direkodkan dan didaftarkan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat sehingga Mac 2019 serta apakah kesemua warga emas ini menerima bantuan JKM dan BSH 2019.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat bertanyakan bilangan warga emas sebatang kara yang direkodkan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), menyediakan Skim Bantuan Orang Tua yang bertujuan memastikan warga emas dapat meneruskan kelangsungan dan kesejahteraan kehidupan dalam komuniti.

Rekod penerima Bantuan Orang Tua JKM dari Januari sehingga Februari tahun ini adalah seramai 138,576 orang penerima dengan peruntukan yang telah disalurkan adalah sebanyak RM98.8 juta. Sebanyak RM568.3 juta telah diperuntukkan bagi Skim Bantuan Orang Tua pada tahun 2019.

Data JKM tidak menunjukkan siapa daripada golongan yang menerima Bantuan Orang Tua ini adalah warga emas sebatang kara. Namun, berdasarkan rekod di Rumah Seri Kenangan yang JKM kendalikan dan berdasarkan statistik JKM sehingga Mac tahun ini, bilangan warga emas sebatang kara yang didaftarkan di institusi JKM adalah seramai 1,647 orang yang diberi penjagaan dan perlindungan di sejumlah sembilan buah Rumah Seri Kenangan dan dua buah Rumah Ehsan. Daripada jumlah tersebut, seramai 646 orang adalah perempuan manakala seramai 1,001 orang adalah lelaki.

Warga emas ini akan terus tinggal di Rumah Seri Kenangan dan Rumah Ehsan kerana hidup sebatang kara dan tiada waris yang dapat menjaga mereka. Penghuni institusi warga emas JKM ini tidak menerima bantuan kewangan kerana mereka telah diberi penjagaan dan

perlindungan di institusi tersebut. Akan tetapi, atas dasar penghargaan, kita juga ada memberikan wang saku tetapi tak banyak iaitu hanya sejumlah RM30 seorang.

Bagi status Bantuan Sara Hidup pula, untuk tahun 2019, permohonan secara berkelompok telah dibuat untuk penghuni Rumah Seri Kenangan dan Rumah Ehsan yang layak melibatkan seramai 839 orang dari Rumah Seri Kenangan dan seramai 133 orang dari Rumah Ehsan dengan jumlah keseluruhannya adalah seramai 972 orang. Namun, permohonan tersebut masih lagi dalam tindakan pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Jadi secara dasarnya, kementerian ini prihatin kepada golongan sasar warga emas dan tidak hanya tertumpu pada warga emas sebatang kara sahaja, tetapi termasuklah warga emas yang tinggal bersama dengan ahli keluarga. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan soalan tambahan.

**Datuk Haji Ismail bin Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, sejauh manakah Dasar Jaringan Keselamatan Sosial dapat menangani kes-kes orang tua sebatang kara yang sangat uzur untuk mendapatkan rawatan sedangkan mereka ini mempunyai banyak kekangan iaitu dari segi tempat tinggal, pengangkutan dan juga kewangan untuk mendapatkan rawatan kesihatan, agar mereka ini tidak mati keseorangan? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

#### ■1120

**Puan Hannah Yeoh:** Tuan Yang di-Pertua, bagi mereka yang telah dilaporkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat, Rumah Seri Kenangan kita dan Rumah Ehsan memang kita akan jaga mereka. Rumah Seri Kenangan bagi orang tua yang tidak mempunyai ahli keluarga. Rumah Ehsan adalah bagi orang tua yang terlantar, okey. Jadi, sekarang ini kapasiti Rumah Seri Kenangan kita masih ada ruang, hanya 77 peratus didiami daripada golongan yang memohon. Akan tetapi untuk Rumah Ehsan memang kita ada *waiting list*, okey.

Jadi untuk warga emas yang tidak tinggal dengan kita di institusi JKM, kalau ada yang menerima bantuan orang tua dan didaftarkan, mereka memang mempunyai masalah untuk dapatkan rawatan semua itu. Kita ada *home help services* di mana JKM ada 2,000 pembantu sukarelawan yang akan membantu setiap minggu untuk membantu warga emas yang memerlukan bantuan *transportation* untuk ke hospital dan memerlukan rawatan. Kementerian Kesihatan Malaysia memang membantu kita. Terima kasih.

**9. Datuk Paul Igai** minta Menteri Pendidikan menyatakan, memandangkan telah banyak institut, kolej dan universiti ditubuhkan di seluruh negara, mohon kementerian untuk menyenaraikan berapakah bilangan institusi pengajian ini yang telah diiktiraf, yang tidak diiktiraf dan yang belum diiktiraf oleh kerajaan.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai. Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai bertanya tentang bilangan institusi pengajian yang telah diiktiraf, yang tidak diiktiraf dan yang belum diiktiraf oleh kerajaan.

Jadi untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, tidak timbul isu pengiktirafan memandangkan semua institusi pendidikan yang beroperasi memang didaftarkan dan dikawal selia oleh Kementerian Pendidikan Malaysia berdasarkan Akta Pendidikan 1996. Sehingga kini, hanya terdapat 20 buah universiti awam (UA) di bawah kawalan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan kementerian tidak bercadang untuk menambah bilangan UA. Hal ini memandangkan UA sedia ada adalah mencukupi dan mampu untuk menampung keperluan negara dari segi lokasi, tenaga pengajar dan bidang pengajian yang ditawarkan.

Politeknik yang ditubuhkan di bawah perenggan 34(1)(c), Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] dan kolej komuniti ditubuhkan melalui Memorandum No. 398/225/00 yang dikemukakan oleh Menteri Pendidikan kepada Jemaah Menteri pada 5 Julai 2000. Kini telah terdapat 36 buah politeknik dan 100 buah kolej komuniti telah beroperasi di seluruh negara. Semua program pengajian yang ditawarkan di politeknik dan kolej komuniti telah mendapat akreditasi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan program pengajian yang ditawarkan telah didaftarkan dengan Daftar Kelayakan Malaysia (MQR).

Selain daripada itu, bilangan institusi pendidikan tinggi swasta pula yang berdaftar dengan sehingga 31 Mac 2019 adalah sebanyak 450 buah. Pecahan IPTS tersebut adalah terdiri daripada 53 buah universiti, 10 buah kampus cawangan universiti luar negara, 38 kolej universiti dan 349 buah IPTS bertaraf kolej. Pengakuan pendaftaran dan pembaharuan pengakuan pendaftaran adalah berdasarkan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta atau Akta 555. Pembaharuan pendaftaran hanya akan diluluskan sekiranya IPTS memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh ketua pendaftar iaitu IPTS mestilah berdaya maju seperti mempunyai premis yang kondusif dan selamat, mempunyai bilangan pelajar yang mencukupi serta mempunyai kelulusan khusus yang telah memperoleh akreditasi penuh.

Selain itu, bagi memastikan jaminan kualiti institusi pendidikan tinggi (IPT), KPM juga telah membangunkan sistem penarafan peringkat nasional untuk mengukur peningkatan kualiti IPT. Sistem penarafan yang dimaksudkan adalah *Malaysia rating for university and college, university excellence*, dengan izin, SETARA, *Malaysian Quality Evaluation System (MyQUEST)*, dengan izin, dan *Malaysia Research Assessment (MyRA)*.

Antara *indicator* terlibat dalam penilaian penarafan ini adalah kualiti program yang ditawarkan, tadbir urus yang baik, sistem pengurusan berkualiti, pengurusan pelajar antarabangsa, kebajikan pelajar, kualiti dan kuantiti penyelidik serta pendidikan, inovasi dan

jaringan dan jangkauan. Sistem penarafan ini memberikan daya saing di antara IPT tempatan untuk menjadi yang terbaik dan berkualiti.

Walau bagaimanapun, KPM telah melaksanakan moratorium ke atas penubuhan IPTS baharu sehingga 31 Disember 2020. Pelaksanaan moratorium penubuhan IPTS bertujuan untuk melestarikan perkhidmatan IPTS terutamanya dari segi kewangan dan melahirkan IPTS yang lebih kompetitif. Pelaksanaan moratorium ini juga dapat memfokuskan pelaksanaan rasionalisasi dan konsolidasi sektor pendidikan swasta melalui kaedah penggabungan dan pemulihan kolaborasi atau penstrukturan semula IPTS. Dalam hal ini, kelestarian pembangunan IPTS dalam meningkatkan kualiti program yang ditawarkan di samping memastikan graduan yang dilahirkan adalah memenuhi keperluan masa depan. Sekian, jawapan saya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Datuk Paul Igai.

**Datuk Paul Igai:** Saya ada dua soalan tambahan. Adakah semua kursus atau program yang diambil atau di-*offer* oleh universiti dan kolej IPTS diiktiraf oleh kerajaan?

Kedua, apakah status pendaftaran? Banyak-banyak saya terdengar kolej dan universiti di Sarawak yang pendaftarannya sudah *expired* atau lupus pada Disember 2018. Apakah status kolej dan universiti sekarang *because inside* dia punya *website* sudah *expired* 2018 tetapi belum diperbaharui?

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Jawapan saya pertama, sama ada semua program yang ditawarkan oleh IPTS diiktiraf oleh kerajaan. Kalau diiktiraf oleh kerajaan di sini rujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Jadi, jawapannya adalah program tersebut kalau sudah mendapat akreditasi penuh daripada MQA, jadi program itu adalah diiktiraf oleh JPA. Ini kerana untuk sesebuah IPTS, apabila mereka menawarkan sesuatu program, mereka akan dapat akreditasi sementara terlebih dahulu untuk mereka jalankan program itu. Akan tetapi mereka perlu masa untuk mendapat akreditasi penuh. Untuk mana-mana program yang mendapat akreditasi penuh, program itu sama ada ditawarkan oleh IPTS atau institusi-institusi lain memang diiktiraf oleh JPA. Ini yang pertama.

Kedua, tentang kolej IPTS di Sarawak di mana pendaftaran mereka telah tidak diperbaharui. Saya rasa saya tidak ada senarai untuk kolej tersebut ataupun IPTS tersebut tetapi ada dua situasi. Pertama, mereka perlu untuk memperbaharui *license* mereka sama ada mereka dalam proses untuk memperbaharui *license* mereka atau tidak, saya perlu dapatkan senarai daripada Yang Berhormat Senator, barulah saya boleh memberi informasi yang terperinci.

Akan tetapi secara dasarnya apabila sesebuah institusi IPTS, kalau *license* mereka tidak diperbaharui, *not renewed*, maksudnya mereka tidak boleh beroperasi lagi. Dari segi itu,

kalau mereka masih menyambung operasi mereka, maka tindakan boleh diambil terhadap mereka di bawah Akta 555. Jadi, saya mohon maaf saya tidak dapat memberi maklumat yang terperinci. Kalau Yang Berhormat memberikan saya senarai IPTS tersebut, saya boleh bantu untuk dapatkan maklumat terperinci.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Tuan Nga Hock Cheh.

**Tuan Nga Hock Cheh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah seperti berikut. Memandangkan kerajaan sedar jumlah murid-murid yang didaftarkan untuk darjah satu tanpa masalah tempat untuk pendidikan mereka. Kenapa timbul masalah apabila murid-murid yang layak hendak masuk matrikulasi menjadi isu yang setiap tahun berulang dan apa tindakan sewajarnya yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi isu ini dari berulang?

■1130

*I hope I made myself clear the issue is since they know the number of students in Standard 1 and they would receive their education. No issue as to not enough place. Why does it become an issue when the qualified students want to do matriculation and this issue of not enough places and all those things. What preparation this being under taken by the government to overcome this, so that this students who are assets to our country they will not be disappointed and they can secure the education through the process.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya ingat Yang Berhormat, soalan itu keluar dari soalan asal.

**Tuan Nga Hock Cheh:** Tuan Yang di-Pertua, *it is because I'm not sure whether there be time to take up the question that I raised ...*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dalam gulungan Yang Berhormat.

**Tuan Nga Hock Cheh:** *But, this is a hot issue*

**Tuan Yang di-Pertua:** Bila kementerian atau Menteri menggulung.

**Tuan Nga Hock Cheh:** *Very well. That were- this issue that I want to raise and tambahan I leave to the wisdom of Tuan Yang di-Pertua but this whole issue at the moment is hot.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya faham Yang Berhormat. Akan tetapi saya ingat kalau kita biarkan soalan-soalan yang tidak soalan tambahan ini keluar dari soalan pokok, nanti banyak perkara yang boleh dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita ada, dengan izin *I understand the issue.*

**Tuan Nga Hock Cheh:** *I stand guided by the wisdom of the Chair.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan tetapi kita masa penggulungan Yang Berhormat boleh bertanya dengan menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soalan jawab lisan selesai.

***[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) saya mohon mencadangkan bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbahasan ke atas usul Menjunjung Kasih atas Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi pada hari Isnin, 29 April 2019.

**Timbalan Menteri Pendidikan, Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**USUL**

**MENJUNJUNG KASIH TITAH  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

*Aturan Urusan Mesyuarat* dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan

menjunjung kasih kerana Titah Tuanku semasa membuka Penggal Kedua, Parlimen Yang Keempat Belas.” **[24 April 2019]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato’ Zahari bin Sarip.

**11.33 pg.**

**Dato’ Zahari bin Sarip:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan dan mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih atas Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sewaktu merasmikan pembukaan penggal kedua.

Saya mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan dan menjunjung kasih di atas kesudian Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mencemar duli untuk hadir merasmikan pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Ke-14 pada 11 Mac lalu.

Sesungguhnya Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyentuh banyak perkara dan aspek yang sangat bersesuaian dengan keadaan situasi negara pada hari ini. Kestabilan politik yang menjadi asas keamanan dan kesejahteraan negara perlu dipandang serius oleh semua pihak. Begitu juga keprihatinan Duli Yang Maha Mulia Baginda berkaitan kos sara hidup menunjukkan kehidupan rakyat sangat dekat dengan hati baginda. Maka kita harus dan kita berharap kerajaan hari ini dan rakyat keseluruhannya mengambil kira semua perkara yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan perbahasan saya pada hari ini dengan menyentuh sedikit krisis yang berlaku dalam pentadbiran kerajaan negeri Johor baru-baru ini. Seingat saya, dalam ucapan bekas Menteri Besar Johor yang lalu, di awal pentadbiran beliau sebagai Menteri Besar, beliau telah menyatakan hubungan yang sangat rapat beliau dengan Kerajaan Pusat khususnya Perdana Menteri. Dengan bangga beliau pernah menyatakan

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sebentar. Tukar giliran.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, teruskan.

**Dato’ Zahari bin Sarip:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. Dengan bangga beliau pernah menyatakan beberapa perkara telah mendapat perkenan dan persetujuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri termasuk insentif-insentif dan pelupusan-pelupusan hutang kerajaan negeri walaupun pengumuman-pengumuman tersebut hanyalah indah khabar dari

rupa. Sebagai rakyat Johor, sudah pasti saya dan ramai lagi sangat terkesan dengan kemelut dan krisis ini. Lebih-lebih lagi belum setahun pun Pakatan Harapan membentuk kerajaan dan mentadbir negeri Johor.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kami di Johor sudah nampak riak-riak perpecahan ini di awal lagi. Sejak mula dilantik sebagai Menteri Besar Johor pun sudah ada pertikaian di kalangan rakan-rakan parti komponen PH ini. Namun, saya nampak beliau seolah-olah mampu mentadbir negeri terutama dengan pelantikan barisan Exco yang dianggap terbaik ketika itu.

Akan tetapi dalam politik macam-macam boleh berlaku. Beliau akhirnya ditikam dan dijatuhkan oleh partinya sendiri. Namun, kami juga bersyukur kerana kemelut dan proses pemilihan serta pelantikan Menteri Besar baharu tidak memakan masa yang lama. Hari ini sudah selesai dengan pelantikan Menteri Besar Johor yang baharu. Saya merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Dr Sahrudin bin Jamal atas pelantikan beliau sebagai Menteri Besar Johor.

Saya difahamkan barisan Exco yang mereka anggap lebih baik dari sebelumnya telah pun dilantik. Tahniah kepada kerajaan Pakatan Harapan yang berjaya menukar Menteri Besar Johor belum segenap setahun mentadbir negeri Johor. Cuma biasalah rumah siap pahat berbunyi. Ada pula di kalangan pemimpin Pakatan Harapan sendiri mempertikaikan pelantikan Menteri Besar termasuk pelantikan Exco-Exco baharu ini. Yang paling berat bila ada yang mengatakan bahawa barisan Exco ini ada bayangan, seolah-olah ada bayangan pemimpin parti-parti tertentu dalam Pakatan Harapan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kami pun nampak macam itu juga, akan tetapi saya fikir tidak baik menuduh beliau. Mungkin ia satu usaha mengimbangi pengaruh pemimpin-pemimpin tertentu di Johor. Maka kita doakan, apa yang penting kita doakan agar barisan yang baharu ini mampu bertahan setahun lagi.

Tuan Yang di-Pertua, 9 Mei 2018 lalu menjadi sejarah dan titik hitam kepada UMNO dan Barisan Nasional apabila gagal mempertahankan Putrajaya. Selepas hampir setahun, saya fikir Barisan Nasional dan UMNO tidak lagi meratap. Sebaliknya kami melihat hikmah di sebalik kekalahan itu. Hikmah yang sangat besar dan bermakna bagi seluruh umat Islam dan Melayu di negara ini ialah kerjasama UMNO, PAS. Bertahun-tahun orang Melayu Islam berdoa agar ada titik persamaan antara pemimpin-pemimpin dua parti besar Melayu Islam ini.

Alhamdulillah selepas kekalahan UMNO dan Barisan Nasional sedikit demi sedikit, hari demi hari Allah bukakan hati pemimpin-pemimpin kedua-dua parti ini untuk duduk bersama mencari titik persamaan, mengetepikan perbezaan demi penyatuan ummah untuk kepentingan rakyat keseluruhan. Malah Tuan Yang di-Pertua, apa yang menariknya hari ini bukan sahaja UMNO boleh duduk bersama PAS. Akan tetapi MCA dan MIC juga sudah

bersedia menunjukkan persefahaman mereka bersama PAS. Kita harap Barisan Nasional dan PAS akan menjadi blok pembangkang yang berwibawa serta berperanan menegur kepincangan-kepincangan kerajaan termasuk semak dan imbang.

■1140

Hikmah kedua dari kekalahan ini Tuan Yang di-Pertua, rakyat akhirnya dapat menilai bahawa apa yang dilakukan Kerajaan Barisan Nasional selama ini adalah yang terbaik untuk rakyat. Ambil contoh...

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Pohon izin untuk mencelah Yang Berhormat Senator.

**Dato' Zahari bin Sarip:** Silakan.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Senator Dato' Zahari bin Sarip. Apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, saya meneliti dengan penuh khusyuk. Oleh kerana perhubungan PAS-UMNO ini adalah satu bentuk perhubungan permuafakatan yang dinanti-nantikan oleh orang Islam demi kebaikan seluruh rakyat Malaysia sama ada Islam ataupun bukan Islam. Saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat.

Ada kenyataan yang dilemparkan kepada permuafakatan ini datangnya daripada pemimpin parti tertentu yang mentadbir negara pada hari ini dengan mengatakan bahawa permuafakatan ini akan mengisytiharkan peperangan kepada orang lain. Juga ada yang mengatakan bahawa permuafakatan ini akan mewujudkan negara yang seolah-olah negara Taliban. Apa pendapat Yang Berhormat tentang pendapat-pendapat yang dilihat boleh mencetuskan suasana yang tidak baik? Terima kasih.

**Dato' Zahari bin Sarip:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Senator atas pandangan itu. Saya amat bersetuju bahawa gabungan antara UMNO dan PAS ini sebenarnya telah mengejutkan banyak pihak. Ini kerana mereka tidak fikir dua parti besar Melayu Islam ini yang dikatakan pernah tidak bersefahaman sebegitu lama boleh duduk semeja. Ini yang saya sebutkan tadi bahawa hikmah daripada kekalahan itu.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia, khasnya Melayu Islam yang berdoa penyatuan dua parti terbesar ini, akhirnya dibayar dengan suatu harga yang sangat besar iaitu kekalahan UMNO dan Barisan Nasional. Saya tidak ingin mengulas lebih lanjut tentang Taliban. Cukup untuk saya mengatakan bahawa perkara yang sangat baik itu memang sukar untuk diterima oleh mana-mana pihak. Saya hendak nyatakan pada rakan-rakan kita, kita bukan baca Surah Yasin, kita bukan baca surah-surah yang menakut-nakutkan. Kita hanya bergabung antara dua parti politik.

Hikmah kedua dari kekalahan ini Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan tadi bahawa rakyat dapat melihat apa yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional selama ini adalah

yang terbaik untuk rakyat. Saya sebutkan tadi bahawa Bantuan Rakyat 1Malaysia yang dahulunya banyak pihak kata rasuah kepada rakyat, hari ini diteruskan atas nama yang lain, yang Allah Taala sudah takdirkan namanya macam-macam sebut BASAH atau Bantuan Sara Hidup.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, kamera AES yang dahulunya dikatakan bahawa zalim kepada pengguna-pengguna lebuhraya tetapi hari ini diteruskan, tukar nama kepada AWAS, malah ditambah pula. Hari ini saya difahamkan ada pula kata ia untuk menampung ataupun mendidik rakyat untuk patuh kepada peraturan lalu lintas jalan raya. SPAD ditukar kepada APAD, Permata ditukar kepada Genius, RTC ditukar kepada Pusat Komuniti Desa, Kedai Rakyat 1Malaysia kepada *Hope Mart* dan banyak lagi. Terbaru, kerjasama antara negara kita dengan China, termasuk ECRL dan Bandar Malaysia yang dahulunya dituduh sebagai menjual negara kepada China tetapi hari ini sudah mula diteruskan.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan tadi bahawa hikmah daripada kekalahan itu ialah rakyat boleh menilai bahawa apa yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini adalah yang terbaik untuk rakyat. Buktinya ia masih diteruskan oleh pihak yang dahulunya hanya membangkang dan mengata. Kita juga hendak ucap terima kasih kepada Kerajaan Pakatan Harapan kerana berjaya mengajak dan menghasut rakyat untuk menolak sistem percukaian GST yang dianggap alasan kenaikan harga barang dan kos sara hidup rakyat.

Saya percaya jika GST masih diteruskan sehingga hari ini, kerajaan terdahulu masih menggunakan alasan GST ini untuk mempersalahkan kerajaan dahulu dengan kenaikan harga barang dan kos sara hidup hari ini. Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri Kewangan. Adakah menggantikan GST kepada SST ini berjaya menurunkan harga barang dan kos sara hidup? Kedua, adakah SST ini berjaya mencapai sasaran kerajaan? Adakah kerajaan bercadang pula untuk mengkaji dan menukar SST ini kepada sistem percukaian yang lain pula?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkaitan perkara-perkara yang menggugat keamanan negara yang sedang kita hadapi hari ini. Perbuatan mempersendakan satu-satu agama adalah suatu yang tidak sepatutnya berlaku di negara berbilang kaum ini. Ia bakal mengundang perbalahan jika gagal dibendung segera. Oleh kerana itu, kita mendesak KDN dan PDRM bertindak cepat dan tegas.

Kelewatan mengambil tindakan bakal mengundang tindak balas di kalangan yang dipersendakan nanti. Menyentuh soal tindakan cepat dan tegas ini, sebenarnya rakyat juga hendak tahu mengapa pihak-pihak berkenaan terlalu lewat dalam mendapatkan keputusan air kencing anak pemimpin-pemimpin tertentu. Rakyat tidak mempersoalkan aspek prosedur tetapi mengapa prosedur yang sama tidak pernah diguna pakai dalam air kencing individu lain

yang biasanya hanya mengambil masa satu hari atau dua hari. Perkara-perkara begini seharusnya dipandang serius oleh pihak berkenaan supaya rakyat tidak hilang rasa hormat dan keyakinan. Namun, saya ucap terima kasih kepada pengundi-pengundi awal dalam PRK-PRK baru-baru ini yang menjalankan tanggungjawab mereka sangat baik.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Kesihatan pula iaitu dalam bab rokok. Saya tertarik dengan Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad tempoh hari yang menyentuh tentang larangan merokok di kedai makan dan restoran. Kita memuji tindakan kerajaan untuk mendidik rakyat untuk tidak merokok. Akan tetapi yang dipersoalkan rakyat ialah mengapa tiga meter dari meja?

Saya setuju Yang Berhormat Senator sebut tempoh hari bahawa ia menyebabkan perokok meninggalkan meja, berkumpul di ruang luar dan akhirnya puntung rokok dibiarkan bersepah sebab tidak ada *ashtray* dan sebagainya. Satu lagi, kalau di warung kampung-kampung tidak apa tetapi kalau di kedai minum dan di tepi jalan, ia sukar.

Pengalaman saya sendiri apabila minum di kedai kopi Cina. Saya tanya *uncle*. "Uncle, kenapa masih merokok dalam kedai?" Dia kata, "Yang Berhormat, kalau tiga meter, saya duduk sana". Dia tunjuk tengah jalan. "Saya mahu mati tengah jalan kah, mahu mati hisap rokok?". Oleh sebab tiga meter dari restoran tepi jalan ini ialah tengah jalan. Jadi, hendak tanya Yang Berhormat Menteri, kenapa tiga meter? Bukankah lebih baik kalau kata jangan merokok dalam kedai? Biarlah hendak merokok dekat mana pun.

Kemudian, jika Yang Berhormat Menteri beranggapan bahawa ia untuk keselesaan penggunaan lain, maka saya hendak tanya Kementerian Kesihatan. Apa pendirian kementerian berkenaan dengan penggunaan *vape*? Oleh sebab kalau rokok itu ada asap mengganggu orang lain, *vape* juga boleh mengganggu orang lain. Malah, *vape* ini lebih banyak asapnya. Saya bukan anti perokok dan anti *vape* tetapi kita hendak tanya Kementerian Kesihatan, mengapa rokok tidak boleh? Mengapa *vape* tidak ada masalah?

#### ■1150

Keduanya, apakah status terkini larangan merokok di kedai makan dan restoran ini? Adakah pihak-pihak yang telah dikenakan amaran dan denda sepanjang tempoh ini termasuk perokok dan juga pemilik premis?

Saya juga ingin menyentuh Kementerian Pendidikan Malaysia. Pertama, hendak ucap tahniah atas usaha yang dijalankan oleh Menteri untuk menangani isu beban guru.

Kedua, saya hendak mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri, adakah benar kenyataan yang saya terima bahawa terdapat pembekal-pembekal makanan bermasak yang menjadi tender makanan di asrama ada yang terdiri daripada pembekal bukan Islam yang menjadi pembekal di asrama sekolah yang majoriti banyak Islam? Jika benar, mohon

Kementerian Pendidikan memastikan supaya sumber makanan seperti ayam, daging dan lain-lain dari sumber yang benar-benar terjamin status halalhnya. Ia sebenarnya menjadi kerisauan ibu bapa yang menghantar anak ke asrama.

Oleh sebab itu, jika ia benar, mohon Kementerian Pendidikan dan pihak-pihak berkenaan membuat pemantauan sumber bahan mentah yang diperolehi ini dari semasa ke semasa. Ia tidak menjadi masalah operator. Operator yang masak itu orang Islam. Akan tetapi, saya dimaklumkan ada pembekal ataupun yang mendapat tender bekalan ini adalah pembekal dari bukan Islam. Jika benar, kita minta supaya pemantauan dijalankan dari semasa ke semasa tentang sumber makanan tadi.

Saya juga mohon pencerahan daripada Kementerian Pendidikan, adakah benar kenaikan pangkat guru-guru kepada Guru Besar tidak sama seperti kenaikan pangkat kepada Pengetua? Maksudnya, kalau guru biasa menjadi Guru Besar, kenaikan yang paling tinggi dia boleh dapat ialah Gred 48, tak boleh naik lagi. Ini berbeza dengan Pengetua, boleh kepada 52, 54, JUSA dan sebagainya. Jika benar, apakah alasan dan adakah tidak boleh dipertimbangkan supaya mereka ini disamakan?

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada Kementerian Kerja Raya. Saya singkat sahaja. Saya terus kepada poin Kementerian Kerja Raya ini. Mohon Kementerian Kerja Raya, pertama, menjelaskan status naik taraf jalan Segamat-Ayer Hitam.

Kedua, mohon pencerahan status naik taraf jalan Segamat-Gambang. Saya difahamkan antara Gambang ke Muadzam memang berjalan lancar, tetapi di antara Muadzam ke Segamat belum ada tanda-tanda pembinaannya. Jadi, mohon Kementerian Kerja Raya menyatakan status sama ada ia akan dibina atau tidak.

Ketiganya, status naik taraf jalan Segamat-Tangkak. Terima kasih kerana pembinaannya sedang dijalankan. Cuma, saya difahamkan Fasa 1A masih belum mendapat peruntukan. Kita harap agar kelulusan dari kerajaan dan kementerian untuk memberikan peruntukan kepada Fasa 1A ini supaya ia dapat dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, sekali lagi saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan laluan untuk saya menyampaikan hujah dalam perbahasan usul kali ini dan saya mohon untuk menyokong. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Zahari bin Sarip dengan panjang lebar mengatakan tiap-tiap satu peristiwa yang aku jadikan itu ada hikmahnya. Orang perjuangan tidak ada boleh putus asa. Itu orang perjuangan, dia selalu gagah. Bak kata orang tua tadi.

*Asam jawa pokok di hutan;  
Dibawa orang tanam ke desa;  
Selagi nyawa di kandung badan;  
Janganlah kita lekas berputus asa.*

Tidak ada istilah berputus asa. Teruskan. Terima kasih.

Sekarang kita ada sedikit perubahan dari segi kita punya giliran pembahas ini. Hari ini ada 19 orang akan berucap. Tolong kalau boleh 20 minit seterusnya ya.

Kedua ini saya minta Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin silakan.

**11.55 pg.**

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, salam 1Malaysia... [Disampuk] Ada.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya terlebih dahulu hendak membacakan serangkap pantun.

*Dua tiga kucing berlari;  
Mana nak sama si kucing belang;  
Dua tiga boleh ku cari;  
Mana kan sama Datuk Seri Speaker seorang.*

Saya pertamanya izinkan bagi pihak Dewan hendak mengalu-alukan kehadiran anak-anak kita daripada UiTM Cawangan Johor, selamat datang ke Dewan Negara... [Tepuk] Bakal-bakal pemimpin masa hadapan negara, *insya-Allah*.

Saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah sudi untuk memberikan saya peluang untuk turut sama berbahas di dalam menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sewaktu merasmikan persidangan Dewan baru-baru ini.

Saya ingin mengambil beberapa perkara pokok dalam perbahasan ini. Pertama sekali ialah bagi menjunjung harapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bila mana Seri Paduka Baginda menyebut soal perpaduan ini adalah merupakan satu perkara pokok, dengan izin, *there will be no compromise in an issue of solidarity between Malaysians*. Bermaksud, soal-soal perpaduan ini adalah perkara asas dan fundamental kepada pembangunan sesebuah negara. Hancurnya sebuah negara itu atau berjayanya sesebuah negara itu adalah berkisar kepada kesatuan dan perpaduan rakyat dalam negara ini.

Kita semua mengambil maklum bahawasanya Kerajaan Pakatan Harapan ini telah pun diberikan hak mereka, diberikan kepercayaan oleh rakyat untuk memimpin negara melalui

sistem demokrasi dalam negara ini. Saya terdengar di banyak ucapan sewaktu siri-siri kempen pilihan raya kecil yang berlaku baru-baru ini- saya juga hendak mengucapkan terima kasih kepada rakyat-rakyat atau pengundi-pengundi di tiga kawasan pilihan raya kecil yang telah berlaku sebelum ini, Tuan Yang di-Pertua, yakni di Cameron Highlands, di Semenyih dan juga di Rantau yang telah membuat pusingan-U yang paling besar sekali dengan memberikan kemenangan kepada Barisan Nasional. Terima kasih kepada pengundi-pengundi di Cameron Highlands, Semenyih dan Rantau... *[Disampuk]* Belum. Sandakan belum. *Coming soon.*

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada sistem demokrasi dalam memilih- dan kita dengar dalam siri-siri ucapan bahawasanya kerajaan hari ini sepatutnya diberikan satu pujian kerana sewaktu mereka mengambil alih Putrajaya pada 9 atau 10 Mei, selepas 9 Mei itu, kononnya peralihan itu dibuat dengan tanpa sebarang insiden yang tidak diingini. Itu kita akui. Sistem demokrasi dalam negara ini boleh menjadi satu sistem demokrasi yang boleh dijadikan contoh bukan hanya di rantau Asia Tenggara ini, tetapi ia juga boleh dijadikan contoh kepada seluruh dunia.

Bayangkan, selepas 60 tahun Barisan Nasional memerintah, akhirnya bila 9 Mei berlaku pertukaran kerajaan, tidak ada sebarang insiden yang tidak diingini berlaku. Pada saya secara peribadi, kredit yang sebenarnya harus diberikan kepada kerajaan terdahulu, Barisan Nasional, sebab kita tidak *retaliate*. Kita tidak berada di jalan raya...

#### ■1200

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Yang Berhormat hendak, saya boleh bagi laluan. Sila... *[Disampuk]* *[Ketawa]*

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Jangan hendak membebel pula, tidak elok membebel tua-tua ini...

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** *[Ketawa]* Jadi kita tidak langsung *retaliate* walaupun semua parti-parti dalam negara ada penyokong masing-masing. Akan tetapi hari ini Tuan Yang di-Pertua, 9 Mei bakal menjelang tiba, 100 hari dah jadi sejarah lah, 100 hari yang dijanjikan. PTPTN yang disebut, minyak RM1.50, satu juta lebih peluang pekerjaan dan gaji minimum RM1,500, ini semua dah jadi sejarah dah.

Dalam banyak-banyak siri, perjumpaan kita dengan anak-anak muda khususnya. *Alhamdulillah* lah hari ini ada anak-anak dari UiTM cawangan Johor, sampaikan kawan-kawan yang lain. Janji yang mereka tawarkan masa sebelum pilihan raya itu amat *tempting* sekali. Satu janji yang tidak boleh ditolak. Akan tetapi akhirnya janji tinggal janji. Sehingga keluar ayat manifesto ini bukan satu kitab suci. Okey. *Let it be gone by gone* lah. Rakyat boleh menilai, tiga pilihan raya kecil yang terdahulu rakyat dah membuat keputusan. Saya hendak

ucap terima kasih kepada anak-anak muda dalam negara ini yang juga telah kembali menyokong Barisan Nasional.

Oleh sebab itu, ramai orang tanya sekarang ini bila hendak ada pilihan raya umum? Kita kata tidak apa. Kita pun tidak tahu bila. Kalau mengikut tempohnya empat tahun lagi. Akan tetapi kerisauan saya Tuan Yang di-Pertua hari ini, dalam masa kebelakangan ini beberapa bulan, soal tadi sahabat saya Dato' Zahari sebut banyak penjenamaan semula ini dah berlaku lah. Dulu ECRL, satu projek yang diserang bertali arus. Penjualan negara, tanah Malaysia kepada negara asing. ECRL ini satu projek, projek yang mengayakan kroni. Jangan lupa semua itu.

Saya juga hendak menyebut Lynas di Pahang bila mana seorang Ketua Menteri yang berjawatan dulu, hari ini dah menjadi Menteri di peringkat *Federal* berarak ke Kuantan bersama Ahli Parlimen Kuantan. Mengatakan Lynas ini akan menyebabkan rakyat akan mati, gas beracun dan macam-macam. Akhirnya hari ini Menteri yang sama menjelaskan Lynas ini baik untuk rakyat. Projek ini diteruskan bersama dengan Ahli Parlimen yang dah pun menjadi Timbalan Menteri hari ini. Bermaksud banyak perkara yang mereka akui zaman Barisan Nasional itu adalah projek-projek yang baik untuk rakyat.

Akan tetapi kerisauan saya hari ini Tuan Yang di-Pertua ialah soal perpaduan dalam negara ini. Berbalik kepada awal ucapan saya tadi, harapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong saya melihat hari ini cara negara ini dipacu. Cara negara ini dipandu oleh pemimpin kita dalam keadaan yang cukup bahaya sekali.

Pertama, krisis-krisis Perlembagaan yang pernah berlaku pada tahun 90-an dulu, sewaktu saya berada di umur seperti anak-anak ini. Krisis-krisis itu sedang melanda negara sekali lagi. Zaman Barisan Nasional, zaman Yang Berhormat Dato' Sri Mohd Najib, Yang Berhormat Pekan memerintah, hatta zaman Yang Berbahagia Tun Haji Abdullah, isu-isu seperti ini tidak pernah timbul. Isu-isu yang berkaitan krisis antara pihak-pihak istana dengan kerajaan tidak pernah timbul.

Saya hendak utarakan dalam Dewan yang bertuah dan berbahagia ini Tuan Yang di-Pertua, zaman Pak Lah menjadi Perdana Menteri, zaman Yang Berhormat Dato' Sri Mohd Najib menjadi Perdana Menteri, krisis-krisis ini tidak pernah kita dengar. Tidak pernah rakyat dipacu supaya tidak menghormati mana-mana institusi yang mesti kita hormat berdasarkan Perlembagaan Persekutuan. *Our Federal Constitution*, dengan izin. Kita dah ada dah dalam Perlembagaan Persekutuan kita, apa perkara yang disebut daripada Perkara 1 hingga Perkara 5, semua rakyat tanpa kira agama, bangsa dan kaum menghormati Perlembagaan yang kita persetujui bersama, *by our forefathers*. Semua orang bersetuju.

Akan tetapi kebelakangan ini, semalam terkeluar lagi satu kenyataan yang cukup mengelirukan rakyat keseluruhannya. Kita boleh tengok dalam media-media sosial, bila keluar

kenyataan-kenyataan seperti ini akhirnya mengakibatkan rakyat bertelagah sesama sendiri. Ada yang menyokong, ada yang menyangkal. Ada anak-anak muda yang berantakan sesama sendiri kerana ada satu pihak yang mereka dokong dan satu pihak yang mereka keji. Ini tidak baik untuk negara Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab kalau kita benarkan perkara-perkara ini terus berlaku, kekhuatiran saya di masa akan datang, masalah ini tidak dapat kita bendung dan pastinya negara ini tidak boleh kita bawa kepada satu negara yang baik.

Ditambah lagi dengan masalah isu-isu rakyat sekarang ini. Semua orang, saya ingat kawan-kawan yang lain, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain menyatakan kerisauan kita semua soal ekonomi rakyat. Okey, kita katakan terima lah. Kerosakan yang dibuat itu yang disebut, mana boleh *repair* kerosakan yang 60 tahun dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional dalam masa setahun atau enam bulan, sembilan bulan. Itu jawapan mudah untuk keluar daripada janji yang telah diutarakan. Sebenarnya kita kena ingat dalam masa 60 tahun itu, 22 tahun dipimpin oleh Perdana Menteri sekarang. Jangan lupa itu.

Saya suka bila semalam ada seorang ADUN di negeri Perak yang menyatakan perkara-perkara krisis yang berlaku pada tahun 80-an, sehingga tertangkapnya pemimpin-pemimpin politik waktu Operasi Lalang. Dia lupa, ADUN yang bercakap itu daripada parti DAP, yang dia menyatakan itu ialah zaman Perdana Menteri sekarang. Bila ditanya oleh wakil Barisan Nasional dalam sidang Dewan Negeri Perak, adakah Yang Berhormat setuju bahawasanya tindakan yang dibuat itu, krisis Perlembagaan, krisis waktu tahun 90-an dibuat oleh Perdana Menteri yang sekarang ini menjadi Perdana Menteri? Dia kata saya setuju tetapi itu zaman dulu, Perdana Menteri sekarang dah berubah. Perdana Menteri 2.0, makna dia dah berubah lah tidak ada lagi.

Jadi, jangan lupa Tuan Yang di-Pertua, 22 tahun orang ini menjadi Perdana Menteri. Jadi tidak adil. Akan tetapi dia beruntung kerana 22 tahun waktu dia menjadi Perdana Menteri anak mudanya ialah saya. Zaman itu, tidak ada *Facebook*. Betul Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim? Zaman itu tidak ada *Instagram*, tidak ada *Twitter*. Tidak ada *handphone* hatta pun, SMS tidak ada, apa yang ada *pager* sahaja, "kilat com". Itu pun bila pakai *pager* itu bunyi '*tididit, tididit*', bangga bip bunyi, cari *public phone*. Hendak *call* balik nombor yang *page* kita. Zaman itu.

Maklumat yang saya terima sebagai anak muda waktu itu hanyalah media-media, *mainstream* media. Malam pukul 8 tengok RTM, apa yang disebut oleh pemimpin malam itu, kita percayalah 100 peratus. Hari ini ucapan saya ini boleh disaksikan secara langsung *on the real time* di London. Ucapan saya sekarang ini boleh disaksikan di seluruh dunia *on the real time*. Berbeza, zaman itu berbeza dengan zaman hari ini.

Cuma berbalik kepada kerisauan ini Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara seperti ini mesti ditangani dengan bijak. Ketepikan perasaan personal agenda ini. *Don't mislead our*

*young generations*. Jangan bawa generasi muda kita kepada masalah yang lebih besar kerana percayalah bila berlaku kerosakan ini, ianya lebih payah untuk dibaiki di masa-masa yang akan datang.

Perkara lain yang saya hendak tambah Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada masalah-masalah yang saya sebutkan tadi. Saya agak sedikit risau dan terkejut bila semalam di Dewan yang mulia ini ada di kalangan rakan-rakan kita, Ahli-ahli Dewan Negara yang saya lihat berbahas tanpa memikirkan soal sensitiviti seperti yang saya katakan awal tadi. Kalau kita bercakap soal jaga perpaduan, jagalah perpaduan dengan sebaik-baiknya. Sebab Dewan Negara ini Dewan yang paling tinggi sekali *the Upper House*.

Dewan ini lah dewan kita boleh menjadi orang yang menyejukkan keadaan seperti di Dewan Rakyat, di sidang Dewan Undangan Negeri sepertimana yang selalu Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin sebut sebagai Presiden Majlis Senator.

#### ■1210

*It has to be a House that can be performing for all Malaysian*- maksudnya begitulah, dengan izin. Akan tetapi semalam saya terdengar perbahasan rakan-rakan kita ada seorang Ahli Yang Berhormat yang cuba membawa isu yang tidak sepatutnya kita bincangkan dalam Dewan ini. Antaranya yang disebut dalam *Hansard* ini yang saya baca dalam *Hansard* ini, "Bagi untuk memperkukuhkan perpaduan, jalan mudahnya ialah untuk menggugurkan cadangan menggugurkan apabila lahirnya seorang bayi maka digugurkan identiti mengikut kaum". *This is the very dangerous statement* di Dewan yang mulia ini.

Bahaya! Mana boleh disebut benda yang telah kita persetujui sekian lama. Ini ada dalam *Hansard*. Ini bukan benda yang boleh kita main-main. Adakah dengan menggugurkan perkataan Islam daripada kad pengenalan seorang bayi itu boleh mengakibatkan negara ini berada dalam keadaan yang lebih baik. Bagaimana pula sistem pendidikan? Cuba kalau kita sentuh yang itu pula. Tidak boleh! Jangan disebut perkataan-perkataan seperti ini, Tuan Yang di-Pertua. Ini permainan politik yang paling bahaya.

Maknanya saya rasa apabila disebut terkeluar *dek* kalam kita Allahyarham ayah saya pernah berpesan, "Apa yang ada dalam hati akan terkeluar di mulut kita, apa yang ada dalam perut kita akan luahkan secara tidak langsung". Ini ketentuan Allah SWT semalam. Allah SWT hendak tunjukkan kepada kita di Dewan yang mulia ini apakah yang ada dalam pemikiran dan perut mereka. Belum lagi berkuasa hendak sampai setahun, baru hendak sampai setahun ini 9 Mei baru hendak sampai setahun sudah mencadangkan supaya digugurkan. Ini perkara yang bahaya, sekali cukup bahaya.

Janji tidak ditepati, janji tipu, PTPTN tidak mansuh, okeylah yang ini kita boleh anggap ini janji politik walaupun janji itu tetap janji. Adalah ciri-ciri orang yang munafik bila mana

berjanji tidak ditunaikan tetapi kita boleh anggap ini janji politik. Akan tetapi bila perkara *fundamental* seperti ini tidak boleh kita kompromi sama sekali.

Perkara kedua yang saya hendak menyatakan kerisauan juga, dalam ucapan yang sama ada cadangan supaya diwujudkan juga kedutaan kita di Israel. *Does it makes sense? Does it makes sense?* Malaysia ini kalau kita ingat, muka pasport antarabangsa kita tertulis negara yang tidak boleh kita pergi langsung menggunakan pasport kita ini adalah negara Israel sebab menjadi dasar negara kita tidak mengiktiraf Israel sebagai sebuah negara berdaulat. *No*, bukan Israel. Mana boleh kita di Dewan yang mulia ini kita mencadangkan mesti ada kedutaan dibuka di Israel. Ini bukan negara berdaulat saya baca juga *Hansard* ini.

**Tuan Nga Hock Cheh:** Minta laluan. Mencelah sedikit.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Ya, sila.

**Tuan Nga Hock Cheh:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya minta maaf kalau apa-apa yang saya ucapkan semalam kurang jelas dalam bahasa. *If I may just explain a little bit in English, I want to say that I did not say that we must mesti established an embassy in Israel. I'm fully aware that Israel is not recognized by this country. I'm just saying that since there is a proposal to establish an embassy in Palestine whether it would be better if we can also consider establishing an embassy in Israel so that in foreign relations, we can try to broker a peace treaty between the two states in the process also gets some help from the expertise of Israel. I was just putting as a question.*

*The other issue is about unity. I don't play politics in this Dewan neither in the party that I am a politician. Just for the sake of national unity I'm just thinking out loud whether it will help if we give our children from the start a national identity as a whole known as Malaysian rather than identify our children as a Chinese or Indian or a Malay.*

*Now, this is a suggestion is for us to consider, I have no bad faith to do anything unkind to any racial group in this country. That is far from what I have. If the suggestion does not go down well with any honorable member of this Dewan, I apologize I have no intention to hurt or offend anybody. That is the last thing I want to do in this House and I think my record is quite clear first day I came I did not set out to provoke people. Thank you so much.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila. Baik, terima kasih. Sila.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu saya bercakap tadi, perkara-perkara seperti ini tidak boleh langsung terlintas, tidak sepatutnya langsung terlintas dalam negara ini sebab inilah perkara yang menjadi ikutan buat sekian lamanya. Semua orang sudah bersetuju. Saya sebutkan awal tadi *our four fathers, four fathers* ini bukan hanya Tengku Abdul Rahman tetapi pemimpin-pemimpin daripada kaum Cina, kaum India yang telah bersetuju kepada Perlembagaan.

Akan tetapi kalau hari ini kita hendak cuba membawa isu ini balik, hendak dicadangkan di Dewan yang mulia ini dia boleh mengundang kepada perasaan yang kurang senang sebab kita risau apakah agenda tersembunyi yang ada di kalangan sebahagian orang. Ini yang kita risau sebab bukan itu sahaja ada juga cadangan supaya parti-parti politik yang berteraskan kepada kaum tidak lagi diadakan di dalam negara ini.

Saya hendak bagi contoh, parti daripada Yang Amat Berhormat Langkawi sendiri, Parti Peribumi Bersatu Malaysia. Parti ini adalah berteraskan bangsa Melayu, UMNO- Melayu; MIC- India; MCA- orang Cina. Ini parti-parti yang berteraskan kaum. Jadi adakah jalan keluar untuk mencapai soal perpaduan ini adakah berdasarkan kepada itu sahaja, saya fikir tidak. Saya hendak bagi contoh apa jalan keluar. Jalan keluarnya hari ini Pakatan Harapan saya katakan tadi telah pun diangkat oleh rakyat, yang ini kita faham.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kami di kepimpinan Barisan Nasional menerima keputusan rakyat. Sekarang ini Yang Berhormat Pekan sedang dituduh tiap-tiap hari di mahkamah, tiap hari, pagi, sekarang ini *clock-in* di mahkamah, petang balik. Ada satu demonstrasi yang kita buat macam dulu berlaku *I was there*. Saya masih ingat *lagi I was very young and fresh*, sekarang pun masih muda lagi [*Ketawa*] *My at that point of time* 1998, hari-hari berhimpun di Dataran Merdeka, hari-hari, *I am one of them*.

Oleh sebab saya rasa berlaku kezaliman kepada pemimpin tersebut. Hari-hari saya berhimpun, hari-hari. Akan tetapi hari ini cuba lihat, begitu profesionalnya Barisan Nasional, begitu cukup tingginya penghormatan orang-orang UMNO kepada rakyat. Kita tidak berhimpun di mahkamah pun, walhal kita pun boleh berhimpun. Kita pun ada sokongan, kita pun ada ahli, kita pun ada ahli yang cukup ramai. Kita pun boleh menggerakkan suasana rakyat ke arah itu tetapi kita tidak hendak buat.

Jangan lupa Tuan Yang di-Pertua, zaman dahulu sedikit-sedikit jalan raya, sedikit-sedikit jalan raya, hari-hari jalan raya, satulah, dualah, tigalah, empatlah, hari-hari jalan raya. Kita tidak buat kerana kita hendak rakyat menilai secara profesional. Biar rakyat tahu membezakan mana yang betul-betul profesional. Alhamdulillah macam kata Yang Berhormat Dato' Zahari tadi kita terima ketentuan *Allah SWT, kun-fayakun*, jadi pasti jadi.

#### ■1220

Jadi kita terima, supaya rakyat boleh menilai semula, *it is not end of the world*. Menang 13 kali, kalah sekali, *okay. We will fight back again*. Kita akan lawan balik sekali lagi dalam sistem demokrasi yang sebenar. Dengan harapan rakyat boleh menilai. Akan tetapi jangan kita utarakan perkara-perkara seperti ini. Hal ini bahaya! Saya semalam dengar ucapan Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker. Terima kasih Dato' Sri, kerana telah menyampaikan ucapan dengan cukup baik, dengan memuji orang bangsa Melayu. Kita tak ada masalah, *we do not have a problem with that*.

Adakah dengan adanya parti-parti yang berteraskan kaum ini telah menyebabkan orang lain susah? Tidak! Adakah dengan kerjasama UMNO dan PAS ini boleh mengakibatkan negara ini jadi huru-hara? Tidak! Jadi, kenapa dimainkan isu-isu seperti ini yang menakutkan rakyat? Jadi, siapa yang menakutkan rakyat? Siapa sebenarnya menakutkan rakyat sekarang? Siapa yang kata bila ada kerjasama UMNO dan PAS ini, maka akan terwujudnya kerajaan Taliban selepas ini? Siapa yang menakutkan rakyat? Walhal, kita ada kawan-kawan orang Cina dan orang India yang ramai.

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *I was raised and brought up*, bersekolah di *High School Setapak*, Air Panas. *That was my main school, high school. High school* ini komposisi sama dengan Menteri Ekonomi dulu pun belajar di sekolah yang sama, sama-sama daripada Gombak. Dia Gombak, saya Gombak, sama-sama Gombak. Jadi, kita belajar di sekolah yang sama. Sekolah ini Melayu nya ramai, Cinanya ramai, Indianya ramai, Sikhnya pun ramai, Punjabi. *You won't find anywhere in this country* daripada sekolah seperti itu. Saya *prefect counselor* di sekolah itu, tiada masalah untuk saya mengawal kawan-kawan ini, *I do not have a problem with that*. Dato' Sri Ti, ya.

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Beri laluan. Saya ingin mengucapkan terima kasihlah kerana tadi memuji. Cuma apabila saya mengutarakan isu-isu mengenai Islam dan Melayu, cuma saya hendak menunjukkan bahawa negara kita terbuka. Kita bertolak-ansur, di mana kita boleh menegur tetapi atas niat suci, niat baik. Akan tetapi masalahnya berlaku apabila orang mempolitikkan semata-mata hasrat, *nawaitu* dan *intention is not there*, tak suci lah. Jadi, saya rasa inilah yang perlu kita pupuk, Malaysia Baharu kita berlandaskan prinsip, berlandaskan dasar, berlandaskan fakta. Terima kasih.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Terima kasih Dato' Sri. Jadi, berbalik kepada cadangan saya tadi. Pakatan Harapan hari ini sudah menjadi kerajaan. Bilamana ada siri-siri kempen, *you focus* kepada pelaksanaan pembangunan negara ini. Pakatan Harapan ini saya tengok semasa mereka menjadi pembangkang, *they are a very efficient opposition*. Akan tetapi bila sudah mereka jadi kerajaan, mereka pun lupa yang *they are already a government*. Mereka sudah jadi kerajaan! Kuasa politik di tangan mereka dan kementerian di tangan mereka, semuanya di tangan mereka.

Saya beri contoh di Rantau baru-baru ini. Berbalik kepada *Hansard*. Bila bercakap soal perpaduan, ada seorang Yang Berhormat Menteri yang pergi berceramah di sana, bercakap soal isu-isu perkauman. "Kalau ada restoran India, restoran Cina, restoran Melayu, saya memilih untuk makan di restoran orang India kerana saya mesti bantu orang India." Mana boleh cakap macam ini. Bahaya, Tuan Yang di-Pertua. *You* seorang Yang Berhormat Menteri. Bila seorang Yang Berhormat Menteri, dia ada kuasa Eksekutif seorang Yang Berhormat Menteri. Bukan lagi *opposition*. Kamu bukan lagi seorang pembangkang.

Sepatutnya kitalah yang bercakap macam itu. Kita tak sebut perkataan-perkataan ini. Oleh kerana kita tahu seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Sri Ti Lian Ker, ini soal yang cukup-cukup sensitif dalam negara ini. Isu agama dan isu perkauman jangan di bawa main. Jangan begitu mudah sekali Nabi Muhammad SAW. kita dihina, Raja-Raja dihina sekali, begitu mudah. Saya tidak melihat kepada perbuatan itu. Perbuatan itu memang salah kepada saya tetapi saya lebih melihat kepada kenapa ia berlaku hari ini dalam negara ini. Hal ini kerana kita yang membuka jalan supaya orang muda tidak menghormati institusi ini. Hal ini Tuan Yang di-Pertua, cukup-cukup bahaya kepada negara Malaysia yang sangat-sangat kita cintai ini.

Jadi akhir kalam, saya hendak merayu dan hendak meminta kepada Kerajaan Pakatan Harapan. Rakyat telah memilih kalian sebagai kerajaan dan ini adalah suatu keputusan berani rakyat. Saya suka- saya berjumpa dengan seorang wanita berbangsa Cina baru-baru ini, *she's an entrepreneur...*

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Boleh- kekanda, boleh?

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Silakan.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Sebelum tutup, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab saya rasa apa yang dibahaskan oleh rakan saya ini, suatu perkara yang- saya selaku salah seoranglah yang diberi peluang oleh rakyat untuk menghadapi cabaran negara. Apa yang dikatakan itu saya rasa perlu diamati dan perlu difahami oleh bagi saya dan rakan-rakan yang lain, rakan-rakan di sana dan sebagainya. Cuma setuju atau tidak Datuk Haji Megat, dengan cabaran yang kita ada ini Datuk Haji Megat, Datuk Haji Megat kata juga tadi. Ini rakyat yang punya pilihan.

Kita orang politik Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita takat tertentu sahajalah. Kalau rakyat tidak kasi, tidak jadilah kita. *Alright*, dengan izin-Nya, Allah SWT. Akan tetapi saya rasa ada juga yang diajar dalam budaya kita dan agama kita. Saya selalu kata perkara itu, yang dikatakan bulat air kerana pemetung, bulat kata kerana muafakat itu. Air yang mencapah, dia boleh jadi bulat kalau melalui sesuatu pemetung, buluh dan manusia itu boleh jadi- kalau bulat bukan gemuklah, bulat ini maksudnya dia boleh jadi holistik. Sahsiah dia, akhlak dia, keterampilan dan sebagainya.

Jadi, saya rasa pendekatan yang sepatutnya digunakan untuk menghadapi cabaran ekonomi, cabaran keselamatan, cabaran tadi institusi yang mana kita kata sekarang ini tergugat dan sebagainya. Itu lah yang saya rasa kita mesti cari jalan agar Pakatan Harapan, saya tak nak panggil pembangkanglah. Pembangkang ini Datuk Haji Megat, jujur saya cakap dalam *political science*, ia dibina. Ada tempat itu tidak panggil pembangkang. Dia panggil *opposite* lain nama dia, bukan pembangkang. Akan tetapi hari ini kerja kita bukan hendak membangkang dan sebagainya, yang mana baik- Jadi, saya rasa Pakatan Harapan dan

Barisan Nasional mesti cari jalan dan saya rasa kena bermula di Dewan Negara ini, *insya-Allah*. Apa pandangan Yang Berhormat Datuk Haji Megat?

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi. Saya tengok walaupun Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi ini daripada parti yang berbeza dengan saya tetapi *one of the shining star*-lah. Pemimpin muda yang bakal menyinari dunia politik negara ini. Ini- Yang benar, yang benar, bukan? [*Dewan riuh*]

Yang Berhormat Senator ini- mana tahu selepas ini Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi jadi Menteri Ekonomi yang baharu?... [*Tepuk*] Eh, tidak apalah, Yang Berhormat Gombak- Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi daripada parti yang sama, PKR. Mana tahu jadi Menteri Ekonomi yang baharu selepas pertukaran Perdana Menteri. Mana tahu? Kita doalah, kita doa. Saya setuju, Tuan Yang di-Pertua. Kita kendur sikit suasana.

Saya setuju, di Dewan Negara ini tempat yang paling tinggi. Saya sudah kata tadi, *this is the Upper House*. Di *Upper House* ini peranan kita ialah mengendurkan segala ketegangan. Satu tegang sahaja kita jangan kendurkan, yang lain kita kendurkan segala ketegangan yang ada. Isu kaum, isu yang bahaya, kita ini. Oleh sebab kita ada peranan kita.

Jadi, saya bersetuju Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi, *we have to play our role*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dengan cara yang bijaksana. Jangan kita pula yang bercakap perkara-perkara yang bahaya ini.

Jadi, sebab itu saya berbalik sekali lagi kepada di penghujung ini. Kita jagalah negara ini. Saya sudah kata tadi, sudah ada kuasa sudah. Kita terima ketentuan itu. Demokrasi ini bukan berakhir sehingga PRU-14 sahaja. Akan ada PRU-15, PRU-16 dan seterusnya. Hari ini kita berbeza pendapat, mungkin esok kita boleh ada kesefahaman yang sama. UMNO dan PAS dahulu kita ada perbezaan pendapat, hari ini kita boleh duduk bersama, berbincang soal suatu kepentingan.

Jadi, pada saya bukan hanya untuk kepentingan politik tetapi untuk kepentingan negara. Percayalah UMNO dan PAS, bila ia ada kerjasama, orang lain tidak akan susah. Percayalah. Aman di atas, bawah selamatlah semua. Maknanya, tak ada ketegangan dalam negara ini. Jadi, itu akhir kalam Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Mohon mencelah...

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Oh, ada lagi [*Ketawa*]  
**Seorang Ahli:** Dia tidak bagi habis ini.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Boleh, boleh.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Saya mendengar dengan teliti Yang Berhormat Dato Haji Megat, daripada ketegangan kita hendak melembutkan. Saya mengambil keputusan daripada ketegangan tersebut saya terus masuk... [*Dewan ketawa*]

Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat juga akan mengikut cara orang tua-tua buat? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua... [*Dewan riuh*]

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Dia suruh lompat ikut dia lah.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** [*Ketawa*] Saya menghormati Tuan Yang di-Pertua, pendirian dua kakanda saya ini. Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairuddin dan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi untuk berhijrah. Hijrah tak ada masalah.

Akan tetapi buat masa ini dan *insya-Allah* sampai bila-bila, saya istiqamah dalam perjuangan saya dan bersama dengan UMNO. Saya yakin UMNO sahaja yang boleh membela. Itu- tetapi tidak menghalang [*Ketawa*]

■1230

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak mencelah. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Megat. Sebenarnya saya lompat, tukar parti bukan saya tukar agama pun. Kalau saya hijrah, tukar agama, *kot* lah nak hentam saya. Itu pada pandangan saya, pada pandangan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi dan rakan-rakan yang lain yang ikut serta kerana kami mungkin ada perkara yang perlu kami selesaikan dan atasi.

Apa yang saya faham, sehingga hari ini, kita dalam Dewan ini masih lagi kawan yang setia yang saya diberi sokongan menjadi presiden, semua bantu saya menjadi Presiden Majlis Senator. Saya mendapat sokongan dan dukungan yang baik dan tidak ada masalah saya rasa. Cuma, kadang-kadang janganlah kita menganggap bahawa melompat parti itu ataupun mengambil keputusan untuk meninggalkan sesuatu, bercerai- bercerai ini boleh kahwin lain, tak ada masalah. Dia cerai hidup atau cerai mati ini sama sahaja, boleh kahwin lain. Dibenarkan tak begitu, Ustaz Yang Berhormat? [*Ketawa*] Saya kena tanya pada ustaz. Ia dibenarkan. Manakala hidup pun boleh kahwin empat, ini apa lagi kita bercerai, kan?

Jadi, penerimaan kita di antara kita kawan-kawan ini, kita dalam Dewan Negara ini saya rasa kita tidak bercakap langsung soal parti. Akan tetapi kalau hendak sebut Barisan Nasional, PPBM kah, Pakatan Harapan kah, hendak sebut sebab ada timbul kemarahan, di sini hendak dicurahkan bolehlah.

Akan tetapi dalam persetujuan kita sama ada dalam Majlis Senator ataupun- kerana Majlis Senator pun kita terbuka kepada rakan-rakan daripada Pakatan Harapan untuk masuk. Itu persetujuan jawatankuasa yang telah kita buat dan kita menerima daripada Pakatan Harapan kerana kita mengganggu Dewan Negara ini adalah sama, ahli keluarga belaka.

Akan tetapi masa dalam *caucus* juga, kita berbincang, rakan-rakan kita daripada Barisan Nasional juga ada di dalam *caucus group*. Di situ juga, Yang Berhormat Datuk Megat,

kita berbincang tanpa mengira parti dan apa. Perjuangan kita ialah untuk memartabatkan Dewan Negara itu sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Terima kasih. Memang saya bersetuju.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Menggulung ya.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Ya, Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada masalah bila kita bercerai, kita boleh kahwin lain. Akan tetapi bila bercerai, boleh juga rujuk kembali... [*Dewan ketawa*] Yang itu dia tak sebut tetapi saya yakin di hati sebenarnya hendak rujuk kembali. Mudah-mudahan [*Ketawa*] Jadi...

**Seorang Ahli:** Sudah talak tiga pun boleh rujuk lagi?

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Tak boleh. Baru talak satu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, di akhir kalam, ayuh sama-samalah kita sebagai Ahli Dewan Negara, kita ada benda yang lebih besar yang mesti kita fikirkan. Kalau orang lain di Dewan yang sebelah sana dia *emotional*, jangan kita bawa perkara yang sama ke Dewan ini. Ini kerana Dewan ini, seperti saya kata tadi, ialah tempat kita mengendurkan segala yang tegang.

Jadi di akhir kalam, saya hendak mengingatkan diri saya dan kita semua supaya berhati-hati di dalam segala tindakan yang kita buat kerana dalam fizik dan di dalam juga *Newton's third law* ada menyebut bahawasanya *in every action, there is an equal reaction*. Apa sahaja perbuatan kita, akan ada tindak balas yang sama. Jadi apa sahaja kita buat, pastikan kita buat demi untuk kepentingan rakyat.

Selesaikan masalah rakyat. Selesaikan isu kos harga barang yang melambung-lambung naik. Selesaikan isu yang rakyat berada dalam keadaan yang tidak berapa selesa sekarang. Berada dalam keadaan yang tidak aman. Tak percaya, Tuan Yang di-Pertua, *let us go out of this hall*. Kita keluar daripada Dewan ini. Pegawai-pegawai kementerian ramai di sini. Cuba kita tanya seluruh rakyat Malaysia apa rasa mereka sekarang. Mereka rasa dalam keadaan *tense*, tegang, tak berapa ada keyakinan. *Stability is not there*, dengan izin.

Jadi, kepada Pakatan Harapan, berikan fokus ini, tumpuan ini. Selesaikan masalah rakyat kerana rakyat telah mempercayai dengan memberi undi kepada kalian untuk menjadi kerajaan pada PRU-14 dengan harapan juga mereka akan kembali memberikan sokongan kepada Barisan Nasional sebagai kerajaan dalam PRU Ke-15, *insya-Allah*.

Jadi dengan kata-kata itu, saya menyokong Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain yang telah memberi pandangan hujah yang terbaik dengan fikiran yang tenang dan dada terbuka. Terima kasih lagi.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat. Dipersilakan.

### 12.35 tgh.

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kerana memberi peluang dan ruang kepada saya untuk mengambil bahagian bagi membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua, setelah saya meneliti Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Baginda banyak melahirkan idea-idea yang bernas bagi memastikan negara ini bergerak di landasan yang sebenar di samping menjamin keamanan dan kesejahteraan. Antara pesanan Baginda ialah Baginda menyeru semua pihak untuk menjunjung keluhuran perlembagaan terutama yang menyentuh sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan, kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai serta Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Di samping itu juga, Baginda mengingatkan Kerajaan Pakatan Harapan supaya perlu peka terutama perkara-perkara yang berkaitan dengan kos sara hidup, masalah kesihatan dan tidak terkecuali juga masalah alam sekitar. Ini juga membayangkan hasrat Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong supaya Kerajaan Pakatan Harapan berusaha membawa negara ke arah kejayaan tanpa menyalahkan mana-mana pihak sekiranya berlaku kegagalan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kos sara hidup, saya akan tumpukan kepada sektor pertanian khususnya golongan petani iaitu penanam padi yang sebahagian besarnya berada dalam golongan B40. Rata-rata mereka hidup dalam keadaan kesempitan disebabkan kos untuk mengusahakan sawah padi tinggi di samping keluasan tanah yang kecil apa lagi dengan kenaikan harga barangan harian.

Dalam Bajet 2019, kerajaan membuat pemotongan subsidi baja dan racun. Ini sudah tentu akan menambahkan lagi beban kepada mereka dan lebih sakit lagi bila padi ataupun tanaman padi tersebut diserang oleh bena perang ataupun apa sahaja yang seangkatan dengannya yang boleh menjejaskan hasil pendapatan mereka. Kalau dahulu insentif khas diberikan kepada petani sebanyak RM600 tetapi sekarang ia sudah tiada. Tidak hairanlah sekiranya Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani telah menangis teresak-esak ketika membaca sekeping surat luahan hati daripada seorang pesawah di atas pentas di dalam Majlis Pelancaran Hala Tuju Kementerian itu di tapak Ekspo Pertanian Malaysia Serdang baru-baru ini.

Sebenarnya, Yang Berhormat Menteri, rakyat khususnya golongan ini sudah lama menangis lebih-lebih lagi di masa menghadapi sesi persekolahan. Sebab itulah saya masih

ingat lagi dalam sidang lepas, saya memohon supaya peruntukan untuk petani perlu diberikan kerana ianya ada terdapat di dalam Bajet 2018. Akan tetapi saya mendapat jawapan yang mendukacitakan di mana bantuan tersebut tidak dapat diteruskan. Apa pun di sini, saya ingin mengambil kesempatan untuk memohon bukan sahaja p potongan itu tidak dilakukan malahan juga insentif kepada petani yang dahulunya juga dapat diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penghapusan GST dan menggantikannya dengan SST, pada hemat saya, merupakan satu langkah yang kurang baik yang diambil oleh Kerajaan Pakatan Harapan kerana GST merupakan satu cukai yang telus yang telah diamalkan lebih dari 170 buah negara di dunia.

#### ■1240

Berikutan pelaksanaan GST di negara kita bermula pada April 2015 dilaporkan sebanyak RM27 bilion berjaya dikutip pada tahun 2015, sebanyak RM41.2 bilion pada tahun 2016 dan RM44 bilion pada tahun 2017. Sama ada kita suka ataupun tidak, GST telah terbukti menjadi penyelamat kepada ekonomi Malaysia dengan menyumbang kira-kira 18 peratus daripada keseluruhan hasil. Manakala SST pula suatu cukai tidak telus di samping kutipan kerajaan semakin menurun, manakala harga barangan harian semakin meningkat. Disebabkan pendapatan yang dikutip oleh kerajaan berkurang, tidak hairan lah sekiranya Kerajaan Pakatan Harapan telah memperkenalkan beberapa cukai baharu antaranya cukai soda, levi pelepasan dan cukai perkhidmatan dan pembersihan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan subsidi haji. Saya ingin memohon supaya subsidi itu dapat diteruskan seperti yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Walaupun ada suara-suara sumbang yang menyatakan bahawa kalau tidak mampu, tidak payah pergi menunaikan haji. Akan tetapi, sebagai kerajaan yang prihatin kepada rakyat, tidaklah salah untuk membantu demi untuk kesejahteraan rakyat. Sejak akhir-akhir ini kita dapati timbul beberapa kontroversi berhubung dengan Tabung Haji. Untuk itu Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk mencadangkan satu suruhanjaya diraja ditubuhkan bagi menyiasat segala dakwaan salah laku yang berlaku dalam pengurusan Tabung Haji.

Tabung Haji yang lalu antaranya termasuklah pemberian hibah oleh pengurusan terdahulu yang tidak mematuhi Akta Tabung Haji selama empat tahun adalah sesuatu yang amat serius yang boleh menjejaskan keyakinan dan kepercayaan umat Islam terhadap institusi Islam tersebut. Di samping itu juga, dakwaan menuduh wujudnya kerugian besar yang berjumlah RM10 bilion juga amat serius kerana setiap tahun TH diaudit dan disahkan penyediaan laporan kewangan oleh Jabatan Audit Negara sebelum dibentangkan di Parlimen. Justeru itu, sekiranya ada apa-apa penyelewengan atau manipulasi akaun, Jabatan Audit Negara lah yang harus dipersalahkan.

Segala dakwaan ini perlu dibersihkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan bagi memberi keyakinan kepada orang ramai terhadap Tabung Haji. Oleh itu, di kesempatan di Dewan yang mulia ini saya memohon kepada Kerajaan Pakatan Harapan yang mendapat mandat dari rakyat perlu bertanggungjawab supaya dapat menubuhkan satu suruhanjaya diraja bagi menyasat apa saja penyelewengan yang berlaku demi untuk memberikan keyakinan kepada orang ramai serta menjaga nama baik Tabung Haji dan yang lebih penting yang bersalah tidak dapat terlepas dari menerima hukuman.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan Statut Rom. Setelah mendapat berbagai-bagai bantahan demi bantahan serta tidak mendapat perkenan Majlis Raja-Raja, akhirnya pada 5 April 2019, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengisytiharkan penarikan Malaysia dari menyertainya. Soalan saya, saya mohon bertanya, apakah penarikan diri tersebut boleh diterima pakai memandangkan Malaysia telah menandatangani pada 4 Mac 2019?

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan keselamatan dan aset-aset pertahanan negara ia juga tidak boleh didedahkan kerana ia akan menjejaskan keselamatan dan keamanan negara. Kesan dari elemen-elemen yang tersebut itu, secara tidak langsung telah mendedahkan rahsia negara kepada pihak musuh yang tidak dikenali. Untuk itu saya mohon kepada Menteri Pertahanan khasnya supaya janganlah mendedahkan berapa pun jumlah aset-aset yang boleh diguna pakai walaupun dengan apa niat sekalipun untuk menunjukkan ketelusan kerajaan. Akan tetapi, dari segi keselamatan dan pertahanan ia perlu dirahsiakan dari pengetahuan umum.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya ada terbaca bahawa kementerian sedang mengkaji untuk memberi gaji yang lebih kepada orang Cina dan orang India yang menyertai Angkatan Tentera Malaysia. Ini mungkin sebagai alternatif ke arah menggalakkan mereka menyertai ATM. Ini juga bermakna sekiranya perkara ini menjadi kenyataan, terdapat dua skim gaji. Kalaulah ini juga sebagai alternatif, saya mohon supaya perkara ini tidak dilaksanakan demi memastikan lebih banyak perkara-perkara negatif tidak akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menekankan soal perpaduan kaum di negara ini perlu dititik beratkan oleh semua rakyat. Memandangkan Malaysia satu-satunya negara di dunia yang mempunyai penduduk berbilang kaum dan berbagai-bagai agama yang masih dapat mengekalkan keamanan. Tindakan tegas hendaklah diambil ke atas sesiapa sahaja yang mewujudkan provokasi, tidak kira sama ada di pihak kerajaan mahupun pembangkang yang boleh menjejaskan perpaduan dan keharmonian negara. Dewasa ini, kerjasama UMNO-PAS yang dilabelkan dengan kepelbagaian. Ada pemimpin kerajaan telah mengeluarkan tuduhan mengenai bahayanya kerjasama tersebut. Pemikiran mereka ini melambangkan persepsi yang salah.

Tanggapan tersebut ialah menuduh persaudaraan UMNO-PAS membawa kepada perkauman dan pembunuhan seperti yang terjadi di New Zealand boleh berlaku di Malaysia jika adanya kerjasama tersebut. Selama ini Islam dituduh sebagai penganas yang melampau yang suka kepada peperangan. Namun begitu, kejadian yang berlaku baru-baru ini menunjukkan bahawa mana-mana penganut agama pun boleh melakukan tindakan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa semua agama yang ada di dunia ini tidak menggalakkan pembunuhan mahupun keganasan. Sebaliknya apa yang berlaku pada hari ini adalah berpunca daripada sikap diri sendiri ataupun fahaman terlalu ekstremis. Berbalik kepada kejadian yang berlaku di New Zealand. Tindakan Perdana Menteri New Zealand yang mengambil tindakan yang tegas tanpa mengira latar belakang dan rupa bentuk terhadap pelaku jenayah keganasan itu harus dipuji.

Terbaru, tindakan Timbalan Setiausaha Agung DAP melabelkan kerjasama PAS-UMNO sebagai Taliban disifatkan sebagai berniat tidak baik. Inilah fikiran yang sepatutnya tidak dimiliki oleh rakyat Malaysia. Saya ingin bertanya kepada Sidang Dewan yang mulia ini, siapakah yang memulakan perang dunia pertama, perang dunia kedua, pembunuhan enam juta Yahudi di Jerman, pengeboman bom atom di Hiroshima dan Nagasaki? Ini semua bukan dimulakan oleh orang Islam tetapi oleh agama dan kaum lain.

Mereka sanggup menyeksa dan membuang mayat-mayat ke laut untuk kepentingan mereka. Mereka membunuh orang-orang tempatan demi kepentingan agama dan ekonomi mereka amnya. Keganasan berskala besar yang dipelopori bukan Islam ini, dilihat tidak pula dituduh sebagai ekstremis. Akan tetapi, apabila sesuatu isu itu melibatkan orang Islam terus dituduh sebagai ekstremis.

Namun begitu, pemimpin-pemimpin kerajaan pada hari ini hanyalah memandang ringan situasi ini. Mereka seharusnya tegas dalam melindungi apa-apa saja peruntukan yang ada di dalam Perlembagaan terutamanya melibatkan agama. Kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh pemimpin-pemimpin ekstremis dalam kerajaan hari ini seolah-olah memperkotak-katikkan dan menghina agama Islam. Setahu saya ramai pemimpin kerajaan yang menerajui negara adalah beragama Islam. Sepatutnya mereka melindungi, bukan lihat dan biar sahaja agama Islam dihina oleh pemimpin-pemimpin orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon kepada Menteri Agama sekiranya ada apa-apa peruntukan yang hendak disalurkan oleh kerajaan kepada badan-badan ataupun yayasan-yayasan Islam biarlah ia disampaikan oleh pemimpin-pemimpin Islam. Tidak kiralah sama ada oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ataupun juga oleh Menteri Agama sendiri. Kalau sumbangan tersebut merupakan sumbangan peribadi, itu saya tidak komen apa-apa.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya hendak menutup ucapan saya, saya hendak bercakap sedikit berhubung dengan negeri Perlis. Perlis memohon pembangunan wilayah secara menyeluruh bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup sosioekonomi di samping itu meningkatkan keselamatan setempat.

■1250

Sebelum ini kita ada MADA, kita bersama Kedah. MADA itu hak Kedah. Akan tetapi, walau bagaimanapun tuan dia itu adalah seorang yang baik. Tuan Yang di-Pertua, pembinaan tembok sempadan walaupun telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak di Malaysia dan di Thailand telah dimuktamadkan, tetapi saya lihat kalau di Malaysia telah dimuktamadkan. Akan tetapi, saya hendak tahu bagaimana pula dengan keadaan di Thailand? Di samping itu, adakah kerajaan akan membuat penambahbaikan untuk menambah CCTV ataupun menara kawalan yang serba canggih apabila tembok sempadan itu dibina. Itu soalan saya.

Di samping itu juga Tuan Yang di-Pertua, kawasan perindustrian Lembah Chuping, projek ini mampu menarik pelabur sehingga RM10 bilion pelaburan dan ia boleh menjadikan salah satu pendapatan utama khasnya di negeri Perlis serta memberi peluang pekerjaan yang banyak kepada penduduk tempatan. Difahamkan hujung Februari yang lalu, Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar ada buat lawatan dan telah meluluskan projek ini. Namun, bantuan dana yang diberikan tidak diketahui jumlahnya dan status terkini juga belum dapat dipastikan. Saya mohon pencerahan.

Tuan Yang di-Pertua sebagai kesimpulan saya amat bersetuju dengan kenyataan Tun Daim Zainuddin, Pengerusi Majlis Penasihat Kerajaan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan perlulah berhenti dari menyalahkan kerajaan yang lepas. Sebaliknya berusaha untuk mengatasi masalah ekonomi yang semakin teruk. Apalagi bila badan-badan penarafan yang memberi penilaian yang secara tidak langsung menunjukkan ekonomi Malaysia kian teruk. Pelabur-pelabur dalam negeri pun lari yang hendak datang belum tentu lagi.

Kepada Kerajaan Pakatan Harapan, janganlah asyik hendak menjual aset-aset negara dengan alasan rugi. Berusahalah memulihkan GLC-GLC yang rugi dan yang kurang mendapat keuntungan. Sebagai contoh, Khazanah Nasional Berhad yang 10 tahun mencatatkan keuntungan, tahun ini mengalami kerugian berjumlah RM6.3 bilion. Lembaga Tabung Angkatan Tentera, KWSP, PNB, Telekom Malaysia, TNB yang rugi janganlah hendaknya semua kegagalan dikatakan berpunca dari 1MDB. Sebenarnya, hutang 1MDB berjumlah RM38 bilion. Akan tetapi, 1MDB juga mempunyai aset yang berharga.

Contohnya, TRX yang diiktiraf aset terbaik oleh kerajaan semasa dan dijangka akan mendatangkan pulangan sebanyak RM40 bilion. Manakala, Bandar Malaysia yang dikatakan menggadai pertahanan negara kerana didirikan di atas tanah asal *Airport* Sungai Besi akhirnya diteruskan oleh kerajaan baharu yang diakui sebagai projek yang akan menjana

ekonomi dan menggerakkan pelaburan dari pelosok dunia serta dijangka mendatangkan pulangan sebanyak RM140 bilion.

Tuan Yang di-Pertua dalam apa keadaan sekalipun, bila bercakap soal hutang cakaplah juga soal aset yang akan diperolehi. Itulah adil namanya. Dengan ini, saya mohon menyokong, Tuan Yang di-Pertua. Sekian. *Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Baik. Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat. Terima kasih banyak.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Senator Datuk Sambanthan a/l Manickam. Silakan.

### 12.54 tgh.

**Datuk Sambanthan a/l Manickam:** Salam sejahtera dan salam perpaduan. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahas Titah Diraja oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya membahaskan Titah Diraja izinkan saya untuk memulakan dengan nukilan yang berbunyi seperti berikut. "Hidup perlukan pengorbanan. Pengorbanan perlukan perjuangan. Perjuangan perlukan ketabahan. Ketabahan perlukan keyakinan. Keyakinan pula menentukan kejayaan. Kejayaan pula akan menentukan kemenangan rakyat".

Saya selaku Ahli Dewan Negara, melihat Titah Diraja sempena Istiadat Pembukaan Penggal Kedua, Majlis Parlimen Malaysia Keempat Belas ini lebih memfokuskan kepada sosial pembangunan negara dan kebajikan rakyat. Jelas, saya ingin menyatakan bahawa pembangunan negara dari aspek ekonomi masih ditakuk lama walaupun kerajaan baharu telah mentadbir lebih 11 bulan selepas mengambil kuasa secara aman pada tanggal 9 Mei 2018. Malah, aspek kebajikan rakyat juga turun apabila kerajaan masih kini telah mengurangkan bantuan-bantuan yang telah disalurkan kepada rakyat pada zaman kerajaan dahulu.

Walaupun hutang negara sejak memerintah Barisan Nasional berada pada paras tinggi akan tetapi di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib, mantan Perdana Menteri Malaysia beliau masih mampu menyalurkan bantuan, memperkenalkan pelbagai jenis skim dan insentif yang mencukupi kepada rakyat Malaysia.

Soalan saya, mengapakah kerajaan 11 bulan ini tidak dapat melakukan sedemikian. Ingin saya menegaskan bahawa aspek kebajikan rakyat harus diberi tumpuan tidak kira bangsa dan agama. Pihak kerajaan harus mencari jalan alternatif yang bersesuaian bagi meringankan beban rakyat, keperluan rakyat perlu kita dengar, jangan sekali-sekala kita

disumpahi rakyat. Ingat. Rakyat mempunyai kuasa dalam menaikkan atau menurunkan sebuah kerajaan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan dalam menyentuh isu perpaduan. Perpaduan harus dijadikan sebagai sebuah jambatan yang kukuh serta komited dalam memelihara, menumbuhkan dan mengurangkan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan. Akan tetapi malangnya, isu-isu yang berkaitan dengan perpaduan kaum kerap menjadi sebagai bahan *viral* oleh masyarakat Malaysia. Hubungan kaum Melayu, Cina dan India ibarat sebuah keluarga. Keluarga yang sama-sama bekerja demi pembangunan negara.

Sekiranya, salah seorang ahli keluarga sakit maka institusi keluarga akan berubah. Semakin hari, penghina agama dan kaum tidak menemui jalan penyelesaiannya. Saya agak kecewa dengan tindakan menghina agama dan kaum di laman sosial yang menyebabkan berlaku keganasan antara kaum di Malaysia. Bukan itu sahaja, menghina terhadap Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara dan kedudukan Majlis Raja-Raja Melayu turut menjadikan sebagai sasaran oleh pihak tidak bertanggungjawab. Tindakan seperti ini, namun memberikan impak yang negatif kepada pembangunan negara.

Sudah tiba masanya, Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) di bawah ke Kementerian Komunikasi dan Multimedia untuk mengkaji semula akta yang sedia dibagi membanteras isu-isu sensitif ini. Penapisan maklumat harus dilakukan dengan kadar yang segera. Agar perkara-perkara seperti menghina agama dan kaum, provokasi terhadap Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara dan kedudukan Majlis Raja-Raja Melayu tidak dibangkitkan oleh mana-mana pihak.

Saya juga merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan Polis Diraja Malaysia kerana berjaya mengambil tindakan dan mendakwa beberapa orang individu yang telah melakukan provokasi menghina Nabi Muhammad SAW serta agama-agama lain dalam laman sosial. Walau bagaimanapun, sikap mencaci dan mengejek agama masih berterusan di laman sosial melalui penggunaan akaun-akaun palsu.

Oleh hal demikian, kita harus mendukung seruan Yang di-Pertuan Agong untuk menjunjung keluhuran Perlembagaan terutamanya yang menyentuh sistem demokrasi berparlimen, Raja Perlembagaan, kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai. Serta bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tidak dan hukum yang lebih berat harus dikenakan terhadap perbuatan seperti ini yang boleh menjejaskan perpaduan dan keharmonian negara. Di sini, Kementerian Pendidikan harus memandang serius terhadap isu perpaduan ini.

Satu langkah proaktif harus diambil dengan memperkenalkan mata pelajaran yang berteraskan perpaduan di semua peringkat sekolah dan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) serta Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Walaupun dari mata pelajaran seperti Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan dan Pendidikan Moral sebagai *best man*, dengan izin kepada para pelajar di peringkat sekolah dan kursus-kursus melibatkan perpaduan di peringkat IPTA atau IPTS tetapi impak terhadap nilai perpaduan masih berada pada tahap sederhana dalam kalangan pelajar.

Mata pelajaran harus atau kursus yang diperkenalkan ini perlu merangkumi beberapa teras. Antaranya ialah disiplin perpaduan, institut Diraja, kedudukan Majlis Raja-Raja Melayu, perpaduan antara kaum, bersalaman antara keharmonian antara agama serta isu-isu atau terdiri berkaitan perkauman dijadikan sebagai bahan tauladan.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya bagi Yang Berhormat lima minit lagi ya. Teruskan. Saya tahu Yang Berhormat akan pergi jumpa dengan doktor pukul dua petang. Jadi... *[Disampuk]*

**Datuk Sambanthan a/l Manickam:** Tak pun saya sambung petang dan selepas itu saya boleh jumpa doktor.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Boleh sambung?

**Datuk Sambanthan a/l Manickam:** Ya, petang.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Petang ya, okey.

**Datuk Sambanthan a/l Manickam:** Ya.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Boleh sambung petang yakni 2.30 petang?

**Datuk Sambanthan a/l Manickam:** Ya.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Okey. Baik kalau Yang Berhormat boleh sambung, terima kasih banyak ya. Jadi, sekarang jam pukul satu lebih sedikit lima minit. Saya tangguhkan mesyuarat hingga jam 2.30 petang. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

***[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.04 petang]***

***[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]***

■1430

***[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]***

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan kita sambung pada Yang Berhormat Senator tadi. Hari ini kita ada 15 orang hendak berucap ya, minta kerjasama yang amat sangat dapat 20 minit kah. Kalau mana sudah berucap, kita *skip* lah ya.

Sekarang saya jemput menyambung Yang Berhormat Datuk Sambanthan a/l Manickam. Dipersilakan.

### 2.33 ptg.

**Datuk Sambanthan a/l Manickam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin menyentuh tentang isu Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di negara ini. Untuk pengetahuan kepada Dewan yang mulia ini, jumlah keseluruhan sekolah Tamil di Malaysia adalah dalam lingkungan 525 buah sekolah Tamil. Namun demikian, sesetengah sekolah berkenaan masih menghadapi pelbagai jenis isu dalaman.

Antaranya ialah suasana kelas yang kurang sempurna, kekurangan bangunan sekolah atau kelas akibat daripada peningkatan kemasukan pelajar yang baharu, peralatan pengajaran yang kurang. Isu guru-guru sekolah menggunakan wang sendiri dalam membeli barang untuk kegunaan sekolah dan sebagainya. Pepatah Melayu, anak kera di hutan disusukan, anak sendiri mati kelaparan.

Dalam perkara ini, saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian Pendidikan untuk menubuhkan satu unit khas berfungsi sebagai 3M iaitu memantau, meneliti dan hendaklah sekolah menyelesaikan segala permasalahan yang dihadapi oleh sekolah berkenaan bagi membolehkan pelajar-pelajar dapat menimba ilmu dalam keadaan yang sempurna. Melalui program 3M ini, kementerian boleh mendapat maklum balas berkaitan sekolah tersebut dan mengambil tindakan selanjutnya.

Apabila Barisan Nasional memerintah, memang masyarakat India telah mengadakan seorang Timbalan Menteri Pendidikan untuk memantau sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil. Apabila selepas Pakatan Harapan memerintah kita tidak ada seorang Menteri mewakili masyarakat India di sekolah. Apabila saya membawa beberapa kali, bangkit isu Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Semenyih, apabila perbahasan saya ataupun bertanya soalan penggal yang pertama Timbalan Menteri Pendidikan telah mengatakan kita akan jumpa dan berunding di luar Dewan.

Akan tetapi saya tunggu lebih kurang dua jam Timbalan Menteri Pendidikan tidak keluar daripada Dewan dan akhirnya saya dan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan telah berbincang dengan beliau, beliau kata, "Saya sibuk. *You* apa-apa hal, jumpa saya punya pegawai."

Saya menegaskan ini apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri telah turun berjumpa di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan juga Yang Berhormat Dr. Xavier Jayakumar telah pun mahu turun untuk melawat di sekolah, beliau telah berjanji apabila PRK kecil N.24 Semenyih dalam masa itu kedua-dua Yang Berhormat Menteri telah berjanji dan juga seorang ahli Exco di negeri Selangor telah pun berjanji untuk menyelesaikan isu sekolah. Akan tetapi

sampai hari ini kita tidak dapat satu keputusan yang baik daripada Kementerian Pendidikan ini.

Saya minta kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan, sila mengambil tindakan serius terhadap isu Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Semenyih. Begitu juga, saya ingin menekankan di sini ada dua perkara yang sangat penting. Satu adalah...

**Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram:** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh mencelah?

**Datuk Sambanthan a/l Manickam:** Boleh, boleh.

**Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan isu sekolah Tamil, masyarakat India pandang serius terhadap pendidikan. Ini kerana masyarakat India ini mempunyai ekonomi yang tidak stabil, boleh dikatakan tidak stabil berbanding dengan pendidikan, hanya bergantung kepada pendidikan untuk kemajuan seterusnya.

Jadi, saya berpendapat bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia mesti ada seorang Timbalan Menteri yang mewakili masyarakat India seperti mana yang kerajaan terdahulu kerana banyak masalah berkaitan dengan isu sekolah Tamil dan juga bahasa Tamil tidak difahami oleh Kementerian Pendidikan Malaysia disebabkan tidak mempunyai seorang Menteri ataupun Timbalan Menteri, Timbalan Menteri Pendidikan yang tidak faham.

Saya pun sudah beberapa kali *Twitter* dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan tidak faham dan tidak risaukan apa yang kita kata. Apa yang disarankan oleh Yang Berhormat, memang saya sokonglah supaya kena ada pegawai yang bertanggungjawab berkaitan dengan isu sekolah Tamil ataupun isu berkaitan dengan bahasa Tamil ataupun melantik seorang Timbalan Menteri, itu cadangan kami. Apa pendapat Yang Berhormat?

**Datuk Sambanthan a/l Manickam:** Kita terima cadangan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan kerana bukan sahaja hasrat dua orang Yang Berhormat Senator tetapi hasrat daripada seluruh masyarakat India di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada dua isu yang tadi saya telah sentuh. Ada satu, seorang pegawai ataupun seorang cikgu sekolah menengah telah dipilih sebagai Timbalan Pengarah Bahasa Tamil. Beliau telah menerima surat tawaran daripada Jabatan Pendidikan Negeri Selangor pada hari Jumaat. Dalam surat tertentu, telah pun sentuh beliau akan melaporkan diri pada hari Selasa. Pada hari Selasa pagi, seorang Timbalan Pengarah telah pun melaporkan diri. Pengarah dan juga jabatan kata tarik balik surat tawaran yang telah diterima oleh Timbalan Pengarah ini.

## ■1440

Apabila cikgu yang tertentu tanya kepada jabatan, jabatan kata ini adalah arahan daripada atasan, ataupun tekanan daripada atasan. Saya hendak juga bertanya, adakah pemilihan seorang Timbalan Pengarah Bahagian Bahasa Tamil, seorang India, telah pun dipilih oleh kroni-kroni dengan menggunakan kuasa jawatan seorang Yang Berhormat Menteri yang terlibat dalam pelantikan seorang Timbalan Pengarah?

Kedua, adalah isu matrikulasi. Mantan Kerajaan Barisan Nasional dan juga Yang Berhormat Dato' Sri Najib telah pun beri peruntukan kepada seramai 2,200 orang murid-murid untuk mendapat kelas matrikulasi, tetapi Pakatan Harapan yang telah memerintah pada hari ini- ini masyarakat India bertanda tanya berapa ramai kah telah mendapat kuota ini? Semalam Kabinet telah mengambil keputusan seramai 40,000 orang telah pun mendapat matrikulasi ini. Akan tetapi, Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah mengeluarkan kenyataan media tidak menyentuh satu pun, sama ada telah tambah kah ataupun dikekalkan. Belum tahu.

Akan tetapi, Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia, Yang Berhormat M. Kulasegaran telah pun mengeluarkan kenyataan dalam surat khabar bahawa masyarakat India sudah diterima seramai 2,200 orang. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia ataupun Yang Berhormat M. Kulasegaran, bolehkah keluarkan senarai nama seramai 2,200 orang yang telah pun menerima matrikulasi ini? Ini kerana pendidikan adalah sangat penting. Yang Berhormat Dato' Dr. Ananthan kata pendidikan adalah penting kepada masyarakat semua kaum.

Dalam isu ini, saya minta Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengambil serius. Kalau Menteri Pendidikan tidak ambil serius, tidak beri satu keputusan bagi masyarakat India- saya rasa ramai masyarakat India telah pun mengeluarkan memorandum kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga ramai lagi persatuan-persatuan masyarakat India telah pun beri memorandum kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan tetapi Yang Berhormat Menteri Pendidikan sampai ke hari ini belum beri satu keputusan kepada masyarakat India tentang matrikulasi.

Saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri apabila Kerajaan Barisan Nasional telah pun mengadakan isu kad pengenalan dan surat beranak, apabila Yang Berhormat M. Kulasegaran dan juga Yang Berhormat Waytha Moorthy sentiasa mengatakan seramai 300,000 orang yang belum menerima kad pengenalan. Selepas PRU Ke-14, dua-dua pemimpin telah pun membuat *U-turn*, dengan izin, dia kata itu kenyataan bukan betul. Saya hendak bertanya, kalau Barisan Nasional memerintah, dia kata seramai 300,000 orang belum mendapat. Apabila Pakatan Harapan memerintah, dua-dua pemimpin *U-turn*, tidak boleh selesai isu masalah yang tertentu ini.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pakatan Harapan telah melantik empat orang Yang Berhormat Menteri mewakili masyarakat India. Seluruh Malaysia dan masyarakat India pun bangga apabila Pakatan Harapan telah melantik empat orang Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi, keempat-empat orang menteri, tidak ada seorang pun mewakili masyarakat India untuk menyuarakan hak masyarakat India di Malaysia. Apabila kita telah pun berjumpa beliau dan minta berunding kepada menteri-menteri ini, menteri-menteri mewakili masyarakat India tidak berani berjumpa kita.

Saya berharap keempat-empat Yang Berhormat Menteri ini, marilah bersama-sama berunding, tidak kira Pakatan Harapan, tidak kira Barisan Nasional, tidak kira mana parti, kita sama-sama mesti membincangkan isu-isu semasa yang dihadapi oleh masyarakat India di negara ini. Keempat-empat Yang Berhormat Menteri masing-masing menjaga portfolio sendiri, tetapi tidak ambil berat tentang isu.

Saya bertanya, siapakah mewakili masyarakat India apabila membawa isu-isu ini berbincang kepada Kerajaan Pakatan Harapan? Dahulu memang kita ada parti-parti mewakili masyarakat India khususnya MIC dan IPF boleh membawa kepada kerajaan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat India, tetapi setakat ini di bawah pemerintahan Pakatan Harapan, tidak ada orang mewakili masyarakat India akan berjumpa kepada Kerajaan Pakatan Harapan supaya menyelesaikan hal-hal tertentu ini.

Saya juga ingin menyentuh apabila Yang Berhormat Senator telah menyentuh isu perladangan ataupun orang-orang estet keluar daripada ladang. Di bandar, masih kita belum dapat rumah kos mampu milik. Saya berharap- berapa ramai kah masyarakat India keluar daripada ladang mendapat rumah mampu milik? Yang Berhormat Menteri ini mesti mengambil berat tentang isu ini kerana ramai masyarakat India menghadapi masalah-masalah yang besar tentang isu perumahan ini.

Akhir kata, saya dengan ini menyokong Usul Titah Diraja dan berharap Kerajaan Pakatan Harapan akan menunaikan janji manifesto mereka dengan sempurna. Sekian, terima kasih. *Nandri vanakam.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Vanakam.* Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Sambanthan a/l Manickam. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong. Dipersilakan.

#### **2.47 ptg.**

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat tengah hari kepada semua. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang untuk turut menyertai perbahasan Titah Diraja yang disampaikan pada 11 Mac 2019 sempena perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Ke-14.

Tuan Yang di-Pertua, isu pertama yang saya ingin bangkitkan adalah mengenai satu peristiwa yang berlaku pada 9 April di mana pada pendapat saya, seharusnya Ahli-ahli Parlimen memberi sokongan sepenuhnya ke atas pindaan Perkara 1(2), Perlembagaan Persekutuan. Akan tetapi, malang sekali, Ahli-ahli Parlimen dari Sarawak sendiri- walaupun terdapat sokongan daripada negeri Sabah, tetapi Ahli-ahli Parlimen Gabungan Parti Sarawak (GPS) telah tidak mengambil bahagian dalam proses pengundian.

Hal ini bagi saya sangat mengecewakan kerana kita penduduk-penduduk Sabah dan Sarawak sudah menunggu selama 43 tahun, Tuan Yang di-Pertua. Sejak kedudukan Sabah dan Sarawak telah diturunkan kepada salah sebuah negeri di Persekutuan Malaysia pada tahun 1976 dan sekarang selepas Pakatan Harapan mengambil alih dalam 10 bulan, kita telah mengambil inisiatif-inisiatif termasuklah kita membentangkan pindaan tersebut di Dewan Rakyat.

Akan tetapi, oleh kerana ia tidak mendapat sokongan dua per tiga- malah, Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negara pun terlepas peluang untuk turut berbahas mengenai isu yang penting ini. Saya rasa pemulihan kedudukan Sabah dan Sarawak di dalam Persekutuan adalah satu langkah pertama sahaja untuk kita dapat mengembalikan hak-hak lain, dengan izin, *all the other rights would be written gradually* secara beransur-ansur, secara berperingkat. Akan tetapi, yang penting sekali kita pulihkan kedudukan yang sama rata dahulu. Itu peluang keemasan yang terlepas.

#### ■1450

Tuan Yang di-Pertua, selepas Bacaan Kali Pertama terdapat banyak bantahan termasuklah *backbenchers* daripada pihak kerajaan. Akan tetapi kita dalam lima hari telah menerima maklumat dan mendengar pendapat daripada semua Ahli-ahli Parlimen, Ahli Dewan Rakyat dan kita buat pindaan.

Oleh itu pada Bacaan Kali Kedua, versi pindaan itu adalah sama perkataan ataupun, dengan izin, *work for words* mengikut versi tahun 1963. Walaupun begitu, Ahli-ahli Parlimen GPS tidak menyokong. Bagi saya ini adalah kerana kepentingan mereka sendiri ataupun kerisauan mereka akan menghilangkan satu isu politik atau *political capital*, dengan izin, menjelang PRN yang akan datang iaitu tahun hadapan.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan di sini bahawa Kerajaan Pakatan Harapan memang komited untuk mengembalikan hak-hak seperti yang kita janjikan dalam manifesto kita. Itu kita harus tekankan, walaupun kita gagal mendapat sokongan tetapi jawatankuasa tertentu yang telah ditubuhkan selama ini telah menjalankan tugas mereka dan kami memberi sokongan sepenuhnya kepada pihak Kabinet dan pihak kerajaan untuk memulihkan hak-hak Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang seterusnya adalah berhubung kait dengan Kementerian Dalam Negeri yang selalu saya beri perhatian. Ini adalah berkenaan dengan perkembangan terkini usaha pihak Polis Diraja Malaysia mencari ataupun menangkap kedua-dua individu yang sering disebutkan iaitu Jho Low atau Low Taek Jho dan bapanya Tan Sri Low Hock Peng yang sekarang ini kita pun tidak tahu usaha bagaimana, apakah perkembangan, *what is the latest status by the police?* Di mana mereka? Khususnya sekarang ini nama mereka sering disebut semasa perbicaraan dijalankan terhadap mantan Perdana Menteri.

Pada tahun lepas kalau tidak silap saya, Ketua Polis Negara telah sebut selepas dibangkitkan isu kedua-dua mereka tidak disenaraikan di INTERPOL, nama dan gambar mereka. Saya telah membuat pemeriksaan dalam laman web INTERPOL, sampai semalam pun saya nampak maklumat mereka tidak ada di INTERPOL juga.

Saya ingin tahu, walaupun saya tahu memang INTERPOL ada protokol sendiri, memakan masa tetapi sudah sekian lama, saya inginkan satu jawapan daripada kementerian, daripada pihak polis kenapa mereka belum lagi disenaraikan? Apakah usaha yang telah dijalankan dan bilakah mereka ini boleh diheret ke mahkamah dan dihadapkan ke mahkamah? Untuk menjawab soalan-soalan yang disyaki mereka telah menyalahgunakan dana wang rakyat Malaysia melalui 1MDB. Itu soalan saya kepada pihak PDRM.

Isu yang seterusnya Tuan Yang di-Pertua, adalah mengenai kes kehilangan paksa atau penculikan Paderi Raymond Koh dan seorang aktivis sosial Amri Che Mat sepertimana yang didakwa oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) di mana mereka telah mendakwa Cawangan Khas- *Special Branch*, dengan izin, Bukit Aman ada terlibat dalam kes itu. Ini dakwaan yang sangat serius yang dibuat bukan oleh sesiapa pun tetapi oleh sebuah badan berkanun, SUHAKAM.

Susulan daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak berikan sedikit *background* kepada kejadian. Kita imbas kembali penculikan khususnya Raymond Koh yang berumur 64 tahun yang berlaku pada 13 Mei 2017. Ada satu rakaman CCTV selama 40 saat menunjukkan perancangan culik dan orang yang terlibat mungkin pernah menyertai latihan dengan erti kata lain *this is done by professional*. Pada 8 Mac seorang suspek berbangsa Cina ditangkap, suspek tersebut telah meminta RM30 ribu tebusan daripada keluarga Pastor Raymond, ditahan empat hari selepas itu tidak ada berita berikut.

Tuan Yang di-Pertua, selepas itu pada 25 Jun 2017, seorang lagi suspek telah ditahan di negeri Perak. Di dalam rumahnya terdapat peluru, dadah dan 16 keping gambar rumah dan sekeliling rumah Pastor Raymond tetapi selepas itu tidak ada berita lagi. Selepas itu pada 20 Oktober tahun yang sama, bekas Ketua Polis Malaysia pada masa itu Tan Sri Khalid mengakui pihak polis membuat kesilapan. Mengikut laporan media, beberapa pegawai polis

telah menyatakan proses culik seperti proses pihak polis yang menangkap penjenayah. Itu yang dinyatakan Tuan Yang di-Pertua.

Baru-baru ini iaitu pada 3 April 2019, satu laporan selepas inkues dibuat oleh SUHAKAM sendiri, menyatakan ia terlibat dengan *Special Branch*, daripada siasatan dan bukti-bukti yang dikemukakan selama inkues tersebut. Saya ingin tahu dan saya haraplah, perkara ini sangat membimbangkan kerana institusi negara yang diamanahkan, yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga ketenteraman, untuk menjaga kesejahteraan, keselamatan rakyat dikaitkan dengan kes ini. Saya harap mungkin pihak kerajaan boleh tubuhkan pasukan petugas khas seperti yang dicadangkan oleh SUHAKAM untuk menyiasat semula kes tersebut supaya kehilangan paksa itu tidak menimbulkan kerisauan dan kebimbangan di kalangan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang seterusnya yang ingin saya bangkitkan adalah mengenai Kementerian Kerja Raya. Saya telah menerima maklumat daripada pihak JKR Sarawak bahawa mereka telah menerima sepucuk surat kelulusan bertarikh 26 April 2018 iaitu sebelum PRU Ke-14 dari Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Sarawak yang ditujukan kepada Pengarah Jabatan Kerja Raya Sarawak mengenai kelulusan peruntukan bagi pelaksanaan projek khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam kawasan Parlimen Miri. Di mana sebanyak RM12 ribu peruntukan telah diagihkan untuk menjalankan projek bina baru lampu isyarat serta *alignment* jalan baru di *GK roundabout* yang mengubah laluan utama dari Kuala Baram, Senadin, Permyjaya, Tudan dan Pujut ke pusat bandar.

Saya telah difahamkan bahawa ada kehendak-kehendak dalam surat tersebut di mana kebenaran peruntukan cuma akan disalurkan selepas JKR Sarawak menjalankan maklum balas spesifikasi kerja dan penyediaan dokumen-dokumen ataupun, dengan izin, *project cost estimate* dan *project brief*. Saya telah difahamkan oleh JKR Sarawak bahawa kerja-kerja tersebut telah dijalankan tetapi saya difahamkan malangnya projek tersebut telah dibatalkan. Oleh itu saya ingin bertanya kepada Kementerian Kerja Raya, sama ada benar kah projek tersebut dibatalkan? Sekiranya benar, kenapa dan saya harap untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas ke bandar Miri...

**Datuk Paul Igai:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sedikit.

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Boleh, boleh.

**Datuk Paul Igai:** *Because I heard* tadi RM12 ribu sahaja, betul RM12 ribu kah? Berapa jumlah itu?

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** RM12 ribu.

**Datuk Paul Igai:** RM12 ribu sahaja?

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** RM12 juta. Minta maaf. Terima kasihlah kerana memberi peluang untuk membetulkan angka tersebut, RM12 ribu itu mana cukupkan. Minta maaf,

sebanyak RM12 juta. Terima kasih rakan dari Sarawak. RM12 juta itu saya harap projek tersebut boleh disambung, diteruskan kerana untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di Miri, khususnya di DUN Pujut.

■1500

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua mengenai Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), panjang nama kementerian itu. Sejak kebelakangan ini ataupun setiap tahun ada berlaku jerebu di Miri kerana diakibatkan oleh pembakaran terbuka. *This is a repeated phenomenon*, setiap kali, setiap tahun kita mengalami cuaca jerebu yang buruk. Saya telah difahamkan dan di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak bomba penyelamat dan agensi-agensi lain yang bertungkus-lumus di Miri untuk kita cuba menahan atau- sempena kes tersebut berlaku. Saya ingin mengucapkan terima kasih. Kita telah melawat mereka dan memberi dorongan dan sokongan kepada anggota bomba kita.

Akan tetapi saya telah difahamkan oleh Jabatan Alam Sekitar di Miri- *they are under staff*, mereka dipertanggungjawabkan untuk menjaga Miri, Lawas dan Limbang tetapi mereka hanya mempunyai 10 orang kakitangan. *Only 10 staff to take care of whole northern of Sarawak* oleh Jabatan Alam Sekitar. *So, there a seriously under staff*, dengan izin. Saya harap kementerian MESTECC boleh mengambil berat ataupun menambahkan lagi kakitangan supaya pencegahan boleh dilakukan dan juga boleh menambah baik penguatkuasaan mereka.

Ini kerana mengikut maklumat yang saya terima, mereka hanya memberi amaran sahaja dan itu tidak cukup, kita kena ada pendakwaan di mahkamah supaya orang-orang yang terlibat dalam kes pembakaran terbuka dapat mendapat hukuman dan sebagai satu pengajaran supaya mereka ini akan ambil serius dan tidak melakukan aktiviti haram sebegini.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya adalah berhubung kait dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di mana susulan daripada kenyataan media semalam mengenai kemasukan pelajar ke program matrikulasi, Kementerian Pendidikan Malaysia ditambah iaitu daripada Mesyuarat Jemaah Menteri semalam telah bersetuju untuk menambah bilangan kemasukan pelajar ke program matrikulasi, Kementerian Pendidikan Malaysia kepada 40,000 tempat berbanding dengan 25,000 sebelum ini.

Saya ada tiga soalan untuk pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Iaitu yang pertama, saya ingin tahu jumlah kemasukan ataupun *intake* keseluruhan untuk semua IPTA bagi sesi 2017/2018 dan sesi 2018/2019. Soalan kedua, saya ingin tahu jumlah kemasukan STPM untuk IPTA bagi sesi 2017/2018 dan bagi sesi 2018/2019. Soalan terakhir kepada KPM adalah jumlah kemasukan matrikulasi,

*intake* matrikulasi untuk IPTA bagi sesi 2017/2018 dan 2018/2019. Itu saya harap agar pihak Kementerian Pendidikan dapat memberi penjelasan ataupun statistik yang terperinci kepada Dewan yang mulia ini pada penggulungan minggu depan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengesyorkan sokongan saya terhadap cadangan Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Datuk Liew Vui Keong di mana beliau telah mencadangkan supaya ditubuhkan sebuah jawatankuasa ataupun suruhanjaya, dengan izin, *commission, law reform commission*, dengan izin, suruhanjaya pembaharuan undang-undang.

Itu saya mengalu-alukan dan saya harap beliau dapat mengusahakan dan juga ini akan melibatkan dengan Ahli-ahli Parlimen termasuk Ahli Dewan Negara di mana kita telah dimaklumkan terdapat lebih daripada 100 perundangan yang perlu kita kaji semula ataupun bubarkan ataupun kita *improve or innated* dengan undang-undang yang sedia ada. Penubuhan suruhanjaya ini amat penting. Saya harap beliau boleh melaksanakan untuk menubuhkan suruhanjaya tersebut supaya undang-undang Malaysia sekarang ini boleh dikaji semula untuk menepati kehendak masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan saya kepada semua anggota perkhidmatan awam yang bertungkus-lumus menyumbang kepada kemakmuran dan juga menyenangkan kerja-kerja Ahli Dewan Negara di sini. Saya memohon untuk menyokong usul tersebut. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong. Terima kasih sekali lagi.

Sekarang dijemput pula Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose. Dipersilakan.

### **3.05 ptg.**

**Datuk John Ambrose:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera dan salam Malaysia baharu. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan kesempatan kepada saya untuk turut serta berucap Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana telah sudi berangkat menyampaikan Titah di Istiadat Pembukaan Persidangan Parlimen, Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua Parlimen Ke-14 pada 11 Mac 2019 yang baru lalu.

Saya mendoakan agar Tuanku Yang di-Pertuan Agong dianugerahkan kekuatan yang berterusan untuk menaungi dan memayungi negara tercinta serta meneruskan pemerintahan dengan adil dan saksama serta mengutamakan kesejahteraan dan kemakmuran negara.

Tuan Yang di-Pertua, keamanan dan kesejahteraan serta pencapaian negara merupakan perkara pertama yang disentuh oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan

Agong. Saya dengan ini menyokong penuh kenyataan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dan izinkan saya mencadangkan di Dewan yang mulia ini agar pihak kerajaan memberi perhatian tentang pembangunan bagi Sabah dan Sarawak yang masih lagi jauh ketinggalan dari aspek kemudahan infrastruktur, pengangkutan, bekalan elektrik dan air bersih.

Perkara-perkara ini merupakan isu yang amat penting kepada pihak pelabur kerana ia melibatkan operasi harian kilang-kilang yang bakal mereka buka di Sabah dan Sarawak. Saya nampak semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator daripada Sabah dan Sarawak menimbulkan hal seperti ini, jadi saya rasa saya tidak akan bercakap soal ini lagi, saya akan terus pergi kepada isu ketiga, peningkatan kos sara hidup dan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh pelbagai pihak merupakan inti pati ucapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Saya juga yakin, kerajaan pada masa ini akan mengambil kira keadaan sebenar bebanan kos sara hidup di semua peringkat dengan lebih mendalam dan telus dengan mengguna pakai maklumat yang terkandung dalam *survey* pendapatan perbelanjaan isi rumah dan kemudahan asas iaitu HIES 2009 yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Rakyat Malaysia pada tahun 2016 membelanjakan tambahan sebanyak 10 persen untuk perbelanjaan isi rumah mereka dengan pukol rata kenaikan perbelanjaan isi rumah sebanyak RM500 kepada RM4,033. Namun pada tahun 2019, trend perbelanjaan ini kelihatan lagi meningkat dengan harga minyak saban kali dirujuk oleh para peniaga yang akan memindahkan kenaikan kos tersebut kepada pengguna akhir. Saya berharap agar gaji asas di Malaysia ini dikaji dan dibandingkan dengan perbelanjaan yang perlu dibuat di bandar dan di luar bandar. Keseragaman harga juga dituntut bagi memastikan tidak ada pihak yang menjadikan jarak dan keadaan geografi sebagai sebab utama perbezaan kos di Malaysia.

#### ■1510

Tuan Yang di-Pertua, kejatuhan harga komoditi utama telah disentuh, memberi kesan kepada pekebun-pekebun kecil. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah bertitah untuk melaksanakan langkah-langkah bagi meringankan beban bagi mereka yang terlibat. Saya berpendapat bahawa kita perlukan satu sistem pemantauan yang boleh membuat simulasi senario-senario masa depan dengan menggunakan model ramalan lengkap, dengan pemboleh ubah utama bagi menyediakan negara ini daripada berhadapan dengan krisis kejatuhan harga komoditi utama di masa akan datang.

Model ramalan ini juga digunakan untuk membuat unjuran komoditi yang mempunyai potensi baik kepada pengusaha kecil dan sederhana. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga bertitah tentang sektor agromakanan sebagai jaminan bekalan makanan dan kemampuan pada ketika ini untuk dieksport keluar negara.

Saya turut berbangga dengan pencapaian untuk industri-industri tertentu, sejajar dengan penilaian import makanan. Mengikut laporan yang disiarkan pada 5 September 2018,

Suara Pengguna *Utusan Online*, Malaysia dilaporkan membelanjakan kira-kira RM3.2 bilion bagi mengeksport sayur-sayuran dan buah-buahan pada tahun 2016. Keutamaan sektor penanaman pada tahun 2012, Malaysia memiliki 5.1 juta hektar penanaman kelapa sawit, berbanding 52,582 hektar untuk sayur-sayuran dan 205,467 hektar untuk buah-buahan adalah 258,049 hektar atau 5.1 peratus daripada tanah untuk penanaman kelapa sawit.

Perkara ini sama yang sedang berlaku di Sabah. Walaupun Sabah telah ditawarkan untuk menjadi pusat mengeluarkan hab makanan Malaysia. Nilai import makanan sebanyak RM3.2 bilion boleh dijadikan sebagai petanda aras pelaburan yang perlu disalurkan dalam industri agromakanan di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan usaha bagi meningkatkan kesejahteraan luar bandar bagi negeri Sabah dan negeri Sarawak serta Masyarakat Orang Asli. Saya menyeru agar pihak kerajaan mengambil pendekatan yang menyeluruh meliputi pembangunan ekonomi, modal insan dan infrastruktur luar bandar agar diberikan perhatian yang lebih serius kerana ini sudah tentu akan memberikan keselesaan kepada rakyat. Rakyat juga harus sentiasa bersatu padu dalam menggembeng tenaga bersama-sama dengan kerajaan bagi memastikan kejayaan negara ini akan dilaksanakan dengan baik demi masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dari aspek pendidikan holistik serta pembangunan bilangan usahawan, pereka cipta serta pencetus inovasi, semua ini adalah penting bagi menyediakan golongan belia mentadbir negara di masa akan datang.

Namun demikian, kebanyakan daripada program-program pembangunan ini kurang diberikan perhatian dari segi latihan dan kurangnya elemen pemantauan serta khidmat nasihat bagi mengangkat inovasi ke peringkat komersial. Kerajaan perlu mempunyai perancangan yang lengkap atau, dengan izin, *full circle* di mana proses yang dilaksanakan akan kembali ke peringkat yang pertama selepas mencapai peringkat tertinggi dalam sesebuah proses pembangunan dan pengkomersilan.

Kedua-duanya berkenaan cadangan bagi penambahan kuota bagi bumiputera bagi program matrikulasi Kementerian Pendidikan yang akan dibawa ke Mesyuarat Kabinet baru-baru ini. Saya menyokong penuh tentang pengekal dasar penawaran 60 peratus tempat kepada pelajar bumiputera dan 10 peratus tempat kepada pelajar bukan bumiputera untuk mengikuti program matrikulasi di bawah Kementerian Pendidikan.

Pengekal dasar ini adalah selaras dengan matlamat asal program matrikulasi iaitu membangunkan potensi pelajar bumiputera dalam bidang sains, teknologi dan profesional melalui pendidikan pra-universiti yang berkualiti. Kita memahami hakikat bahawa lebih ramai pelajar memperoleh keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang cemerlang bersaing untuk mengikuti program matrikulasi yang menjadi semakin sengit.

Tambahan pula, dengan dasar kerajaan yang memberikan keutamaan kepada pelajar cemerlang daripada keluarga B40 yang menyebabkan tempat pelajar cemerlang SPM daripada keluarga bukan B40 yang tidak mendapat tawaran ke program tersebut. Oleh itu, alternatif lebih baik perlu disediakan kepada pelajar cemerlang itu. Secara prinsipnya, mana-mana pelajar yang berkelayakan serta memenuhi syarat yang ditetapkan oleh pihak kementerian wajar diberikan tempat untuk mengikut pengajian.

Sehubungan dengan itu, saya juga ingin memaklumkan saya menyokong penuh usaha kementerian untuk meningkatkan imej dan mutu Kolej Tingkatan 6 ke seluruh negara sebagai alternatif terbaik kepada pelajar cemerlang SPM untuk mengikuti pengajian pra-universiti selain daripada program matrikulasi yang ditawarkan.

Saya juga ingin bercakap mengenai sekolah daif. Ini di mana, sahabat saya Yang Berhormat Senator Paul Igai pun cakap fasal di Sarawak. Ini di mana, sekolah daif di Sabah ini pun banyak. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan dahulu telah meluluskan kalau saya tidak silap, ada RM1 bilion untuk Sabah dan Sarawak. *I think*, sampai sekarang tidak tahu kalau sudah dijalankan atau tidak, jadi kita mahu tahulah. Ini kerana, sekolah daif ini kalau tidak di *repair*, memang semakin teruk lagi. Di Sabah, memang teruk.

Di kawasan saya sendiri pun, ada enam atau tujuh sekolah daif. Ini di mana, saya sendiri telah membawa mantan Perdana Menteri ke tempat sekolah-sekolah ini. Saya mintalah kerajaan baharu ini harus memberikan perhatian kepada sekolah-sekolah daif, bukan sahaja di Sabah dan Sarawak, tetapi juga di Semenanjung Malaysia, kalau adalah. Saya juga ingin mengulas sedikit dasar tawaran tender secara terbuka untuk setiap projek Persekutuan dan negeri yang dilaksanakan oleh Kerajaan Pakatan Harapan sebelum ini menerusi tender terbuka.

Tidak ada lagi rundingan terus mahupun tender terhad bagi sesuatu projek termasuk projek kerajaan, contohnya seperti projek di bawah Perbadanan Nasional Berhad atau Majlis Amanah Rakyat. Dengan pelaksanaan dasar ini juga menjadikan kontraktor bumiputera tidak lagi akan mendapat jalan mudah sekiranya mereka mahu mendapatkan projek kerajaan. Sebaliknya, mereka perlu bersaing dengan melalui tender terbuka. Ia juga kerana kerajaan baharu mahu memastikan pihak yang mendapat tender berkenaan mempunyai kelayakan dan dapat menyiapkan projek yang diberikan.

Namun begitu, kebelakangan ini kita mendapat maklum bahawa kebanyakan kontraktor bumiputera yang tidak puas hati dengan pelaksanaan dasar tender terbuka ini kerana ia sedikit sebanyak memberikan mereka kesusahan untuk bersaing. Antara yang menjadi masalah adalah dari segi kelayakan dan syarat mereka untuk menjadi salah seorang pemohon. Sebagai contoh, dari segi kekuatan kewangan syarikat melebihi mereka yang bukan bumiputera mendapat kontrak yang ditawarkan.

Kedua, saya juga mendapat maklum oleh pihak Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM), mereka mengajar pihak kerajaan tidak membuka tender kerja Kelas G1 kepada kontraktor bukan bumiputera untuk menggalakkan lebih ramai kontraktor bumiputera gulung tikar berikutan masalah kekurangan projek.

■1520

Ini kerana dalam keadaan ketidaktentuan ekonomi negara pada masa ini, ramai dalam kalangan anggota kita terpaksa bergelut untuk mendapatkan kontrak daripada projek-projek yang semakin kurang. Pada masa ini, lebih 60 peratus daripada 40,000 kontraktor bumiputera kelas G1 hingga G7 didapati tidak aktif sebab masalah kekurangan projek ini. Paling terjejas ialah lebih 24,000 kontraktor bumiputera kelas G dan F kerana kita dapati ada antara projek yang sebelum ini dikhaskan untuk kontraktor bumiputera turut dibuka kepada G1 bukan bumiputera.

Oleh yang demikian, di sini saya ingin mencadangkan pihak kerajaan dapat membincangkan perkara ini di peringkat kementerian atau satu kaedah atau formula dapat diwujudkan seperti tender terhad khas untuk golongan bumiputera secara rundingan terus. Dengan harapan agar pihak kerajaan dapat mengambil perhatian tentang perkara ini kerana ia melibatkan nasib golongan bumiputera di negara ini yang harus dibela dengan baik di mana akhirnya akan memberi manfaat kepada golongan bumiputera untuk mendapat pekerjaan. Saya sependapat dengan Yang Berhormat Senator Datuk Razali pada awal-awal tadi. Saya sama pendapatlah dengan Yang Berhormat Senator Datuk Razali.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi, saya ingin menyentuh tentang cadangan pindaan Perkara 1(2) yang gagal mendapat sokongan dua pertiga anggota Ahli Dewan Rakyat Parlimen baru-baru ini.

Namun, dalam masa yang sama, Dewan Undangan Negeri Sabah pada hari Khamis sebulat suara meluluskan usul tergepar menyokong pindaan Perkara 1(2) Perlembagaan Persekutuan yang dibentangkan di Dewan Rakyat baru-baru ini. Saya difahamkan Ahli Dewan Undangan Negeri berkenaan, Datuk Masidi Manjun telah membentangkan usul berkenaan dan usul ini juga bertujuan untuk memastikan Ahli Parlimen di Sabah meneruskan usaha untuk berunding dengan pihak-pihak berkenaan bagi melaksanakan pindaan itu di Parlimen secepat mungkin.

Usul ini adalah simbolik bagi negeri Sabah dalam usaha kita mendapatkan semula status Sabah sebagai rakan kongsi yang sama taraf dengan Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Pada 9 April, satu usul dibentangkan di Dewan Rakyat untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi mengembalikan peruntukan asal digubal pada tahun 1963 dan dipinda pada tahun 1976. Cadangan pindaan tahun 2019 ini bertujuan mengembalikan peruntukan asal Perkara 1(2), Perlembagaan Persekutuan yang mengiktiraf rakan kongsi

dalam pembentukan Malaysia iaitu Sabah, Sarawak dan Semenanjung sejajar dengan *Malaysia Agreement 1963* (MA63).

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak kerajaan kerana membawa usul ini. Walaupun ia gagal di peringkat undian, namun ia satu usaha yang cukup jelas. Kerajaan di bawah Pakatan Harapan amat mementingkan dan menjaga hak dan kepentingan rakyat Sabah dan Sarawak di masa akan datang.

Oleh itu, saya juga ingin memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa saya amat menyokong penuh cadangan pindaan ini. Bagi saya, pemimpin Sabah dan Sarawak masih mempunyai peluang untuk mengubah keadaan demi mengembalikan status kedua-dua negeri ini sebagai rakan kongsi sama rata dengan Semenanjung. Wakil rakyat Sabah dan Sarawak di Parlimen perlu berpendirian teguh dalam memperjuangkan mengembalikan hak kedua-dua negeri ini tanpa mengira fahaman dan blok politik kerana keputusan ini amat akan mempengaruhi masa depan negeri dan yang akan menerima akibat tentunya generasi akan datang.

Pada masa yang sama, pindaan ini juga harus dibuat lebih jelas dan terperinci agar mendapat sokongan semua pihak di masa akan datang.

Ada dua lagi, Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagi?

**Datuk John Ambrose:** Tidak. *Another one minute*. Saya ada dua yang saya baru tulis di mana saya nampak- ini *I think* satu pergi JKR iaitu *Kaiduan Dam* di mana dulu Menteri bilang ada peruntukan, sekarang bilang kena *postpone*, saya pun tidak tahu betul atau tidak.

Penampang juga perlu ada hospital kerana Penampang ini bukan jauh dari KK dan pesakit- tidak tahulah pesakit orang-orang di Sabah ini kebanyakan hantar pergi KK sampai penuh hospital itu. Jadi kalau boleh saya mencadangkan kita perlu ada hospital di Penampang kerana ia tidak jauh dari KK. Ada kelulusan untuk klinik tetapi kalau klinik, dia tidak ada doktor pakar atau tidak ada *bed for the sick*. Jadi, saya rasa hospital lebih baik.

Saya juga mahu bertanya tentang Tamu Donggongan di mana RM8.5 juta telah diluluskan oleh mantan Perdana Menteri pada lawatan beliau di Tamu Donggongan. Saya kira kalau boleh saya minta Menteri yang berkenaan ini akan teruskan projek ini kerana ini memberi manfaat kepada orang-orang bumiputera yang *business* di Tamu.

Dengan ini, saya menyokong Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose. Dijemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun. Dipersilakan.

**3.27 ptg.**

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Selamat petang.

Tuan Yang di-Pertua, berdirinya saya di sini adalah untuk membahaskan perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah. Hatta, ini merupakan pembukaan yang pertama bagi Tuanku selaku Yang di-Pertuan Agong selepas dilantik pada 31 Januari yang lalu.

Saya melihat jiwa dan naluri Tuanku tidak pernah jauh daripada rakyat jelata. Tuanku begitu peka dengan masalah-masalah rakyat serta tadbir urus negara. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga telah menitahkan agar kerajaan mendukung prinsip dan pendekatan Islam dan melalui pemahaman *rahmatan lil alamin* dan *maqasid syariah*. Melalui pendekatan ini, sudah pasti keharmonian antara kaum dan toleransi antara agama dapat disemai dengan jayanya.

Dari sudut pendidikan, Seri Paduka Baginda juga mengingatkan bahawa negara perlu meningkatkan usaha dalam menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan global melalui pemerksaan subjek sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik. Di saat kerajaan mempunyai ketaksuban dalam membina kereta terbang negara, jangan kita lupakan agenda pendidikan di peringkat awal kerana tanpa pendidikan dan ilmu pengetahuan, apa sahaja misi kerajaan dalam sektor pembinaan tidak akan tercapai.

Selain itu, Seri Paduka Baginda telah mengambil maklum berkenaan peningkatan kos sara hidup yang ditanggung oleh rakyat. Justeru, kerajaan perlu mengambil inisiatif-inisiatif pantas dan berkesan untuk menangani masalah ini serta berhenti menyalahkan kerajaan yang terdahulu. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *it is so easy to point fingers*.

**■1530**

Tuan Yang di-Pertua izinkan saya untuk meneruskan perbahasan ini dengan membawa isu-isu yang perlu diberikan perhatian oleh kerajaan jua.

Pertama, saya ingin menegur sikap kerajaan yang sering kali melakukan pusingan *U-turn* dalam polisi-polisi mereka. Saya memahami bahawa kerajaan senantiasanya berusaha untuk membawa polisi yang terbaik kepada rakyat. Seharusnya kerajaan menjalankan penelitian yang menyeluruh sebelum memutuskan sebarang keputusan. Akan tetapi, kerajaan hari ini dilihat tidak berfikiran jauh dan tidak realistik apabila menaburkan janji-janji kepada rakyat seperti sebelum ini. Bahkan pelbagai janji kelihatan tidak praktikal dan munasabah maka janji itu mudah dimungkir. Sebagai contoh, isu janji penghapusan PTPTN dan pengenalan SST yang akan mengurangkan harga barang.

Tuan Yang di-Pertua, bajet kerajaan hari ini berada pada keadaan yang begitu membimbangkan. Bajet tersebut dirangka mengikut unjuran harga minyak mentah dunia pada kadar USD70 satu tong. Sedangkan sepanjang tahun 2019 setakat ini, harga minyak dunia adalah seperti air laut yang sekejap pasang sekejap surut. Harga minyak berlegar pada kadar USD50 sehingga USD70 satu tong. Apabila harga minyak mentah dunia berada di bawah USD70 satu tong, ini akan menyebabkan kerajaan berada dalam keadaan defisit yang memerlukan kerajaan untuk berhutang bagi menampung perbelanjaan negara. Bahkan apabila situasi harga minyak jatuh, maka logiknya pendapatan negara dari hasil minyak pasti menurun.

Maka pelbagai cukai-cukai baharu terpaksa diperkenalkan. Mungkin jika sekiranya GST masih lagi wujud, implikasi akibat terlalu bergantung pada hasil minyak tidak akan terjadi. Tuan Yang di-Pertua, ketentuan ini telah menyebabkan pelabur-pelabur luar negara enggan memulakan ataupun meningkatkan pelaburan mereka di Malaysia. Imej kerajaan pada mata pelabur asing adalah amat menyedihkan. Ramai pelabur luar negara memandang kerajaan pada hari ini tiada kesepakatan dalam kalangan Jemaah Menteri, polisi fiskal yang berterabur dan tidak konsisten dan tahap ketaksuban yang tinggi, suka menyalahkan kerajaan lama. Ini adalah sebahagian daripada faktor bagi pelabur asing menilai Malaysia sebagai tempat yang tidak menarik dan tidak mampu menjamin pelaburan mereka.

Bahkan pelabur asing juga Tuan Yang di-Pertua, ingin melihat soal kestabilan politik apabila Malaysia akan mempunyai transisi kepemimpinan suatu hari nanti di antara Perdana Menteri yang sekarang kepada Perdana Menteri yang baharu. Kita juga ingin melihat sejauh mana komitmen bahawa kerajaan hari ini akan melakukan transaksi kepemimpinan itu dengan jelas kerana ini juga menyumbang kepada kestabilan ekonomi negara dan juga peningkatan imej dalam mata pelabur-pelabur asing. Hal ini amat jelas apabila kita melihat petikan-petikan media antarabangsa, Bursa Malaysia, KLCI Indeks menjunam sebanyak 14 peratus semenjak Mei 2018.

Sepanjang waktu pemerintahan Pakatan Harapan, portfolio pelaburan mengalami *outflow* sebanyak RM43.35 bilion bermula daripada suku kedua 2018. Trend ini tidak berhenti sekadar di situ malahan sejak Januari tahun 2019, Malaysia sudah pun mengalami *outflow* pasaran ekuiti sebanyak RM2.5 bilion. Malaysia kini diletakkan dalam *watchlist* oleh *The Financial Times Stock Exchange* (FTSE), *Russell watchlist* untuk dikeluarkan daripada *World Government Bond Index* (WGBI) kepada kelas satu daripada kelas dua. Hal ini berikutan keadaan ekonomi yang tidak menentu dan pelabur tidak lagi yakin dengan pasaran bon atau sukuk di Malaysia serta kelemahan lain seperti *flip-flop policy* dan *barriers to entry*.

Jika Malaysia dikeluarkan daripada indeks ini, Morgan Stanley menjangkakan aliran keluar sukuk boleh mencecah sehingga USD8 bilion. Kejatuhan ekonomi juga diukur melalui

penurunan nilai mata wang Ringgit Malaysia berbanding *US Dollar*. Sejak Januari yang lalu, trend nilai Ringgit Malaysia berada pada tahap lemah apabila dinilai serendah RM4.13 berbanding *US Dollar* hari ini. Nilainya merudum hampir setiap minggu tanpa menunjukkan tanda-tanda peningkatan.

Walaupun semalam Bank Dunia mengumumkan bahawa unjuran *projection* GDP Malaysia disasarkan pada 4.7 peratus, *indicator* ini sebenarnya tidak memberi gambaran kepada realiti sebenar masyarakat. Bahkan Tuan Yang di-Pertua, Tun Daim sendiri pernah mempersoalkan baru-baru ini apa gunanya mempunyai peningkatan GDP yang tinggi jika rakyat tidak merasai manfaatnya dan masih lagi susah. Rakyat kini mula menampakkan ketidakpuasan hati mereka apabila mula menghukum kerajaan seperti pada tiga pilihan raya kecil yang lalu.

Kita akui bahawa muafakat dan kerjasama antara Barisan Nasional dan PAS dalam blok pembangkang adalah faktor penyumbang tetapi banyak juga kajian yang telah dibuat membuktikan bahawa isu perut ekonomi rakyat merupakan penyumbang dan faktor utama rakyat menghukum kerajaan pada hari ini. Jika pemimpin Pakatan Harapan begitu mudah menyalahkan Barisan Nasional ketika seluruh Asia mengalami krisis, mengapa Pakatan Harapan tidak mampu mengukuhkan kedudukan Ringgit Malaysia apabila seluruh Asia Tenggara menikmati peningkatan nilai mata wang mereka.

Apabila media antarabangsa mengutarakan kebimbangan mereka mengenai kedudukan ekonomi negara, maka pemimpin Pakatan Harapan dengan pantas, cekap dan cepat membalas kritikan tersebut seperti cacing kepanasan. Kerajaan Pakatan Harapan dilihat begitu pakar dalam memberikan perubahan bersifat kosmetik. Jika saya ingin senaraikan antaranya adalah seperti Program PERMATA ditukar kepada Genius, BR1M ditukar kepada Bantuan Sara Hidup (BSH) dan RTC pula ditukar kepada Pusat Komuniti Desa.

Rakyat tidak semestinya memerlukan pembaharuan untuk menyelesaikan kekurangan. Sebaliknya, sekadar memperbaiki keadaan di mana ada kesilapan pada pentadbiran yang lalu. Jika, ingin meneruskan polisi BN sekalipun, ia tidak ada masalah jika ia baik untuk rakyat. Apa yang perlu hanyalah penambahbaikan dalam konteks implementasinya. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *this is the bare minimum that the government should do actually*.

Tuan Yang di-Pertua, golongan muda pada hari ini juga terbelenggu dengan masalah peluang pekerjaan. Kadar pengangguran dalam kalangan graduan telah meningkat daripada empat peratus kepada 4.3 peratus pada tahun ini sahaja. Seperti pokok yang tidak bergoyang tanpa angin, peningkatan kadar pengangguran tidak berlaku tanpa kecuaiannya kerajaan. Merurut dapatan kajian, sebenarnya tiada jaringan keselamatan sosial yang disediakan

kepada golongan belia yang berkesan seperti BR1M untuk orang muda suatu ketika dahulu. Nilai BSH kepada golongan bujang juga sangat kecil, tidak mencukupi berbanding dengan apa yang telah diberikan oleh kerajaan terdahulu.

SST pula kian menekan terutamanya graduan dan anak muda apabila hasil implementasi SST tidak seindah apa yang dicanangkan oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan Pakatan Harapan. Untuk mengingatkan Dewan yang mulia ini semula, Yang Berhormat Tuan Tony Pua Kiam Wee telah menyatakan di Dewan Rakyat pada September tahun lalu, bahawa SST mampu menurunkan harga barang. Malangnya penurunan harga barang hanya indah khabar dari rupa. Berikutan tiada jaringan keselamatan sosial seperti BR1M, graduan merasa terbeban untuk menjalani kehidupan seharian termasuk menanggung kos perjalanan ke tempat temu duga dan tempat kerja.

Apa pun, saya tetap memuji juga langkah kerajaan melalui pelancaran Kad Perjalanan My100 dan My50 untuk merangsang penggunaan pengangkutan awam oleh pengguna-pengguna di kawasan Lembah Klang. Rata-rata pengguna berkata program ini telah menjimatkan kos pengangkutan bulanan mereka. Walau bagaimanapun, saya ingin bertanya kepada kementerian yang berkaitan di manakah janji manifesto yang kerajaan yang akan menyediakan sebanyak satu juta peluang pekerjaan. Apa yang dapat dirasai oleh rakyat hanyalah gaji graduan yang pada hari ini tidak meningkat serta peluang pekerjaan yang semakin menguncup.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, saya ingin menyeru kerajaan supaya memandang serius akan gejala ekstremisme yang sedang dihadapi seantero dunia. Ekstremisme ataupun *terrorisme* wujud tanpa mengenal warna kulit ataupun anutan agama. Ingin saya membawa Dewan yang mulia ini menelusuri satu punca utama kepada permasalahan ekstremisme dan *terrorisme* ini.

#### ■1540

Golongan yang tertindas dalam aspek ekonomi akan merasa terpinggir daripada golongan yang berjaya. Rentetan daripada itu mereka akan menggunakan agama sebagai justifikasi kepada ketidakpuasan hati mereka. Semua agama menerapkan nilai kesederhanaan di dalam jiwa penganut mereka tanpa sebarang nilai-nilai radikal. Atas dasar ini juga rukun negara meletakkan kepercayaan kepada tuhan sebagai tiang utama asas kewarganegaraan. Maka saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian yang bertanggungjawab sejauh manakah keberkesanan usaha di radikalisme dan usaha menangani gejala ekstremisme di kalangan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia baharu Kerajaan Pakatan Harapan bertindak melepas tangan melalui polisi ekonomi mereka yang bersandarkan pasaran bebas semata-mata tanpa intervensi kerajaan dengan harapan ekonomi akan memperbetulkan kedudukan

mereka sendiri. Walau bagaimanapun, langkah ini membenarkan suatu peluang ataupun *window* kepada rakyat yang merasa hak mereka terhakis, ditindas dan tidak terbela. Ini akan menyebabkan ketidakpuasan hati golongan tersebut. Ketidakpuasan hati ini kemudiannya berkemungkinan boleh bercambah sehingga menjadi radikal.

Apabila ketidakseimbangan ekonomi di biar begitu sahaja, kebarangkalian kegiatan ekstremisme ataupun radikalisme akan meningkat di Malaysia. Ingin saya ingatkan ekstremisme boleh dicituskan oleh hanya satu petikan bom dan satu peluru senjata semata-mata. Jangan sesekali kita memandang enteng akan perkara ini. Jangan buat sekadar melepas batuk di tangga. Saya menyeru juga sahabat-sahabat Ahli Dewan Negara agar kita boleh sentiasa memantau usaha kerajaan dan agensi berkaitan dalam menangani permasalahan ini.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Senator, sedikit Senator.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Baik, silakan.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, mohon sedikit penjelasan. Saya terpanggil untuk mohon penjelasan daripada rakan saya, Senator kerana isu yang ditimbulkan ialah isu yang sangat penting iaitu isu yang berkaitan dengan macam mana akibat ekonomi boleh memberi implikasi kepada isu-isu yang sangat sensitif iaitu ekstremisme dan sebagainya. Oleh sebab itu saya mohon penjelasan bahawa di dalam merangka agenda ekonomi ini, di dalam masyarakat memang terdapat kelompok-kelompok yang memang perlu kita bantu secara langsung. Tidak semua yang kita maksudnya kata andaian ekonomi perkara tersebut akan turun ke bawah.

Jadi sebab itu saya rasa seperti yang saya dengar apa yang dibahaskan iaitu ketika di Dewan Rakyat oleh Yang Berhormat Port Dickson menggesa kerajaan juga melihat sektor-sektor terutama ramai ada golongan Cina miskin, nelayan di kampung, ada masyarakat India di estet, ada juga masyarakat Melayu yang memang rata-rata majoritinya Melayu. Jadi saya rasa saya senada dari segi itu iaitu dalam aspek tertentu kita perlu bantuan langsung daripada memberi andaian bahawa ekonomi pasaran dapat membetulkan kedudukan ekonomi.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi. Saya juga bersependapat dengan apa yang dibangkitkan oleh Senator. Apa yang sebenar saya maksudkan Tuan Yang di-Pertua, apabila berlaku satu-satu sama ada penindasan ataupun kehilangan kepentingan mana-mana kelompok, maka secara tidak langsung kelompok tersebut akan merasakan mereka itu semakin dicabar kedudukan mereka. Dalam hal ini saya tidak hanya merujuk kepada golongan bumiputera Melayu semata-mata.

Baru-baru ini ada kajian dibuat oleh sebuah badan penyelidik yang saya juga merupakan sebahagian daripadanya yang mana saya mendapat kritikan yang amat dahsyat

daripada pelbagai pengkritik akademik dan juga sosial. Saya membuat kajian Tuan Yang di-Pertua terhadap peluang dapat pekerjaan di sektor swasta. Saya punyai metodologi saya tersendiri walaupun metodologi tersebut dicabar oleh pelbagai pihak.

Akan tetapi saya yakin bahawa inilah hakikat sebenar di bawah sana iaitu mungkin ramai memikirkan sebenarnya orang Melayu yang paling tidak mempunyai peluang yang baik dalam mendapatkan pekerjaan di sektor swasta. Akan tetapi sebenarnya adalah masyarakat India. Apabila kita buat kajian dan perbandingan, dihantar permohonan lebih 3,500 permohonan dan telah didapati daripada dapatan *survey* dan *polling* tersebut pemohon-pemohon daripada kaum India sebenarnya yang cukup-cukup sukar untuk mendapat pekerjaan.

Jadi dalam hal ini, saya senada dengan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi. Ini bermakna kerajaan perlu memperkenalkan satu mekanisme dan dasar yang lebih holistik, lebih menyeluruh dan lebih adil iaitu kita mahu melihat kemakmuran itu dapat dirasai mengikut saya fikir keadilan yang sebaiknya bukan melihat dari segi semata-mata *ratio*. Walaupun bumiputera Melayu itu merupakan majoriti yang besar, tetapi kalau keperluannya lebih kepada kumpulan masyarakat India, maka satu dasar dan program yang lebih menyeluruh perlu diperkenalkan untuk mengatasi permasalahan yang telah saya bangkitkan tadi. Jadi dalam hal ini yang saya maksudkan apabila berlaku ketidakseimbangan itu bermakna akan ada kumpulan-kumpulan yang merasakan mereka itu tertekan, tertindas dan merasa kepentingan mereka itu hilang sebegitu sahaja. Maka mereka akan cuba, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *retaliate* bermakna bertindak balas kepada situasi tersebut.

Malaysia merupakan sebuah negara yang aman damai dan makmur yang didiami oleh rakyat berbilang kaum dan agama. Kita juga harus menyedari satu kegagalan polisi kerajaan sudah cukup untuk menghancurkan keamanan yang telah kita bina sejak sekian lama. Kita harus mengakui bahawa keamanan yang dimiliki Malaysia kian goyah dan diambang keruntuhan jika sesetengah golongan merasakan mereka dipinggirkan daripada kekayaan tanah air sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menegur perilaku pihak kerajaan yang telah melanggar peraturan pilihan raya semasa pilihan raya kecil yang dijalankan. Beberapa kawasan-kawasan baharu ini terpaksa menghadapi pilihan raya kecil berikutan kekosongan kerusi akibat pelbagai sebab. Malangnya, Kerajaan Pakatan Harapan dilihat sewenang-wenangnya menggunakan kuasa dan pengaruh yang ada pada mereka untuk memastikan kemenangan mereka. Perkara ini *menyebabkan level playing ground* tidak dapat diwujudkan dan kerajaan pemerintah mempunyai kelebihan secara tidak adil.

Saya faham mungkin kalau berlaku juga situasi sebegini suatu ketika dahulu. Akan tetapi tidak bermakna dalam Malaysia baharu ini Kerajaan Pakatan Harapan akan meneruskan sikap tidak baik yang telah dibuat oleh kerajaan terdahulu. Ini kerana saya fikir di bawah Malaysia baharu ini pelbagai *reform* dan pembaharuan yang telah dijanjikan oleh Kerajaan Pakatan Harapan maka inilah waktu masa dan ketika kita ketengahkan.

Ingin saya mengambil contoh semalam sahaja apabila Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu Yang Berhormat Lim Guan Eng menghebahkan jasa baik Kerajaan Persekutuan kepada Sandakan kononnya hasil usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Sebaliknya kedua-dua projek yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Lim Guan Eng iaitu projek naik taraf landasan Lapangan Terbang Sandakan dan Projek Tebatan Banjir Sungai Anip adalah sebahagian daripada Rancangan Malaysia Kesebelas yang telah dibentangkan pada tahun 2015 yang lalu. Peruntukan tambahan sebanyak RM80 juta.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Sedikit lagi. Hendak habis sudah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada bersama kita petang ini ialah mantan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara kita yang bijaksana dengan sahabat dia bernama Tan Sri.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Oh, Tan Sri. Kita alu-alukan kehadiran Tan Sri.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Mengalu-alukan ya. Jadi dia hendak tengok anak buah dia macam mana. Teruskan.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Begitu juga Tan Sri S. Nallakaruppan. Yang Berhormat Senator mantan sana.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** *Best friend, best friend.* Baik, peruntukan tambahan sebanyak RM80 juta untuk projek menaik taraf landasan Lapangan Terbang Sandakan juga telah dibuat pada tahun 2017 oleh Perdana Menteri ketika itu. Projek Tebatan Banjir Sungai Anip juga hanyalah penambahan daripada apa yang telah dirancang oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini.

Kerajaan Pakatan Harapan tanpa segan silu telah mengambil kredit di atas usaha kerajaan terdahulu. Situasi ini tidak ubah seperti peribahasa, "lembu punya susu sapi dapat nama." Saya menyeru kepada Kerajaan Pakatan Harapan supaya bersikap lebih *gentlemen* dalam pilihan-pilihan raya akan datang dan berani untuk berkata benar di hadapan rakyat. Jangan kerana ketaksuban untuk memenangi hati rakyat, mereka melupakan idealisme asal perjuangan mereka iaitu untuk memajukan dan memakmurkan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menamatkan perbahasan ini, izinkan saya untuk menyatakan satu keperluan untuk memenuhi kerukunan negara iaitu pertama, kesetiaan kepada raja.

Kedua, keluhuran perlembagaan. Sebagai seorang nasionalis dan demokrat, kita perlu mempertahankan Perlembagaan Persekutuan pada setiap masa. Tanpa perlu menyebut nama sesiapa, saya mendapati mutakhir ini terdapat beberapa Ahli Jemaah Menteri yang secara terbuka Tuan Yang di-Pertua, sama ada dalam ucapan ceramah, termasuk juga ungkapan dan kenyataan di media-media sosial mengkritik dan mempertikaikan keputusan dan pendirian Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja termasuk bertikam lidah dengan Raja-Raja Melayu mutakhir ini.

■1550

Saya tahu tadi di sebelah pagi Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin pun berbahas panjang lebar dalam hal ini. Maka, saya juga hendak mengulangi ataupun, dengan izin, saya hendak *echo* apa yang telah dibangkitkan. Kelihatan seolah-olah hormat dan setia kepada Raja-raja hanya di bibir sahaja. Sedangkan sewaktu pelantikan dan Majlis Angkat Sumpah Jemaah Menteri, mereka menyatakan sumpah taat setia di hadapan Yang di-Pertuan Agong jua.

Bahkan, Ahli-ahli Parlimen, termasuk Ahli-ahli Dewan Negara juga membahaskan usul menyokong Titah Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada setiap pembukaan Parlimen yang baharu. Saya berpendapat setiap pandangan dan tindakan Yang di-Pertuan Agong serta Majlis Raja-Raja tidak pernah sesekali menjangkau daripada apa yang telah termaktub dalam perlembagaan. Oleh sebab itu, saya tekankan bahawa prinsip kerukunan negara ini perlu difahami dan disemai dalam jiwa dan minda kita, apatah lagi sebagai seorang Ahli Jemaah Menteri.

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *Ministers and ministries of the day are officially referred to as His Majesty Government's*. Hanya kerana apabila keadaan tidak menyebelahi mereka, maka bapa-bapa dan ibu-ibu Yang Berhormat Menteri menjadi sangat angkuh dan sombong, lantas tidak menghormati dan terus mengkritik pandangan dan pendirian Raja-Raja. Tidak boleh sebenarnya ada sikap *double standard* dalam kalangan Menteri dan kerajaan apabila cita rasa dan kehendak mereka tidak kesampaian.

Raja-Raja Melayu adalah institusi yang memayungi perpaduan rakyat berbilang kaum, agama dan latar belakang di Malaysia. Maka, saya menyeru Tuan Yang di-Pertua, saya menyerulah kepada mana-mana Anggota Jemaah Menteri, letaklah jawatan kalau mereka tidak bersetuju ataupun tidak setia kepada Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja dan mendukung keluhuran perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan ini saya menyokong perbahasan menjunjung kasih Titah Diraja Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.

Saya berharap, Kerajaan Pakatan Harapan akan lebih mengambil berat dan mendengar rintihan rakyat jelata yang merupakan rakyat Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tanpa mengira latar belakang, warna kulit, kaum, kedudukan, harta dan agama. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun, anak muda yang berjiwa dinamik dan berpandangan jauh, terima kasih.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Nuridah bt Mohd Salleh, silakan.

### 3.53 ptg.

**Puan Nuridah bt Mohd Salleh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya juga mengucapkan tahniah dan menjunjung kasih kepada Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di atas pelantikan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-16 dan mendoakan agar Allah SWT merahmati dan memudahkan urusan pentadbiran Baginda ini. Seperti firman Allah SWT kepada kaum Saba' di dalam Surah Saba' ayat yang ke-15... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Bermaksud, makanlah oleh mu dari rezeki yang dianugerahkan Tuhan mu dan bersyukurlah kamu kepada-Nya. Negeri mu adalah negeri yang baik dan Tuhan mu adalah Tuhan yang Maha Pengampun.

Tuan Yang di-Pertua, sudah terlalu banyak isu yang telah disentuh oleh rakan-rakan Yang Berhormat Senator dalam sidang yang bermula pada hari Isnin baru-baru ini. Oleh itu, untuk giliran saya ini, beberapa perkara berikut ingin saya tekankan. Pertama, reformasi Dewan Negara. Saya secara prinsipnya menyokong reformasi yang dibawa oleh rakan-rakan Dewan Negara dan Jawatankuasa Reformasi Dewan Negara.

Hal ini termasuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 yang telah dimansuhkan pada tahun 1992. Saya menyeru agar pihak kerajaan dapat memberi perhatian dan tumpuan kepada reformasi Dewan Negara yang sepatutnya bukan lagi menjadi *rubber stamp* tetapi menjadi badan proaktif, berdikari dan *inclusive* dalam menyelesaikan permasalahan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kedua berkenaan penghinaan kepada agama dan institusi Raja. Mengenai isu yang berlaku dengan sangat menjolok mata, terutama disiarkan melalui laman-laman sosial, ia perlulah diberikan perhatian serius oleh pihak kerajaan.

Saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan agar diwujudkan satu kelas perlembagaan yang mandatori di sekolah menengah di semua jenis sekolah, termasuk sekolah persendirian. Selain itu, pengajian Sejarah mesti ditambah baik kurikulumnya. Hari

ini, seolah-olah tiada sebab atau nilai untuk belajar Sejarah. Biasanya apabila disebut Sejarah, terkenal apabila baca sahaja tidur atau menjadi kelas *story telling*.

Justeru, pengajian subjek Sejarah mesti diusahakan agar objektifnya mempunyai nilai bagi mencapai tujuan untuk meninggikan Islam sebagai agama Persekutuan, menghormati institusi Raja dan menjaga perpaduan negara bagi seluruh rakyat amnya. Kerajaan mesti jujur dengan sejarah pembentukan Malaysia dan undang-undang. Paling penting, apakah tindakan kerajaan untuk memperkasakan ilmu dan kemahiran guru-guru?

Hal ini kerana, mereka yang berperanan untuk menjadikan subjek Sejarah ini diminati, difahami dan akhirnya mampu menyatukan anak bangsa. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu yang ketiga ialah isu Tabung Haji. Secara ringkasnya, kekecohan isu Tabung Haji ini sebenarnya mendatangkan rasa yang sangat tidak selesa kepada pendeposit. Saya ingin bertanya kerajaan, gembira kah dengan suasana ini? Apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan *solidarity* umat Islam untuk terus yakin dengan Tabung Haji?

Seterusnya yang keempat, isu pencerobohan nelayan Vietnam di Terengganu. Dalam isu ini, nelayan asing Vietnam tradisinya masuk perairan negara dan melanggar peraturan yang ditetapkan. Kehadiran mereka bakal memusnahkan masa depan nelayan dan sumber laut untuk generasi kita di masa depan. Untuk pengetahuan semua, sumber perikanan negeri sudah sampai tahap amaran warna merah kritikal. Sebelum tahun 2019, semua nelayan Vietnam telah dibatalkan lesennya kerana sikap mereka yang melanggar peraturan.

Namun tahun ini, kerajaan telah kembali memberi lesen kepada sejumlah 100 buah bot pukat tunda Vietnam atas alasan tanpa mereka, sumber ikan di pasaran akan berkurangan dan akan menaikkan harga ikan. Sedangkan sebenarnya nelayan Vietnam ini tidak menjual di Malaysia tetapi mereka menjual ikan di tengah laut kepada bot haram dari negara mereka untuk pasaran luar. Mereka juga akan pulang ke Vietnam untuk menjual hasil tangkapan mereka. Semua usaha kerajaan negeri membangunkan industri perikanan sia-sia kerana pencerobohan ini.

Oleh kerana itulah, tidak hairan nelayan Terengganu membuat demonstrasi anti pencerobohan nelayan Vietnam. Saya mewakili Terengganu, meminta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk membatalkan semua lesen nelayan 'Ali Baba' ini dan meminta agar kerajaan menyegerakan untuk Akta Perikanan 1985 diganti dengan akta baharu.

#### ■1600

Saya minta diwujudkan penyelarasan dalam tindakan dengan mewujudkan *task force* bagi menyatukan semua pihak berwajib yang terlibat dalam penguatkuasaan undang-undang di laut seperti Tentera Laut Diraja Malaysia, Jabatan Laut, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, perikanan dan polis marin. Kita tidak mahu hanya Agensi Penguatkuasaan Maritim

menjadi kambing hitam setiap kali isu pencerobohan nelayan asing timbul. Yang bagi lesen jabatan lain, yang menjadi mangsa adalah APMM.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, isu pembangunan insan. Ada beberapa perkara yang ingin saya bangkitkan dalam isu kehamilan remaja luar nikah. Saya menegaskan peri pentingnya sistem pencegahan awal, bukan sekadar menguruskan remaja yang sudah terlanjur. Apakah perancangan kerajaan untuk mengurangkan jumlah remaja hamil luar nikah ini?

Seterusnya kita berhadapan dengan isu untuk sihat, golongan B40 perlu berbelanja mahal. Apakah langkah kerajaan dalam memastikan harga produk makanan sihat seperti yang disenaraikan oleh Kementerian Kesihatan mampu dibeli oleh rakyat B40? Apakah kerajaan berhasrat untuk mengawal selia harga barang, produk, gerai dan restoran serta memudahkan akses untuk lebih banyak makanan sihat dijual berbanding makanan tinggi karbohidrat dan rendah nutrisi?

Seterusnya, saya ingin mempersoalkan polisi kerajaan yang dikatakan tidak membenarkan sekolah-sekolah rendah dijadikan sebagai pusat pengajian KAFA. Misalnya di Pandan, satu sekolah agama tujuh buah sekolah rendah, sekolah KAFA di sebelah petang tidak dibenarkan untuk dibuat. Justeru, apakah inisiatif kerajaan dalam memastikan pembelajaran agama yang amat penting bagi pelajar sekolah rendah dapat dinikmati oleh segenap masyarakat?

Keenam, isu murid berkeperluan khas (MBK) dan Orang Kelainan Upaya. Berkenaan isu ini, saya mendapat maklumat hanya ada dua hospital sahaja yang menyediakan pemulihan bersepadu iaitu Hospital Rehabilitasi Cheras dan Pusat Rehabilitasi PERKESO. Manakala pada masa ini, bilangan pusat khidmat sokongan untuk bidang pendidikan khas atau Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas sangat terhad dalam memenuhi keperluan pembangunan murid berkeperluan khas. Kita ada isu kekurangan kepakaran.

Oleh itu, soalan saya, apakah perancangan kerajaan dalam memastikan graduan bahagian jurupulih cara kerja yang dikeluarkan oleh universiti tempatan seperti UiTM dan USM supaya mendapat perjawatan yang selayaknya? Ini kerana perjawatan tidak diwujudkan sedangkan pada masa yang sama perkhidmatan mereka sangat diperlukan.

Kedua, saya mencadangkan supaya diwujudkan Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas di setiap daerah bagi membantu masyarakat yang mempunyai murid yang berkeperluan khas, 13 Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas sedia ada dinaikkan taraf menjadi pusat perkhidmatan yang lengkap- *one-stop center*, dikenali sebagai Pusat Perkhidmatan Pakar Perubatan dan Pembangunan Pendidikan Khas yang mempunyai tenaga kepakaran daripada pelbagai bidang.

Seterusnya, dalam isu pemerksaan Orang Kelainan Upaya, saya ingin bertanya apakah langkah proaktif kerajaan dalam memperksa Majlis Kebangsaan Orang Kelainan Upaya dan Jabatan Pembangunan OKU bagi memastikan fungsi pewartaan Akta OKU 2008 terlaksana?

Seterusnya, yang ketujuh, isu pembangunan bandar. Dalam isu pembangunan semula Kampung Baru Kuala Lumpur, saya menyokong kampung ini perlu dibangunkan dengan identiti kemelayuan. Asasnya kita tidak mahu waris peneroka dan pemilik yang sudah lama menetap di situ terpaksa keluar daripada arus pembangunan Kampung Baru. Kita tidak mahu orang Melayu asalnya menebas hutan belukar, membuka penempatan tetapi akhirnya apabila pembangunan dilaksanakan, orang lain yang menikmati tanah bernilai itu.

Sejarah telah menunjukkan Kuala Lumpur telah hilang beberapa buah kampung besar orang Melayu atas nama pembangunan. Kerajaan perlu berhati-hati terutama tanah-tanah yang melibatkan pewarisan yang ramai termasuklah ada yang telah meninggal dunia. Dapatkanlah pandangan bijak pandai dalam bidang pewarisan ini seperti para mufti. Saya minta kerajaan mengambil masa secukupnya untuk memastikan perancangan menjadi perancangan yang disepakati dengan penduduk dan semangat Kampung Baru yang penuh bersejarah ini.

Seterusnya apabila kita sudah mula menempatkan rakyat di *flat-flat*, kita ada masalah yang sukar diukur iaitu perpaduan masyarakat di kediaman *flat*. Saya menerima aduan integrasi antara kaum Cina dan India kurang di kawasan sebegini. Dahulu sebelum kita tinggal di *flat*, kita duduk dalam suasana kampung yang aman damai, tiada pencemaran macam di bandar dan integrasi kaum itu erat. Jadi mungkin kah Kementerian Perumahan boleh mempertimbangkan untuk merangka...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sekejap ya, maaf ya.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Nuridah binti Mohd Salleh:** Saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua. Mungkin kah Kementerian Perumahan boleh mempertimbangkan untuk merangka pelan masyarakat sejahtera khasnya di penempatan bangunan *high rise*. Selain itu, apakah kerajaan akan mewujudkan *one stop center* bagi memberi peluang kepada anak-anak penduduk untuk belajar kemahiran efektif dan psikomotor? Saya juga meminta penjelasan tentang lapan ke sembilan orang penduduk *flat* Setapak Jaya yang diminta keluar dalam *short notice*.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, yang ketujuh, kempen produk *halalan toyyiba*. Saya ingin mendapatkan pandangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan

Kepenggunaan tentang kempen produk *halalan toyyiba*. Kempen ini penting kepada pasaran rakyat Malaysia. Kita mahu mengkayakan produk tempatan dan memudahkan akses produk *halalan toyyiba*.

Kempen ini sudah pun didahului oleh Gerakan Pembela Ummah bersama Persatuan Pengguna Islam Malaysia yang dirasmikan oleh Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan pada 2 April yang lalu dan mendapat sambutan yang begitu menggalakkan. Kempen ini tentunya akan turut didukung oleh kaum wanita yang merupakan pemilik kuasa pembeli yang tinggi dan akhirnya membantu kepesatan pembangunan industri pemakanan ini. Selain itu, ianya boleh menjadi identiti unik dalam mempromosi sektor pelancongan Malaysia.

Sebagai penutup, saya dengan ini menyeru kepada semua Ahli Dewan Negara dan seluruh rakyat Malaysia untuk mengikuti dan menguar-uarkan kempen membeli produk *halalan toyyiba* ini kepada semua rakyat Malaysia. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Usul Menjunjung Kasih.

*Rendah sungguh sarang tempua;  
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.*

Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa.

■1610

4.10 ptg.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. *Alhamdulillah. Wassalatu wassalamu ala Rasulillah wa'ala aalihiwaáshabihi ajma'in.*

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Istiadat Pembukaan Penggal Kedua, Parlimen Keempat Belas, pada 11 Mac yang lalu.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi junjung kasih dan tahniah di atas pelantikan Baginda Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah selaku Yang di-Pertuan Agong XVI. Saya doakan semoga pemerintahan Baginda direstui, diberkati, diberi hidayah dan taufik oleh Allah Yang Maha Agung bagi merealisasikan pemerintahan yang adil sebagaimana yang diikrarkan oleh Baginda.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi junjung kasih dan penghargaan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V sepanjang pemerintahan Baginda sebagai Yang

di-Pertuan Agong XV. Saya doakan semoga Baginda sentiasa berada di bawah naungan rahmat dan perlindungan Allah. *Amin, amin, Ya Rabbal 'alamin.*

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi junjung kasih dan tahniah di atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang penuh hikmah dan kebijaksanaan yang memberi panduan kepada pimpinan kerajaan dan rakyat. Sekali gus menjadi pokok dan sumber utama pada pencambahan pemikiran kepada Ahli-ahli Dewan Negara ini dalam menyampaikan pandangan dan cadangan dalam rangka membina negara dan kesejahteraan rakyat.

Allah berfirman... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Maksudnya, wahai orang-orang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul dan pemerintah kamu. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pemerintah kita yang wajib ditaati selepas Allah dan Rasul.

Apa yang dititahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong suatu yang wajib ditaati dan dipatuhi dengan melaksanakan apa yang dititahkan dan diperintahkan itu melalui kerajaan dan agensi-agensi di bawahnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sejauh manakah apa yang disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini diambil tindakan sepenuhnya oleh pihak kerajaan? Oleh kerana, saya nampak banyak perkara yang diulang-ulang beberapa kali di dalam Dewan ini seolah-olah ia tidak diambil tindakan ataupun tidak dipedulikan.

Saya harap semoga apa yang disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini tidak disia-siakan atau dibazirkan begitu sahaja dengan tidak diambil apa-apa tindakan yang sewajarnya. Ini kerana apa yang kita bincang di Dewan ini adalah sangat-sangat berharga. Jika ianya dibazirkan ia merupakan suatu yang merugikan negara dengan mensia-siakan pandangan-pandangan yang sangat bernas yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dunia pernah digemparkan dengan tindakan Ahmed Salman Rushdie yang menghasilkan novel yang bertajuk *The Satanic Verses*. Di mana ia mengundang kemarahan umat Islam di seluruh dunia. Malahan Ayatollah Ruhollah Musavi Khomeini dari Iran mengeluarkan fatwa halal darah dan hukuman bunuh ke atas penulis novel itu.

Satu lagi peristiwa menghina Nabi ialah kartun yang diterbitkan oleh sebuah majalah di Perancis pada tahun 2015 yang menjadi punca 12 orang terbunuh di Perancis. Antara yang terbunuh ialah empat pelukis kartun Perancis yang selalu menghina Islam dan Nabi Muhammad SAW termasuk ketua pengarangnya. Banyak lagi contoh yang lain yang mencetuskan huru-hara yang besar akibat daripada tindakan-tindakan menghina Nabi Muhammad SAW.

Apakah perkara yang seperti ini dibenarkan berlaku di negara kita? Semua pihak perlu mengambil iktibar dari apa yang berlaku di negara luar. Oleh itu beberapa individu yang menghina Nabi dan Islam di negara ini perlu dibendung dan diambil tindakan yang tegas dengan segera sebelum penyakit ini membawa padah dan menjadi parah serta menempah bala dari Allah SWT sebagai hukumannya. *Nauzubillah minzalik*.

Menghina Islam dan Nabi Muhammad SAW bererti menghina Allah, Tuhan dan pencipta manusia itu sendiri- Tuhan kepada seluruh alam kerana Islam adalah agama Allah dan Nabi Muhammad SAW pesuruh dan utusannya kepada manusia di dunia ini tanpa mengira bangsa dan agama.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ketua negara dan ketua agama Islam yang menjadi agama rasmi kepada negara ini. Sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Negara. Menghina Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bererti menghina institusi Raja yang menjadi tunggak kedaulatan negara. Sekali gus menghina ketua agama dan mencabar Perlembagaan Persekutuan. Ini suatu jenayah besar yang mengancam keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat berbilang kaum dan agama yang sudah lama menikmati perpaduan di sebuah negara yang bermasyarakat majmuk ini.

Semua Ahli Dewan Negara yang mulia ini bersetuju mencadangkan pada kerajaan agar diambil suatu tindakan yang tegas tanpa kompromi dalam isu menghina Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana ini adalah bibit-bibit yang boleh menghancurkan perpaduan rakyat berbilang kaum dan agama sekali gus boleh memusnahkan negara. Jika undang-undang yang sedia ada tidak cukup untuk membendung dan mengawal gejala ini, maka pindaan undang-undang mengenai masalah ini mesti dilakukan dengan segera.

Walau bagaimanapun, sesuatu penyakit itu sama dengan penyakit-penyakit yang lain. Ia tidak berlaku tanpa sebab dan ia mempunyai punca tersendiri. Oleh hal yang demikian, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya mengkaji dari akar umbi kenapa penyakit ini atau penyakit menghina Islam dan menghina Raja-Raja Melayu ini berlaku supaya penyakit ini dapat diubati dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, ramai pakar ekonomi Malaysia meramalkan negara kita akan menghadapi masalah ekonomi yang berat pada tahun-tahun yang akan datang. Lantaran itu mereka mencadangkan agar kerajaan bersiap sedia untuk menghadapinya. Walau bagaimanapun mereka tidak menjelaskan dengan detil apakah masalah atau bencana ekonomi yang dimaksudkan itu. Saya ingin bertanya, apakah persiapan kerajaan dalam menghadapinya dan apakah pelan tindakan segera yang diambil untuk menghadapi apa yang disebut oleh pakar-pakar ekonomi itu?

Tuan Yang di-Pertua, isu bayaran royalti minyak negeri Kelantan masih lagi menjadi tanda tanya dan suatu yang ditunggu-tunggu sampai ke hari ini. Penantian suatu penyeksaan

tetapi apa kan daya apa yang ditunggu-tunggu selama ini masih lagi tidak menentu. Berdekad-dekad lamanya kerajaan dan negeri Kelantan terseksa dan teraniaya serta ternafi haknya akibat dari sikap dan tindakan rejim yang tidak berbelas kasihan terhadap anak bangsanya sendiri dan membiarkan haknya dinafikan sebegitu lama.

#### ■1620

Walau bagaimanapun, kerajaan dan rakyat negeri Kelantan tetap bersabar kerana yakin dengan janji Allah... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Maksudnya, sesungguhnya Allah tetap akan menolong orang-orang yang bersabar, dan sentiasa berharap kepada janji rasmi di antara Kerajaan Negeri Kelantan dan Petronas yang tidak pernah terbatal atau dibatalkan oleh kedua-dua belah pihak.

Semua orang Islam tahu menurut ajaran Islam berjanji dalam apa hal sekalipun adalah harus. Menunaikan janji adalah wajib, memungkirkan janji atau mengkhianati janji adalah suatu kesalahan yang besar yang tidak berakhir di dunia ini sahaja malah ianya akan berlanjutan sampai ke akhirat nanti. Walau bagaimanapun, rakyat dan Kerajaan Negeri Kelantan telah berasa lega dan gembira apabila kerajaan baru Pakatan Harapan telah menyatakan bersedia untuk membayar royalti minyak negeri Kelantan.

Menurut kenyataan terbaru Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali semasa menghadiri program di Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Kota Bharu sebagaimana yang dilaporkan oleh *Sinar Harian*, Jumaat 8 Mac yang lalu. Katanya, "Kerajaan Persekutuan telah membayar sebahagian daripadanya yang daripada royalti minyak itu. Namun disebabkan wujud pertikaian isu dalam mahkamah, maka ia perlu diselesaikan terlebih dahulu". Katanya lagi, "Kita telah tunaikan janji kita iaitu bayar terus kepada kerajaan negeri dan Negeri Terengganu pada tahun 2018 dapat sepenuhnya tetapi Kelantan baru sebahagiannya. Namun melalui perbincangan saya dengan Menteri Besar Kelantan, Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Yakob, kerajaan negeri akan meneruskan prosiding tarik balik saman terhadap Kerajaan Pusat atau Petronas, April ini selesai pertikaian, kita akan lunaskan".

Satu soalan besar yang timbul dari kenyataan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali tadi ialah katanya, "Terengganu tahun 2018 sudah dapat sepenuhnya royalti minyak, Kelantan baru bayar sebahagiannya". Soalnya, bilakah masanya royalti minyak Negeri Kelantan ini telah dibayar sebahagiannya? Berapakah jumlah sebahagiannya yang dimaksudkan itu? Berapakah jumlah keseluruhannya? Kepada siapakah dibayar sebahagian royalti yang dimaksudkan itu? Saya mohon penjelasan dan pencerahan dari pihak Kerajaan Pusat mengenai hal ini.

Setahu saya Kerajaan Kelantan tidak pernah menerima sebarang bayaran royalti minyak Negeri Kelantan. Saya juga ingin memohon penjelasan yang sebenar dan ikhlas dari

Kerajaan Pusat, berapakah jumlah keseluruhan royalti minyak yang berhak Negeri Kelantan memperolehnya. Saya yakin kerajaan dan rakyat Negeri Kelantan berhak bertanya dan mendapat maklumat yang telus dan tulus mengenai hal ini. Saya juga berharap pihak Kerajaan Pusat tidak keberatan untuk memberitahu hal ini kepada kerajaan negeri dan rakyat Negeri Kelantan demi untuk mengubati duka dan luka yang begitu lama ditanggung derita dan seksanya.

Menurut kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar Kelantan, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Amar bin Muhammad Abdullah, sebagaimana yang disiarkan oleh *Sinar Harian*, Khamis, 1 November 2018 katanya, "Berdasarkan maklumat yang di kumpul sepatutnya kita yakni negeri Kelantan sudah terima lebih daripada RM4 bilion". Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, apa kata Kerajaan Pusat dengan angka yang dinyatakan ini? Adakah ianya suatu yang benar atau sebaliknya. Kalau kenyataan Yang Amat Berhormat itu tidak benar atau tidak tepat, jadi bagaimana yang benar dan tepatnya?

Saya juga ingin bertanya bagi pihak kerajaan dan rakyat negeri Kelantan bagaimana dengan nasib gas negeri Kelantan yang sepatutnya didaratkan di negeri Kelantan tetapi didaratkan di Thailand. Adakah isu gas ini berbeza dengan isu royalti minyak? Adakah Kerajaan Negeri Kelantan tidak berhak terhadap royalti gas ini? Saya juga ingin tahu berapakah jumlah pendapatan dari hasil gas ini di negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, bersama kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, Menteri Hal Ehwal Ekonomi di atas pelantikannya sebagai Pengerusi Majlis Tindakan Negeri (MTNg) Kelantan. Saya ingat tahu status dan fungsi Majlis Tindakan Negeri Kelantan ini.

Adakah ianya sama dengan fungsi Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) sebelum ini? Siapakah yang dilantik menjadi Ahli Majlis ini? Berapakah jumlah ahlinya? Serta, berapa orang dari Ahli Majlis ini yang diwakili Kerajaan Negeri Kelantan? Saya juga ingin tahu bagaimana dengan nasib dan kesudahan Jabatan Pembangunan Persekutuan sebelum ini? Bagaimana dengan nasib kakitangannya?

Menurut Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan, pelantikan Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali selaku Pengerusi Majlis Tindakan Negeri Kelantan adalah tepat dan Kerajaan Negeri Kelantan akan memberikan kerjasama sebaik mungkin dalam pelaksanaan semua projek pembangunan negeri serta negara demi kepentingan rakyat. Kita juga menyatakan sokongan penuh atas keputusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohamad bahawa tidak ada lagi lantikan politik dalam Majlis Tindakan Negeri Kelantan. Buat pertama kali struktur majlis itu dirombak melibatkan pegawai kerajaan negeri dan Persekutuan sahaja.

Kerajaan dan rakyat Negeri Kelantan juga mengucapkan kesyukuran yang tidak terhingga kepada Allah dan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Kerajaan Pusat di atas peruntukan RM1.4 bilion dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) bagi pembangunan negeri Kelantan iaitu peningkatan RM200 juta berbanding sebelum ini. Peruntukan ini akan digunakan dalam lima projek utama.

Pertama, Lebuhraya Pantai Timur Fasa 3 (LPT3). Kedua, projek naik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pangkalan Chepa. Ketiga, pembinaan Jambatan Palembang, Kampung Cina. Keempat jalan raya yang menghubungkan Pasir Puteh, Machang dan Jeli. Kelima, Lebuhraya *Central Spine Road* sepanjang 123 kilometer.

Walau bagaimanapun, keperluan yang paling mendesak dan perlu disegerakan ialah pembinaan lebuhraya yang menghubungkan Kota Baharu-Kuala Lumpur dan jalan raya yang menghubungkan Pasir Puteh, Machang dan Jeli untuk mengatasi masalah kesesakan yang dahsyat terutama di musim cuti utama dan hari raya di sepanjang tahun. Mungkin juga jalan-jalan persekutuan perlu diperluaskan.

Projek pembesaran dan menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra sebagai lapangan terbang serantau yang membabitkan kos RM450 juta dijangka siap dalam tempoh tiga tahun adalah sangat dialu-alukan kerana projek ini bukan sahaja mampu menarik para pelabur malah boleh menampung kehadiran empat juta penumpang berbanding dengan 1.5 juta sebelum ini. Projek ini sudah lama tertangguh dan yang terakhir tertangguh adalah kerana pertukaran kerajaan dan dasar kerajaan baru.

Persoalan yang timbul di kalangan rakyat ialah kenapa status dan taraf lapangan terbang ini tidak dinaikkan tarafnya sebagai lapangan terbang antarabangsa seperti negeri-negeri yang lain...

■1630

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Haji, boleh rumuskan.

**Tuan Haji Muhamad bin Mustafa:** Apakah rahsia dan sebab lapangan terbang ini tidak dinaikkan tarafnya? Apakah kelemahan dan kekurangan yang menyebabkan lapangan terbang tidak boleh di naik taraf ke lapangan terbang antarabangsa? Jika alasan yang menghalang taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra ini ialah keluasan tanah dan tapak tanah lapangan terbang yang sedia ada tidak cukup luasnya untuk dinaikkan taraf ke lapangan terbang antarabangsa. Itu tidak jadi masalah sebab Kerajaan Negeri Kelantan telah menyediakan tanah secukupnya untuk lapangan terbang antarabangsa di Machang, terpulanglah kepada Kerajaan Pusat untuk membuat pertimbangannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Haji Muhamad bin Mustafa:** Akhir sekali saya mohon menyokong Titah Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong dengan doa semoga Baginda memperoleh keredaan Allah di

dalam pemerintahannya. *Wallahualam. Wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif.

#### **4.31 ptg.**

**Puan Sopiah binti Sharif:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, salam Negaraku Malaysia. Sebelum saya memulakan ucapan, izinkan saya untuk melahirkan penghargaan junjung kasih Seri Paduka Baginda di atas pelantikan beliau sebagai Yang di-Pertuan Agong yang baharu. Patik berharap bahawa Tuanku, Malaysia akan terus makmur dan sejahtera dengan pembangunan yang pesat, rakyat sentiasa harmoni.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersyukur kerana hampir setahun pilihan raya di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baharu, negara Malaysia lagi aman dan menikmati segala curahan ekonomi negara. Di setiap negara tidak kira bangsa, kulit, bahasa malah kefahaman politik, semuanya menikmati limpahan ekonomi. Baginda juga melahirkan kagumnya kepada barisan Kabinet yang berusaha mengekalkan paras ekonomi mampan walau dihipit dengan jatuhnya nilai mata wang negara. Apa yang berlaku kepada rakyat juga menjadi perhatian di bawah Tuanku.

Baginda sedar peningkatan kos sara hidup merupakan antara cabaran dalam meningkatkan taraf hidup rakyat. Saya yakin pelbagai langkah telah diambil oleh kerajaan untuk meningkat dan menampung kos sara hidup yang tinggi. Saya rasa- maka saya seru kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat untuk kita sama-sama berganding bahu dengan memberi idea, kritikan, cadangan yang membina kerajaan supaya memainkan peranan dalam menjaga kepentingan rakyat. Dalam Titah Diraja baru-baru ini, Baginda juga turut melahirkan rasa kagum beliau dengan pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan. Ini menandakan bahawa semua harus berganding bahu sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan barisan Kabinet dalam melangkah ke arah sebuah negara yang maju.

Tuan Yang di-Pertua, pertama-tamanya saya ingin menyentuh hala tuju kerajaan itu sendiri. Kita sekarang di ambang tahun 2020. Ia tinggal beberapa bulan sahaja, kita akan menduduki tahun 2020. Pada hari ini saya melihat rakyat mendesak kerajaan untuk membenteng dasar dan pelan yang menyeluruh berkenaan hala tuju negara jangka masa panjang selepas tamatnya Wawasan 2020. Kerajaan perlu memberi penjelasan kepada kebimbangan rakyat serta membuka ruang perbincangan di samping mendapat input daripada rakyat berkenaan, apakah kerajaan merangkumi seluruh lapisan masyarakat, pelbagai umur menyentuh kesinambungan ekonomi dan kesejahteraan rakyat jangka masa

panjang. Kegusaran rakyat adalah apa yang akan berlaku kepada 30 tahun akan datang. Rakyat digesa mengenai cabaran taraf hidup yang semakin kompleks di samping keadaan sosioekonomi dan keselamatan yang tidak menentu menyebabkan kegagalan kesinambungan kemajuan dan kesejahteraan rakyat terbantut.

Soalan pertama saya kepada kerajaan, apakah hala tuju negara yang dirangka oleh kerajaan? Hala tuju ini merangkumi aspek ekonomi, dasar luar bandar, negara dan langkah-langkah diambil untuk kerajaan dalam menjamin kebajikan rakyat terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Kementerian Belia dan Sukan. Pembangunan golongan belia di negara kita amat penting kerana ia meliputi semua golongan masyarakat dan kaum di negara ini. Kerajaan perlu mempunyai perancangan, dasar yang jelas seperti yang dilaksanakan kerajaan terdahulu, Transformasi Nasional 2050 yang menggariskan enam teras tumpuan pembangunan belia masa hadapan yang dinamik dan berwawasan.

Kini, saya melihat anak muda dibelenggu kerisauan berkenaan pembangunan belia, dasar pembangunan sukan yang tidak jelas sehingga memberi kesan terhadap kemajuan serta penambahbaikan organisasi belia dan sukan secara keseluruhan. Maka dengan itu saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah yang dirancang oleh kementerian dalam aspek pembangunan belia. Saya melihat kementerian telah melakukan pelbagai penjenamaan semula program yang dahulunya, cetus idea kerajaan lama. Bagi saya, tiada masalah cuma sekarang yang penting aspek pembangunan belia harus diutamakan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin beralih kepada Kementerian Pendidikan. Saya ingin meminta kementerian ini memaklumkan kepada dewan mengenai laporan pembangunan kewangan, perkembangan laporan pembangunan dan prestasi terkini Jawatankuasa Pemerksaan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional iaitu TVET. Fungsi dan peranan penubuhan Jawatankuasa semenjak dilaksanakan pada 20 Jun 2018 dilihat belum memberi gambaran jelas mengenai pelan perkembangan yang strategik, pencapaian yang amat penting untuk diketahui oleh rakyat khususnya anak muda.

Pelbagai aspek meliputi pelajaran, komunikasi industri, penyediaan TVET awam dan swasta. Mereka ini terlibat secara langsung dalam kemahiran. Kerajaan harus memberi perhatian terhadap perkara ini. Ia melibatkan pendidikan di mana anak-anak muda yang inginkan jaminan kerajaan, memastikan mereka berjaya di dalam bidang kemahiran. Maka dengan itu saya ingin bertanya apakah hala tuju pelan perkembangan serta perancangan masa depan mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berhubung dengan keadaan negeri saya, iaitu berkaitan dengan Projek Terowong Dasar Laut Pulau Pinang. Isu ini telah menimbulkan pelbagai pandangan dan spekulasi mengenai projek mega ini.

## ■1640

Walaupun projek ini di bawah kerajaan negeri, tetapi saya pasti Kerajaan Persekutuan harus memainkan peranan dalam memastikan kebajikan semua pihak terpelihara.

Dari isu itu, saya ingin bertanya kepada Kementerian Dalam Negeri. Ini kerana semua laporan polis telah dibuat mengenai laporan mengatakan berlakunya fitnah dalam berita yang menyentuh seorang Menteri Kabinet. Laporan polis tersebut bukannya dibuat oleh individu tetapi oleh pihak SPRM. Saya ingin tahu, apakah status terkini siasatan tersebut di atas Kertas Siasatan yang dibuka?

Seterusnya, saya ingin bertanya mengenai kesan kepada alam sekitar mengenai projek ini. Apakah kerajaan meneliti mengenai kesan alam sekitar dan pencemaran yang mungkin berlaku hasil daripada projek ini? Saya tidak mahu melihat satu lagi malapetaka alam sekitar berlaku terutamanya di *Penang*. Soalan saya, berapa banyak agensi Persekutuan yang dikerahkan di dalam meneliti kesan alam sekitar daripada projek dasar laut ini?

Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya saya ingin menyentuh adalah mengenai Kementerian Dalam Negeri mengenai isu perarakan Hari Wanita Antarabangsa. Secara ringkas, saya menyokong cadangan slogan yang dibawa oleh semua pihak NGO memainkan peranan memperjuangkan hak sama rata wanita dalam menentang jenayah wanita. Akan tetapi, yang mengejutkan saya dan rasa terperanjat jugalah apabila banyak bendera LGBT berkibar di bumi Kuala Lumpur. Dilaungkan LGBT berkumandang di udara. Beberapa kali saya teringat pada kisah dalam Al-Quran mengenai balasan Tuhan terhadap gaya hidup songsang.

Soalan saya kepada kementerian, apakah status terkini siasatan ke atas segelintir kumpulan yang memperjuangkan LGBT? Berapa ramai yang telah diambil keterangan terutamanya berapa ramai individu berpengaruh yang terlibat dalam perarakan ini? Adakah polis cukup bukti untuk dibawa kepada pihak Peguam Negara ataupun sebaliknya? Saya minta kementerian memaklumkan kepada Dewan Negara berhubung perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Diraja, Baginda menyebut bahawa tahun ini Parlimen Malaysia akan menyambut ulang tahun yang ke-60. Maka, bersama-samalah kita menjunjung prinsip demokrasi agar ia terus berkukuh dan subur di kalangan kita. Di dalam memperjuangkan kebebasan bersuara, kita juga harus jangan lupa apabila bebas bersuara, harus ada sifat bertanggungjawab menjaga adat tatasusila ketimuran kita.

Selain daripada itu, pada pandangan saya, kerajaan rancak merancang pembangunan negara, sudah pasti kewangan negara kini lebih kukuh berbanding dengan dulu. Mana tidaknya, tahun yang lepas sahaja bajet peruntukan sebanyak RM314.5 juta adalah paling besar di dalam sejarah negara. Kerajaan juga berjaya mengurangkan kos ECRL, duit bertimbun dari Tabung Harapan, kapal laut mewah pun sudah berjaya dijual dan banyak aset-

aset kerajaan telah dijual yang mencecah bilion Ringgit. Saya yakin ekonomi negara berkembang pesat dengan jayanya. Saya bersyukur ke hadrat Allah, Ilahi kerana negara kita masih lagi makmur dan aman. Maka, bersama-samalah kita mengekalkan suasana demi untuk generasi hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya menjunjung kasih menyokong usul Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani. Silakan.

#### 4.45 ptg.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan selamat petang.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan pada petang yang mulia ini untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk sama-sama turut membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Banyak perkara yang ingin saya utarakan di dalam perbahasan saya.

Saya juga mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan tahniah kepada Ahli-ahli Dewan yang masih berada di dalam Dewan. Walaupun tidak berapa ramai, *Alhamdulillah*, masih lagi teguh, masih lagi tetap bersama-sama di dalam Dewan yang mulia pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya begitu teruja untuk membangkitkan beberapa isu yang melanda negara hari ini. Kita tahu dan kita sedia maklum, Tuan Yang di-Pertua, 9 Mei merupakan satu sejarah kepada negara. Pada 9 Mei, UMNO kecundang dan Pakatan Harapan menjadi pilihan rakyat. *Alhamdulillah*, 9 Mei tidak terjadi apa-apa bentuk keganasan dan sebagainya. Walaupun kita sedar pemerintahan negara yang selama ini di bawah UMNO dan Barisan Nasional selama 61 tahun, tetapi apabila kita kalah pada 9 Mei, kita menerima kekalahan dengan reda. Kita menerima kekalahan dengan hati yang terbuka, berlapang dada dengan harapan supaya kerajaan yang baharu yang mengambil alih pucuk pimpinan negara ini dapat membantu dan lebih baik daripada kerajaan yang terdahulu daripada ini.

Akan tetapi saudara-saudara, sahabat, rakan-rakan Senator yang saya hormati sekalian, berlaku sebaliknya. Saya boleh kategorikan kekalahan UMNO dan Barisan Nasional terletak pada dua faktor.

Pertama adalah faktor orang Melayu tidak bersatu. Parti-parti yang diwakili oleh orang-orang Melayu berpecah, orang Melayu tidak bersatu sebenarnya. Akan tetapi faktor yang kedua adalah janji-janji manis bulan dan bintang yang dizikirkan oleh Pakatan Harapan

membuat rakyat terlena, membuat rakyat rasa inilah peluang untuk harapan baharu, untuk harapan kepada rakyat hidup lebih baik daripada yang terdahulu.

Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, harapan tinggal harapan semata-mata. Janji 100 hari tidak pernah tertunai, tidak ditunaikan. Pelbagai-bagai janji manis yang membuat anak-anak muda kita terlentok dan terlena. Janji manis hendak menghapuskan PTPTN tidak ada. Janji manis kepada rakyat hendak menghapuskan tol pun tidak ada. Berpuluh, beratus janji-janji yang telah dibuat oleh Pakatan Harapan hanya tinggal janji semata-mata. Hari ini, Tuan Yang di-Pertua, rakyat telah sedar.

#### ■1650

Rakyat di bawah sana telah sedar bahawa selama ini mereka menyokong, mereka meletakkan harapan, hanya tinggal harapan. Rakyat telah sedar bahawa mereka kena tipu sebenarnya Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada sesiapa yang boleh *deny*. Mereka boleh tertipu. Kerajaan yang ada hari ini sememangnya- waktu itu saya yakin dan percaya mereka dalam keadaan sedar, mereka membuat janji kepada rakyat tetapi mereka tahu sebenarnya mereka tidak mampu untuk menunaikan. Kasihan kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua.

Ini baharu mukadimah Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi. Tebal ini.

Tuan Yang di-Pertua kita kasihan kadang-kadang, kita lihat rakyat di bawah sana kalau selama ini setiap tahun, awal tahun kita boleh agihkan sedikit sebanyak kepada rakyat. Budak-budak sekolah hendak masuk Darjah 1 ada bantuan, BR1M ada bantuan- dahulu dan ditukar dengan 'BaSaH'. Tak basah-basah pun. Mana ada 'BaSaH'. Tak dapat pun.

Pilihan raya Semenyih tempoh hari dijanjikan kepada anak muda bagi RM100, ada yang tak dapat pun Tuan Yang di-Pertua. Janji pilihan raya- PRK Semenyih, sudah sibuk rakyat bangkit kata tol tidak ada, tol perlu dimansuhkan. Janji kepada rakyat tol hanya dikenakan bermula- tol tidak dikutip jam 11 malam hingga 5 pagi waktu pilihan raya kecil. Selepas itu macam biasa juga. Inilah perkara-perkara yang telah menyedarkan rakyat seluruh negara bahawasanya Kerajaan Pakatan Harapan hanya menipu kerana hendak dapat kuasa.

*Alhamdulillah* sahabat-sahabat Senator sekalian. *Alhamdulillah* kerana naik di atas penipuan, naik menjadi kerajaan di atas dasar fitnah hari ini kelam kabut. Berbagai-bagai cerita kita dengar, berbagai-bagai maklumat yang kita dapat.

Tuan Yang di-Pertua, *insya-Allah* terima kasih kepada MIC masih bersama, dan *insya-Allah* Tuan Yang di-Pertua, kalau ada pilihan raya umum masa terdekat, *insya-Allah* kita Barisan Nasional akan dapat kembali memerintah negara. *Insya-Allah* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya kata sebentar tadi, sebelum PRU14 banyak janji hebat dan manifesto yang telah dicadangkan, yang telah dicanangkan tetapi dukacita sehingga hari ini sememangnya tidak ada yang terlaksana. Rakyat sekarang

berasa semakin terhimpit dengan kos sara hidup yang semakin meningkat berbanding dengan hasil pendapatan yang masih ditakuk lama.

Dahulu semasa Kerajaan Barisan Nasional memperkenalkan GST, semua orang tahu rakyat dimomok-momokkan oleh Pakatan Harapan, pemimpin-pemimpinnya. Kononnya adanya GST barang naik, barang menjadi mahal. Kena balik undur ke belakang kita gunakan SST itu pun yang berada di dalam manifesto mereka. Mereka hapuskan GST, kita pun setuju di Dewan Negara.

Masa membawa usul untuk hapuskan GST kita setuju, bukan kita setuju pada dasarnya tetapi kita hendak lihat kepada mereka, sama ada boleh, mampu ataupun tidak untuk melaksanakan SST kerana kekurangan pendapatan lebih kurang RM21 bilion kerana kita tidak... Oh! Ingat bangun hendak mencelah [*Ketawa*]

Kita hilang RM21 bilion sebab itulah sekarang ini kita menghadapi pelbagai masalah dalam negara kita. Pemimpin-pemimpin macam kita, Yang Berhormat Ahli-ahli Senator macam kita, Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat mungkin tidak terkesan sangat. Kita mampu ada gaji, sementara jawatan masih ada tetapi rakyat di bawah sana dia kata hapus GST, SST barang turun, bohong! Bohong Tuan Yang di-Pertua.

Kalau pergi tengok barang-barang dekat kedai dekat pasar raya, pasar borong dan sebagainya barang meningkat naik Tuan Yang di-Pertua. Rakyat hidup susah. Dahulu boleh makan ikan kembung sekarang makan ikan sardin pun mahal. Kita tahu kita berada di bawah-bermakna rakyat sentiasa ditipu oleh pemimpin-pemimpin Pakatan Harapan yang ada hari ini. Silakan.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Mohon mencelah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas. Saya tertarik apabila Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas memberi penekanan terhadap implikasi apabila GST itu dihapuskan, dan SST itu diperkenalkan dengan alasan inilah mekanisme terbaik untuk mengawal dan menurunkan harga barang tetapi malangnya apabila apa yang disebut sebaliknya. Jadi saya hendak tanya pandangan daripada Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas sendiri, tadi disebut apabila GST itu dihapuskan maka kerajaan hilang lebih RM20 bilion pendapatan daripada GST.

Hari ini pendapatan negara dan bajet negara terlalu bergantung kepada hasil minyak. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas, apabila *reserve* minyak ini lama-lama berkurang, kita pun sudah tidak mampu hendak jual minyak. *Reserve* minyak sudah tidak ada. GST pun sudah tak ada. Jadi negara ini macam mana hendak dapat pendapatan ini, dari mana ini? Mohon pencerahan. Terima kasih.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Yang sebenarnya *reserve* minyak dan gas negara yang diberitahu oleh Menteri Kewangan, kita hanya mampu boleh bertahan selama 10 tahun sahaja lagi, dan banyak janji yang dibuat terutamanya kepada negeri-negeri pengeluar minyak. Hendak bagi kepada Kelantan 20 *percent*. Hendak bagi kepada Terengganu 20 *percent*, Sabah dan Sarawak 20 *percent*, dan berbagai-bagai yang telah dibuat hari ini tidak menampakkan ke arah itu.

Projek-projek yang dibatalkan, projek-projek yang dibuat kembali ini mengalami kerugian contohnya projek litar, pelumba litar di Sepang, itu projek yang rugi. Dahulu kita batalkan projek itu kerana kita mengalami kerugian. Saya difahamkan hampir RM200 juta setahun untuk membiayai litar lumba. Jadi projek-projek yang tidak efisien ini yang membuatkan kita rugi dan kita mengalami defisit. Kita mengalami kekurangan bajet untuk membantu rakyat dan sebagainya.

Bukan itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi projek yang diilhamkan oleh pemimpin-pemimpin, saya pun tak tahu, macam-macam. Orang kampung kalau laut bergelora dikata tanam nanas tepi pantai. Macam-macam ini, macam-macam. Kalau kelapa sawit sudah tak ada harga, tanam buluh. Macam mana seorang Menteri boleh berfikiran sedemikian rupa? Kita orang bodoh ini pun kita tak fikir macam itu. *Dok* fikir tanam buluh nak tidak- saya ini orang Tok Bali tahu. Saya ini orang Kelantan, orang Tok Bali. Tepi pantai rumah saya, mana mungkin nanas boleh tanam di tepi pantai, dalam pasir. Bodoh sangat lah pemikiran macam ini. Soal karut marut ini tak payahlah hendak buat cadangan-cadangan yang tak perlu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Ya. Ini kereta terbang pun satu hal Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1700

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Saya ingat Yang Berhormat tidak payah gunakan perkataan bodoh.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Saya tarik balik ya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Terima kasih

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Saya tidak tuju kepada sesiapa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tahu. Semua orang tahu siapa yang ditujukan... *[Ketawa]*

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Itu yang tersirat kan? Yang tersirat. Akan tetapi, saya tarik balik sebab Dewan Negara tidak pernah mengamalkan perkataan-perkataan sedemikian rupa. Jadi, saya hendak jelaskan- terima kasih saudara Yang Berhormat Senator Khairul Azwan. Kita bimbang. Kita bimbang dengan janji-janji yang dibuat untuk beri royalti minyak. Minyak hanya mampu bertahan 10 tahun sahaja lagi. Kita bimbang

Kelantan tidak dapat. Yang Berhormat Senator Asmak, tidak dapat. Yang Berhormat Senator Muhammad Mustafa, tidak dapat. Duit dah tiada.

Terengganu tidak apalah, duit dah- dahulu Kerajaan Barisan Nasional memerintah dan senang. Sekarang PAS memerintah. Begitu juga dengan Sabah. Begitu juga dengan Sarawak. Sabah itu tidak apalah mungkin dia bagi sebab sama-sama dalam Pakatan Harapan. Sarawak, kerajaan berkecuali. Susah. Sebab itulah saya ingin menyeru- dah saya dah nak tengok teks dah. Banyak teks ini, banyak perkara yang saya hendak sebut... *[Menunjukkan senaskhah dokumen]* Akan tetapi, lebih senang cakap macam ini kan?

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah saya hendak menyeru kepada kepimpinan yang ada hari ini. Nasib baik ada seorang Yang Berhormat Menteri *[Ketawa]* Yakni yang setia. Macam mana hendak memperkasakan Dewan Negara kalau Yang Berhormat Menteri pun tidak ada. Akan tetapi, nasib baik ada seorang. Tadi saya sedih Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan Kementerian Kewangan pun Yang Berhormat Menteri lain yang jawab. Macam mana hendak memperkasakan? Berbalik pada soal hujah saya, dalam ucapan saya ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah saya ingin menyeru kepada kepimpinan negara hari ini, lihatlah kesusahan rakyat di bawah sana.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Datuk T Mohan telah menulis kepada saya untuk memberi masa tambahan dia kepada Yang Berhormat kerana dia tidak boleh berucap *[Ketawa]* So, saya beri 10 minit lebih pada Yang Berhormat.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih lah Yang Berhormat Senator T. Mohan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa 13 minit. Silakan.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Lagi 13 minit?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih lah beri peluang kepada saya. Saya sebenarnya tadi sudah cuba *kawtim* Cuba *kawtim* hendak panjangkan sedikit masa. Akan tetapi, peluang yang diberi oleh Yang Berhormat Senator T. Mohan, *insya-Allah* saya akan pergunakan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya alasan-alasan yang diberi oleh pucuk pimpinan negara hari ini kepada rakyat, dipersembahkan kepada rakyat bahawasanya kerajaan dahulu korup. Bahawasanya kerajaan dahulu pencuri. Bahawasanya kerajaan dahulu penyamun. Semasa kempen pilihan raya PRU Ke-14 dahulu kita memang sering terdengar dan sampai hari ini ungkapan itu pun tidak lekang daripada mulut pemimpin Pakatan Harapan. Sebenarnya rakyat sudah tidak peduli. Setelah 100 akhir berlalu, janji tidak

ditunaikan. Rakyat sekarang telah memilih jalan yang terbaik untuk mereka. Contohnya, tiga PRU kita hatrik Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Presiden MIC kerana memberi laluan di Cameron Highlands. *Alhamdulillah* kita menang dengan majoriti terbesar.

Apa yang menggembirakan kita hari ini kalau dahulu 90 *percent*, 98 peratus anak-anak muda menolak Barisan Nasional dan menolak UMNO tetapi hari ini tiga PRK yang telah kita lalui, anak-anak muda kembali bersama kita, Tuan Yang di-Pertua. Kita menang dengan bergaya di Semenyih. Kita menang bergaya di Rantau. Ada juga di kalangan rakan-rakan kita, lepas ini balik pada Pakatan Harapan sebab Sandakan. Sandakan memang kita tidak letak calon. Memang kita tidak bertanding di Sandakan dari dahulu pun.

Dari dahulu rakan kita LDP bertanding di Sandakan, bukan kita. Bukan Barisan Nasional di sini membawa calon di sana. Tidak. LDP sudah tidak ada dalam Barisan Nasional sekarang. Betul tidak? So, terpulanglah. Sesiapa sahaja yang bertanding, melawan parti lawan di sana *insya-Allah* kita akan memberi sokongan. Kita yakin juga, kita penuh yakin kalau majoriti dahulu mereka besar, di Sandakan *insya-Allah* dengan kesedaran yang ada hari ini, di Sandakan juga kita boleh turunkan majoriti mereka. Menang, tidak tahulah kuasa Allah SWT. Menang kalah itu terserah. Akan tetapi, kita yakin dengan kesedaran rakyat hari ini, dengan apa yang dibuat oleh Kerajaan Pakatan hari ini, kita yakin dan percaya Sandakan juga boleh kita turunkan majoriti pada PRK yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya rakyat sudah jemu dengan apa yang telah diperkatakan oleh pemimpin-pemimpin Pakatan Harapan. Hari ini Tuan Yang di-Pertua, kita lihat keadaan ekonomi negara begitu gawat sekali. Keadaan bursa saham sangat teruk. Kalau dahulu semasa Barisan Nasional memerintah sebelum diambil oleh Pakatan Harapan kita di bursa saham Malaysia ada 1,860 mata lebih kurang. Hari ini Tuan Yang di-Pertua, 1,600 lebih mata sahaja. Kita kurang sebagaimana saudara Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan beritahu tadi. Kita kurang 40 *percent*. Kalau kurang 40 *percent*, cuba kita *imaging*, cuba kita bayangkan Tuan Yang di-Pertua berapa banyak yang kita rugi.

Oleh sebab itulah kalau kita tengok agensi-agensi kerajaan GLC contohnya, mengalami kerugian yang teruk. Contohnya, Tenaga Nasional Berhad. Contohnya Axiata. Mereka menanggung kerugian yang sangat besar kerana kejatuhan bursa saham dalam negara kita. Ditambah pula Tuan Yang di-Pertua, dengan Menteri-menteri yang ada hari ini dia tidak fikir banyak. Dia bukan buat kerja sangat pun *dok* fikir hendak jual harta sahaja. *Dok* fikir hendak jual harta sahaja Tuan Yang di-Pertua. Harta mana yang boleh dijual?

Saya minta maaf Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi. Masa jadi Yang Berhormat Menteri Besar dahulu pun habis dijual harta Selangor ini. Hotel dia jual. Perangsang, dahulu tempat main golf dah jual. Saya pergi semalam hari ahad hari itu ada orang kahwin, Ya, Allah rumah banglo-banglo besar, dah jual. Banyak lagi dia jual. Malah IHH

pun dah dijual. Sebagaimana yang kita tahu, Hotel Royale Chulan pun telah dijual kepada kerajaan Singapura. Padahal janji mereka dahulu Tuan Yang di-Pertua, semasa hendak menang pilihan raya, dia akan jaga harta-harta kerajaan. Dia tidak akan jual. Akan tetapi, hari ini sebaliknya mereka jual Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab hendak menampung kononnya, konon-kononnya hutang negara berlipat ganda kerana rasuah, kecurian dan perompakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jelaskan yang diuar-uarkan di luar sana kata hutang negara RM1 trilion, bohong! Dalam Bank Negara, Bank Negara telah buat kenyataan, hutang sebenarnya semasa kita melepaskan negara ini kepada Kerajaan Pakatan Harapan, hutang negara hanya RM686 bilion. Hari ini, Tuan Yang di-Pertua saat ini hutang negara dah RM777 bilion.

#### ■1710

Apa yang mereka buat? Apa yang mereka buat! Hutang bertambah banyak, prasarana untuk rakyat tidak ada. Kalau dahulu kita buat GST, kita *collect* RM40 billion daripada rakyat, kita pulangkan balik kepada rakyat. Kita bagi BR1M, kita bagi bantuan dan segala macam tetapi sekarang tidak ada. Semalam dalam kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua. Orang susah, biasa dapat bantuan kebajikan masyarakat, biasa dapat sejumlah RM300, sejumlah RM150 ada. Semalam datang, "Macam mana Tok, saya sudah lima bulan tidak dapat bantuan, tiga bulan dah tidak dapat bantuan, macam mana Tok?" Saya hendak jawab apa? Habis-habis saya cakap, dahulu pilihlah. Awak sudah menentukan kerajaan yang ada pada hari ini, pilihan rakyat, terima sahajalah. Saya hendak buat macam mana.

Saya sudah tidak boleh- bantuan rakyat, bantuan kebajikan pun tidak dilunaskan kepada rakyat, ini perkara yang serius bagi saya.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Yang Berhormat Datuk Abbas, boleh tidak Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mohon mencelah sedikit?

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Boleh, boleh, banyak pun tidak mengapa Wan.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Bukan, saya tertarik apabila Yang Berhormat Datuk Abbas sebut- apabila berlaku kekurangan daripada segi *social safety net* ini seperti bantuan-bantuan secara langsung untuk meringankan beban kumpulan-kumpulan B40 ini sangat ketara di bawah Kerajaan Pakatan Harapan.

Apa pandangan Yang Berhormat Datuk Abbas kalau saya nyatakan di sini bahawa ini juga akan menyumbang kepada permasalahan sosial yang ada. Apabila rakyat mula merasakan poket ekonomi mereka semakin mengecil, ini akan membuatkan mereka itu terdesak dan boleh terlibat dalam perkara-perkara negatif. Sebagai contoh, mungkin terdesak untuk terlibat dalam perniagaan-perniagaan yang tidak sah dan sebagainya. Mohon pandangan. Terima kasih.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih saudara Azwan. Saya pun berfikiran sedemikian juga sebenarnya. Kita bimbang rakyat di bawah ini apabila tidak cukup makan, apabila ada masalah hendak beli barang mahal, gaji tidak setimpal dengan perkembangan barangan yang naik pada hari ini tetapi gaji masih ditakuk lama, saya bimbang masalah gejala sosial akan bertambah. Dahulu dia kata hendak bagi satu juta peluang pekerjaan baru.

Akan tetapi hari ini, bukan satu juta dia sediakan peluang pekerjaan baru, Tuan Yang di-Pertua. Dia buang lagi ada. Semasa mula-mula memerintah ambil kerajaan, seramai 17,000 orang dia buang. Ini yang terbaru ini juga dikhabarkan, didengarkan bahawa dia hendak buang lebih kurang seramai 88,000 orang lagi. Ya Allah, kalau itulah terjadi, malang sekali bagi penjawat-penjawat awam. Sudahlah gaji tidak naik. Dahulu semasa kita bentuk manifesto, mungkin Tuan Yang di-Pertua pun bersama, Barisan Nasional menjanjikan pada bulan Julai naik gaji, bonus kita tambah, penjawat awam kita kekalkan. Akan tetapi hari ini tidak, hari ini terjadi sebaliknya. Apa yang terjadi hari ini? Inilah masalah kita, Tuan Yang di-Pertua.

Di dalam Laporan Bank Negara, kita hutang dahulu sebanyak RM686 bilion dan sekarang sebanyak RM777 bilion. Itu tidak termasuk duit ataupun wang Petronas yang dijarah sebanyak RM82 bilion. Sebanyak RM82 bilion ambil duit Petronas untuk menampung perbelanjaan kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, pada bajet yang lepas ataupun pada Dewan Rakyat yang lepas, Yang Berhormat Menteri Kewangan mengemukakan bajet tambahan sebanyak RM19.6 bilion untuk menampung perbelanjaan negara.

Peningkatan hutang ini telah menyebabkan defisit bajet meningkat sebanyak 2.8 peratus, yang diunjurkan oleh Kerajaan Barisan Nasional pada tahun 2018 kepada 3.7 peratus kepada KDNK. Di bawah kerajaan Pakatan Harapan defisit ini dijangka akan terus kekal tinggi dalam beberapa tahun lagi. Persoalannya, yang mahu diutarakan ialah mengapa hutang kerajaan meningkat begitu tinggi dengan cepat sekali? Padahal kerajaan telah menyatakan keazaman sebagaimana yang saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua.

Justeru itu, disebabkan kelembapan ekonomi dan hutang negara yang tinggi, maka Bank Negara Malaysia telah menurunkan unjuran KDNK tahun 2019, dari 4.9 peratus kepada 4.3 peratus. Keadaan ekonomi Malaysia dijangka akan terus suram dalam beberapa tahun yang akan datang. Saya mengambil pendapat Mantan Perdana Menteri bahawa ada empat sebab mengapa hutang negara semakin meningkat.

Pertama, pertukaran hasil Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) jatuh berbanding dengan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST). Kita sudah beritahu dahulu, yang menguntungkan atas tindakan kita mengembalikan SST yang untung adalah taiko-taiko besar, bukan rakyat. Bukan rakyat yang untung kerana barang tetap naik. Apa yang boleh lari

cukai, kita tahu SST ini cukai yang lemah dan tidak telus. Apa yang boleh lari cukai ini ialah taiko-taiko besar. Jikalau GST, satu percukaian yang telus kepada rakyat.

Kita lihat Tuan Yang di-Pertua, semasa GST dilaksanakan, kerajaan dapat mengutip hasil cukai RM42 bilion pada tahun 2017 dan dijangka meningkat setiap tahun. Akan tetapi SST diperkenalkan, hasil cukai yang dikutip telah merosot sebanyak RM27 bilion. Kita lihat GST terbukti mengatasi masalah ketirisan berbilion-bilion Ringgit kerana tindak tanduk peniaga yang mengelak membayar cukai.

Namun begitu, dengan terhapusnya cukai GST, kerajaan kekurangan sebagaimana yang saya maklumkan tadi, kekurangan untuk melaksanakan program-program pembangunan dan bantuan kepada rakyat. Kita perlu bersyukur kerana semasa krisis kejatuhan harga minyak dan komoditi pada tahun 2016 dan tahun 2017, ternyata hasil daripada GST dapat menampung perbelanjaan negara dan dapat menyelamatkan ekonomi negara Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dua minit lagi.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Yalah, saya perlu gulunglah. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, banyak kena *skip* ini. Akhir sekali, saya ingin penjelasan daripada kerajaan. Apakah rasional kerajaan hendak melaksanakan dan menghidupkan beberapa projek yang dianggap merugikan dan membazirkan duit rakyat, khususnya dalam keadaan negara berhadapan dengan hutang yang tinggi?

Saya difahamkan bahawa kerajaan akan meneruskan projek-projek yang seperti mana yang saya beritahu tadi. Antaranya Lapangan Terbang Kulim, Projek Kereta Nasional Ketiga dan antaranya projek kereta terbang. Ini betul atau tidak, tidak tahulah ini. Persoalannya, adakah projek-projek dan acara perlumbaan kereta ini boleh mendatangkan keuntungan, rata-rata dalam isu perusahaan kereta nasional ketiga?

#### ■1720

Lihat sahaja apa yang terjadi kepada perusahaan kereta nasional Proton. Semenjak dilancarkan pada umum, Proton sentiasa mengalami kerugian dan kerajaan terpaksa menyelamatkan syarikat tersebut dengan menyuntik sebilangan besar dana kepada Proton. Malah, pasaran kereta Proton di luar negara juga tidak mendapat sambutan yang menggalakkan sepertimana jenama Kia, Hyundai dan sebagainya. Kita berusaha pelbagai, kita buat *joint venture* dan sebagainya tetapi kesudahannya ia tetap gagal.

Lebih lucu lagi ialah apabila kerajaan mencadangkan untuk mendirikan kilang membuat kereta terbang. Saya puji idea yang *ambitious* ini tetapi secara logik, ia tidak praktikal untuk dilaksanakan. Banyak faktor yang perlu diambil kira seperti keselamatan, undang-undang, logistik dan sebagainya.

Dalam soal menghidupkan perlumbaan kereta *Formula 1* sebagaimana yang saya beritahu tadi, ia menelan belanja yang besar dan merugikan kepada pendapatan negara. Sekarang ini *Formula 1* di Malaysia sudah tidak berapa popular. Kalau buat pun orang tidak pergi tengok pun. Semakin tahun, makin tahun, memang tidak ada penonton dan ia sudah tentu merugikan negara.

Sebagai kesimpulannya, saya lihat sebab utama keadaan ekonomi Malaysia merosot adalah disebabkan permainan politik yang keterlaluan dilakukan oleh Pakatan Harapan. Oleh kerana kuat memfitnah dan menyalahkan Kerajaan Barisan Nasional terdahulu atas segala hutang dan masalah yang ada, maka zikir yang dimainkan oleh mereka setiap hari akhirnya telah makan tuan. Pemimpin-pemimpin dan Menteri-menteri Pakatan Harapan telah di-*checkmate* dengan tindak-tanduk mereka sendiri. Semenjak mentadbir kerajaan, Pakatan Harapan gagal membuat perancangan dan memberi hala tuju yang jelas kepada rakyat bagaimana untuk membangun dan memakmurkan negara. Terlalu banyak *U-Turn* dan dasar-dasar yang tidak jelas dibuat oleh kerajaan sehingga rakyat dan pelabur merasa kurang yakin dengan kerajaan yang ada sekarang.

Hari ini, tidak ada dasar baharu pun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sudah hampir 40 minit, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Ya kah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Hendak habis sudah ini. Sedikit sahaja. Ada satu perenggan. Sedikit.

Maka dengan itu, Kerajaan Pakatan Harapan perlu berhenti bermain politik dan kuatkan bekerja untuk meningkatkan kembali ekonomi negara. Kerajaan perlu mengambil maklum kepada kenyataan demi kenyataan yang dibuat oleh pakar ekonomi yang dengan jelas menunjukkan kebimbangan mereka mengenai kedudukan ekonomi negara.

Terima kasih daun keladi, Tuan Yang di-Pertua. *Insyah-Allah*, bulan Julai atau bulan Ogos kita jumpa lagi. Saya tahun ini habis sebagai Ahli Dewan. Tarikh saya 7 Oktober. So maknanya ada ucapan lagi pada bulan Ogos mungkin dan, *insyah-Allah*, Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya tidak ada nanti, saya doakan Tuan Yang di-Pertua terus istiqamah dalam perjuangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** *Insyah-Allah*, kita sama-sama akan mengangkat martabat kita. Saya juga mengambil kesempatan dalam Dewan yang mulia ini mengucapkan terima kasih kepada pimpinan PAS kerana memberikan kerjasama yang erat. Biarlah orang hendak kata apa-apa pun, Tuan Yang di-Pertua. Biarlah orang hendak kata kita bersama dengan PAS membentuk kerajaan esok kita akan jadi kerajaan Taliban, persetankan

semua itu. Apa yang sebenarnya ialah kita tidak pernah menganiayai sesiapa. Di negeri Kelantan, 30 tahun PAS memerintah negeri Kelantan, patung Buddha yang paling besar di negeri Kelantan...

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Sorry, sorry.* Duduk, duduk, duduk. Tidak boleh.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Tidak, bukan. Perkataan "*persetan*" itu apa maksudnya? *[Ketawa]*

**Puan Asmak binti Husin:** Boleh, tambahan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Persetankan. Bukannya kita kata *setan*, tidak. Patung Buddha yang paling besar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Maknanya India, Cina berada di negeri Kelantan begitu harmoni, begitu sejahtera. Tidak ada kita hendak jadi Taliban pun dan kita tidak berniat untuk memerangi kaum lain. Tuan Yang di-Pertua, ini agenda jahat daripada kerajaan yang ada pada hari ini.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong. Sekian. *Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, tadi dia mula pukul 4.45 petang. Sekarang 5.25 petang. Saya beri dia 40 minit kerana Yang Berhormat Senator Datuk T. Mohan memberi laluan kepada dia. Dia hendak bahas tetapi dia beri masa dan saya luluskan permohonan. Orang lain ini saya akan singkatkan lagi balik kepada 20 minit.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh. Tolong jangan minta tambahan kalau tidak ada orang hendak beri masa *[Ketawa]* Silakan Yang Berhormat.

### 5.26 ptg.

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya ingat saya pun hendak beri Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya tadi masa, saya *withdraw* sahaja. Akan tetapi tidak apalah, kerana ada yang saya hendak bawa fasal negeri suruh bawa perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana membenarkan saya sama-sama berbahas dalam perbahasan menjunjung kasih ke atas Titah Diraja pada 11 Mac 2019. Kalau kita baca inti pati Titah Duli Yang Maha Mulia, lebih kurang 16 perkara yang telah dinyatakan tetapi kebanyakan Duli Yang Maha Mulia bertitah tentang kesejahteraan, perpaduan, keharmonian rakyat dan juga kemajuan dan keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada empat perkara sahaja yang hendak dibahaskan atau kemukakan di perbahasan Titah Diraja. Saya ingin menyentuh pertama tentang Jabatan Perdana Menteri. Ini ramai yang telah menyentuh tetapi mungkin saya ada lain sedikit kerana masalah jawatan Menteri tentang perpaduan.

Kepada kementerian, saya ingin menggesa kerajaan memberikan penjelasan terhadap kerisauan rakyat berhubung usaha mendukung Perlembagaan negara dengan memperkasakan identiti kenegaraan dan perpaduan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). Pada pandangan saya, kerajaan perlu membentangkan serta memberi ruang perbincangan dengan segera apakah rancangan terperinci dan strategi jangka masa panjang JPNIN untuk mengukuhkan perpaduan dan menyemai semangat rukun negara dalam diri setiap warganegara. Ini saya hendak bercakap sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1966 hingga 1976, saya bersekolah lagi, Darjah Satu hingga Tingkatan Lima di sekolah *Anglo Chinese School*. Nama *Anglo Chinese School* tetapi dia punya itu, bahasa pengantarnya ialah bahasa Inggeris. Di *Anglo Chinese School*, semasa saya di Tingkatan 5, mungkin Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5, peratus pelajar-pelajar atau murid-murid di Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 dan saya di Tingkatan 5 iaitu seramai 150 orang di Tingkatan 5 iaitu ada empat kelas atau empat darjah, lebih kurang 150 orang. Kaum majoritinya ialah bangsa Cina 65 peratus, bangsa Melayu 25 peratus, dan bangsa India 10 peratus.

Jadi semasa itu, kami sangat mesra di antara satu sama lain. Belajar bersama, bermain bersama dan sehingga sekarang, 150 orang itu sama-sama sekarang masih ada di *WhatsApp group*. Setiap tahun kita buat *reunion*. Kita betul-betul mesra dan setiap hari ada lah *chit chat* di *WhatsApp*. Itu tahun 1966 hingga 1976- sama. Bermain sama, tidak ada masalah. Ini kerana pada awal tahun rasa saya tahun 1970-an hinggalah saya tamat sekolah di *Anglo Chinese School*, setiap pagi ataupun seminggu sekali.

#### ■1730

Pada mulanya setiap minggu, tiap-tiap hari ada perhimpunan pagi yang akan disampaikan oleh guru-guru atau guru besar di sekolah itu. Kita tidak ada masalah kerana di *Anglo-Chinese Schools* pada masa itu ada satu *periode*, satu perkara, satu hingga dua jam murid-murid yang berbangsa bukan beragama Islam akan pergi ke *chapel*. Di hadapan sekolah saya itu ada *chapel*, gereja. Tidak ada masalah. Kami duduk di satu darjah, dikumpulkan semua murid-murid Islam ada ustaz yang mengajar, tidak ada masalah pun.

Jadi kerana Rukun Negara setiap minggu hari Isnin kami berhimpun membaca Rukun Negara. Masa itu saya hendak- sekaranglah Jabatan Perpaduan Negara dan juga minta Kementerian Pendidikan kolaborasi agar Rukun Negara ini sekurang-kurangnya setiap hari pertama minggu persekolahan baca Rukun Negara.

Kalau boleh dahulu kita ada pelajaran sivik, diterangkan dalam bilik darjah. Itu sebab benda-benda ini tidak berlaku dahulu. Jadi saya harapkan Kementerian Pendidikan dan juga di Jabatan Perdana Menteri bahagian Jabatan Perpaduan cuba adakan setiap minggu murid-murid membaca Rukun Negara. Jadi, biar dia sama-sama intipati Rukun Negara itu amalkan. Jadi tidak akan berlaku apa yang sekarang ini yang dikatakan oleh Yang Berhormat, perpaduan kita sungguh longgar pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya kepada Jabatan Perdana Menteri, bahagian Jabatan Perpaduan. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Perpaduan bagi menangani masalah perpaduan, keharmonian dan menyemai semangat cinta pada negara di kalangan rakyat Malaysia. Itu soalan dari saya kepada Jabatan Perdana Menteri, bahagian Jabatan Perpaduan.

Kedua, saya hendak nyatakan tentang Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Di sini saya ingin menyentuh hasrat kerajaan dan berharap kerajaan dapat memberi penjelasan terhadap kebimbangan rakyat berhubung dasar kerajaan dalam sektor automotif negara yang tidak seimbang dan memberikan lebih banyak keuntungan buat syarikat pengeluar kenderaan luar negara untuk menguasai pasaran berbanding syarikat pengeluar kenderaan tempatan. Saya rasa pihak kementerian harus menjelaskan mekanisme dan strategi yang menyeluruh dalam memastikan syarikat-syarikat automotif tempatan seperti syarikat Proton dan Perodua terus kompeten agar dilihat lebih berdaya saing dengan syarikat luar negara.

Saya juga ingin mendapat pandangan mengenai cadangan kerajaan untuk memperkenalkan projek kereta nasional yang ketiga, yang dijadualkan pelaksanaannya pada tahun 2020. Yang Berhormat Menteri Kewangan telah memberi jaminan pada Ogos 2018 bahawa projek kereta nasional ketiga tidak akan menggunakan wang rakyat. Namun, Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan telah mengumumkan peruntukan dana sebanyak RM20 juta pada Januari 2019 bagi membangunkan prototaip kereta nasional ketiga. Maka dengan itu, saya ingin bertanya mengenai kos untuk penyelidikan dan pembangunan iaitu (R&D) dan juga penghasilan kereta nasional ketiga ini. Adakah ia akan melibatkan pelaburan berbilion-bilion ringgit?

Walaupun projek ini dimajukan oleh syarikat berkaitan kerajaan ataupun GLC, ia secara tidak langsung melibatkan wang rakyat yang di carum melalui pelaburan Khazanah Nasional, Permodalan Nasional Berhad (PNB), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP). Apabila saya melihat keadaan situasi ekonomi negara yang tidak menentu pada hari ini, projek kereta nasional ketiga akan membebankan kerajaan dan rakyat khususnya pembeli kereta sekiranya projek ini diteruskan.

Saya ingin tahu, apakah pendirian terkini kerajaan mengenai perkara ini? Adakah projek ini akan diteruskan atau ditangguhkan?

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga saya hendak menyentuh tentang Kementerian Pendidikan, yang ini saya kena cakap kerana ini kawan saya yang bersama-sama di ITBM. Kementerian Pendidikan, saya ingin bertanya mengenai tiga agensi di bawah kementerian ini iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka, Institut Terjemahan Buku Malaysia (ITBM) dan Perbadanan Kota Buku. Ini kerana ketiga-tiga agensi ini amat penting dalam kita mendaulatkan bahasa kebangsaan dan juga menyemarakkan industri buku di negara kita.

Kenapa saya membawa isu ini? Ini adalah kerana setiap kementerian telah menerima surat daripada Kementerian Kewangan untuk mengecilkan agensi di bawah kementerian demi untuk melaksanakan perbelanjaan berhemat dan menjimatkan kos kementerian. Macam Yang Berhormat Datuk Abbas cakaplah tadi. Semua hendak dikecilkan tetapi ramai yang tidak dapat bekerja, ramai yang hendak kena berhenti kerja. Ini kawan saya yang suruh bawa ini.

Saya ingin fokus kepada ITBM iaitu Institut Terjemahan Buku Malaysia. Rasa saya yang diwujudkan ialah masa zaman Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai Menteri Pendidikan atau Pelajaran pada masa itu. Ini kerana badan ini merupakan badan khusus yang bertanggungjawab dalam urusan penterjemahan dan juga penerbitan buku pelbagai genre. Itu buku berbagai-bagai contohnya fantasilah, sains fiksyenlah, *literary*, *literature* dahulu kita belajar. Masa zaman saya kita ada belajar *literature*, Bahasa Inggeris. Sekarang apabila saya tahu, pada tahun 1978 sudah tukar semua Bahasa Malaysia. Inilah Institut Terjemahan yang buat kerja ini. Jadi sekarang mungkin hendak tutup, saya pun tidak tahulah.

Saya membawa isu ini kerana ini selaras dengan kejayaan kementerian dalam menjadikan Kuala Lumpur sebagai Kota Buku Dunia pada 2020. Soalan saya, apakah tempoh yang dirangka oleh kementerian dalam penggabungan ini? Hendak dikecilkan, digabungkan, dikecilkan, mana pekerja-pekerja ini hendak pergi? Adakah diserap di tempat lain ataupun diberhentikan? Okey, soalan saya ya. Adakah staf-staf yang bekerja sekarang diberhentikan atau dihantar ke tempat lain, dipindahkan tempat lain? Kalau diberhentikan, apakah pampasan yang sewajarnya bagi mereka? Ini masalah. Kalau dahulu kita cakap masalah pengangguran, ekonomi, tidak ada orang kerja. Jadi banyak berlakunya kecurian.

Akhir sekali, saya mengambil masa, kalau boleh tadi saya beri Yang Berhormat Datuk Abbas lagi Tuan Yang di-Pertua. Saya ada banyak lagi ini tetapi pendekkan kerana waktu sudah petang, ada ramai lagi. Saya hendak beri pula masa saya kalau ada lagi ini, hendak beri kepada Yang Berhormat Profesor Tan Sri Ibrahim Abu Shah. Saya tahu dia hebat. Kalau dahulu Yang Berhormat Datuk Abbas kuat, terang, saya kendurkan sikit...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat,

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** Saya minta izin kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kalau sudah ucap sudah habis sudah. Sudah tidak boleh bahagi-bahagi lagi.

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** Saya ambil 10 minit, saya bagi dia 10 minit lagi Tuan Yang di-Pertua. Itu minta daripada Tuan Yang di-Pertua kalau dibenarkan.

Akhir sekali, saya hendak bawa kepada negeri Melaka iaitu tentang Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Negeri Melaka telah diiktiraf oleh UNESCO sebagai *World Heritage Centre*. Diisytiharkan pada 7 Julai 2008 bersama dengan negeri Pulau Pinang. Kawan saya pun sudah balik, Yang Berhormat Lim. Setiap minggu ramai yang mengunjungi negeri Melaka, *alhamdulillah*. Walaupun orang Melaka susah, pada hujung minggu tidak apalah, mendatangkan hasil bagi peniaga-peniaga, kedai-kedai restoran, macam yang lain-lain yang menjual kraf-kraf tangan mendapat hasil daripada ini.

Jadi saya hendak bawa iaitu tentang di Melaka memang terkenal dengan tempat-tempat bersejarah. Saya hendak bawa satu tempat ibadat. Di Melaka telah ada sembilan buah masjid dan satu kuil iaitu di Kampung Chetti iaitu namanya Kuil Sri Poyyatha Vinayagar iaitu kuil titi di Gajah Berang. Masjid-masjid ini masjid lama yang UNESCO datang, lambang-Jabatan Warisan Negara. Tidak boleh diusik. Hendak *renovate*, hendak dipanjangkan walaupun jemaah ramai sudah tidak boleh, kena ikut dia dari Jabatan Warisan Negara datang dan lihat kalau kita hendak besarkan masjid itu.

#### ■1740

Mesti dapat keizinan daripada Jabatan Warisan Negara, tetapi malangnya peraturan hendak ikut, semua hendak ikut tetapi apabila minta geran, sekurang-kurangnya RM1 juta bagi ada 10 perkara ini susah hendak dapat. Ini kerana Melaka memang terkenal dengan sejarah, jadi masjid-masjid macam masjid bercampur macam pagoda, kuil-kuil yang lama memang ramai pengunjung-pengunjung akan datang. Jadi saya mintalah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan agar memberi geran tahunan kepada Kerajaan Negeri Melaka ataupun Kerajaan Negeri Melaka yang menjaga warisan ini iaitu Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) supaya dapatlah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan memberi geran setiap tahun lebih kurang RM1 juta untuk menjaga warisan-warisan ini.

Jadi itu sahaja saya hendak bahaskan, hendak beri peluang kepada Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah kalau dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Akhir sekali, mengakhiri perbahasan saya dengan menjunjung kasih dan menyokong sepenuhnya Usul Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah.

**5.42 ptg.**

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang saya ucapkan. Terlebih dahulu Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya bercakap sedikit pada petang ini.

Sewajarnya kita patut juga mengucapkan terima kasih, mengucapkan tahniah menjunjung kasih kepada Tuanku Yang di-Pertuan Agong kerana telah pun memberikan satu ucapan dan nasihat yang cukup baik bukan sahaja kepada kita, tetapi khasnya kepada pemimpin-pemimpin negara yang ada pada hari ini. Saya sewajarnya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat menyambut tahun pertama pemerintahan Kerajaan PH. Saya mendoakan, kita mendoakan agar Kerajaan PH akan dibimbing oleh Allah SWT agar kerajaan ini menjadi satu kerajaan yang baik demi untuk kepentingan negara kita dan anak cucu cicit kita pada masa-masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah* saya telah memerhatikan dan mendengar ucapan-ucapan yang cukup baik yang sebenarnya. Saya perhatikan empat hari, hujah-hujah yang cukup bernas, yang cukup baik. Saya teliti hujah-hujah yang begitu profesional, tidak *bias*. Saya lebih tertarik banyak hujah-hujah yang datang daripada sahabat saya kaum bukan Melayu yang ada kalanya saya rasa begitu terharu kerana saya tahu mereka mempunyai jati diri *Malaysian* yang cukup kuat walaupun ada daripada mereka datangnya daripada Pakatan Harapan, bukan daripada pihak pembangkang, *alhamdulillah*. Itu realiti yang saya dapat lihat pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan untuk menyambut satu tahun pemerintahan PH ini, saya benar-benar mengharapkan supaya pihak kerajaan dapat melihat kembali kelemahan-kelemahan yang telah dilakukan iaitu saya minta Menteri-menteri yang telah mendengar hujah-hujah Yang Berhormat Senator selama empat hari ini meneliti kembali kerana cukup banyak rintihan-rintihan, keluhan-keluhan yang telah disuarakan, harapan saya diteliti. Kalau kita mendapati kita memang ada kelemahan, cuba perbaiki.

Kita lihat selaras dengan ucapan Tuanku Yang di-Pertuan Yang di-Pertuan Agong, Baginda telah meminta supaya kita memperkukuhkan perpaduan di kalangan rakyat dan jangan sama sekali kita menjadikan perpaduan hanya merupakan satu slogan, satu retorik. Ia mestilah disuburkan dengan ikhlas melalui kedaulatan undang-undang, keluhuran Perlembagaan terutama yang menyentuh Demokrasi Berparlimen, Raja Berperlembagaan, kedudukan Islam sebagai agama rasmi tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai serta Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Bahkan Tuanku telah

menekankan tindakan tegas hendaklah diambil terhadap perbuatan yang boleh menjejaskan perpaduan dan keharmonian negara.

Sahabat saya ada di hadapan saya, Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas. Saya rasa terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya melihat ucapan Yang Berhormat Senator semalam dengan ikhlas menekankan tentang kepentingan kita mempunyai satu semangat perpaduan tanpa curiga dengan menekankan kepentingan menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. *Thank you very much*. Beliau mengatakan Bahasa Melayu mesti dihormati. Bukan itu sahaja, beliau menekankan Sekolah Kebangsaan mesti diperkukuhkan. Saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab soalan yang disuarakan oleh sahabat saya Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas ini, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memperkukuhkan, mendaulatkan Bahasa Melayu dan juga untuk memastikan, memperkasakan Sekolah Kebangsaan tadi.

Persoalan saya, apakah sejak PH memerintah, bahasa Melayu dihormati atau sebaliknya dihina? Setahun mereka memerintah, kita perhatikan perbezaan sebelum dan selepas. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, saya merasa begitu tersinggung. Kalau saya bawa sebagai contoh bagaimana Bahasa Melayu dihina yang tidak pernah berlaku. Baru-baru ini di Johor sehinggakan Sultan Johor begitu murka kerana majlis PBT telah menggunakan bahasa Cina dalam surat rasminya. Ini tidak pernah berlaku, begitu berani sekali. Apakah ini yang dikatakan reformasi PH? Apakah ini yang hendak dibangga-banggakan sebagai Kerajaan Pakatan Harapan? Apakah ini harapan kita? Menggunakan bahasa Cina dalam PBT, menggunakan surat rasmi, *it never happen* Tuan Yang di-Pertua. Itu satu.

*Malaysian Palm Oil Certification Council*, mereka telah mengadakan satu kursus bukan sahaja surat ini menggunakan bahasa Inggeris, *official* kementerian, tetapi mereka mengatakan kursus ini akan diadakan dalam bahasa Mandarin. Saya Tuan Yang di-Pertua, saya orang Melaka, saya kuat mencarut ini tetapi saya cuba pegang lidah saya sebab ini Dewan Negara.

Saya teringat masa kecil-kecil dahulu saya suka tengok filem Tamil di Serkam Estate. Dalam filem Tamil ini untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, kita cukup suka apabila hero dia keluar, MGR. Keluar sahaja MGR, kita tepuk bagai hendak gila dan kita lagi suka. MGR cukup marah orang kurang ajar ini. Dia pun keluar, "*Hei, dei!*"... [*Bercakap dalam bahasa Tamil*] Baca lebih kurang macam itu, saya pun dahulu... [*Bercakap dalam bahasa Tamil*] Dengan muka dia, dengan lidah... [*Menunjukkan aksi bahasa tubuh*] Dia gigit lidah.

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** Yang Berhormat Tan Sri, minta laluan sedikit. Boleh tak Yang Berhormat Tan Sri?

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Sila.

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** Oleh sebab Yang Berhormat Senator ini orang Melaka.

**Tuan Yang di-Pertua:** [*Bercakap dalam bahasa Tamil*] Itu gila.

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** Yang Berhormat Senator ini orang Melaka, asal dari Melaka dan tempat dia ialah di daerah Jasin. Memang ramai orang India. Pada zaman Yang Berhormat Senator dahulu hendak tengok TV pun payah Yang Berhormat Senator. Jadi pergi ke estet-estet mungkin fasal dahulu dipanggil wayang pacak, itu fasal cerita siapa hero Tamil itu Yang Berhormat Senator?

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** MGR.

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** MGR terkenal itu fasal misai sama sekarang dia ikut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Betul Tuan Yang di-Pertua. Masa itu kita tidak ada TV. Jadi saya budak kampung, kita naik basikal lebih kurang lima kilometer ke Serkam Estate. Apa yang syoknya, budak-budak India dengan budak Melayu, budak Melayu tumpanglah. Apabila MGR keluar, kita pun tepuk tangan.

#### ■1750

Budak India cakap, kita punya, kita sudah belajar, *addi! addi! addi!* Kalau boleh saya hendak buat macam itu-lah, tetapi saya maksudkan kalau saya hero MGR tetapi / bukan MGR. Ini bukan wayang, ini bukan filem. Ini realiti. *How can they do this?* Macam mana dia buat-saya tidak mahu sebut Yang Berhormat Menteri *palm oil* ini, tidak mahu sebut nama dia. Kursus di dalam bahasa Mandarin, surat di dalam bahasa Inggeris. Apakah ini reformasi? Fikir sikit.

Saya bukan mahu mengutuk orang, tetapi saya rasa kecewa Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa cukup kecewa. Terlampau berani. Kalau tidak kasar sangat, saya boleh kata terlampau biadab. Tidak menghormati Perlembagaan, tidak mendaulatkan undang-undang dan langsung tidak ada jati diri Malaysia.

Di Hospital Pantai Sungai Petani, sedih tidak kalau Tuan Yang di-Pertua saya bacakan, mereka menawarkan biasiswa untuk *nurse...* [*Sambil menunjukkan sekeping kertas*] *Advertisement* dalam bahasa Inggeris tidak apa-lah. Saya baca Tuan Yang di-Pertua, apa yang dia cakap di sini, "Pemohon-pemohon *preferred Chinese, Siamese, Christian and Indian*". Kristian pun ada. Apa perasaan Tuan Yang di-Pertua? *Chinese* ada, *Indian* ada, Siam pun ada, *Christian* pun ada. *What do you feel?* Apa perasaan Ahli-ahli Yang Berhormat *if you are a Melayu*, apa perasaan Ahli-ahli Yang Berhormat? Ini negara Malaysia.

Kita mengharapkan- harapan-harapan, kerajaan harapan, ini yang kamu buat?... [*Menunjukkan sekeping kertas*] Tolong. Saya minta Kabinet lihat perkara ini. *Put it into a stop.* Apa yang lebih menyakitkan hati saya sebagai seorang *academician*, Kementerian

Pendidikan menggunakan nama Kementerian Pendidikan di sini, ada logo kementerian... [Menunjukkan sekeping kertas]. Poster di dalam bahasa Mandarin.

Saya tidak faham Tuan Yang di-Pertua, saya mahu baca saya tidak faham. Apa yang saya tahu, *ni hao ma, wo ai ni*, itu sahaja. *Wo ai ni*, masa dahulu muda-muda *wo ai ni* memang penting kita belajar. Kalau mahu mengurut '*ah moi*', *wo ai ni, ni ai wo*. Itu sahaja saya tahu, yang lain saya tidak tahu. Macam mana Kementerian Pendidikan menggunakan bahasa Mandarin, surat *official not even a word of Malay*.

Tuan Yang di-Pertua, ini yang membuatkan saya merasa cukup gusar dan cukup bimbang. Saya rasa perkara ini mestilah difikirkan bersama. Itulah sebab saya bersetuju dengan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas...

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Tan Sri, minta laluan.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Ya.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Saya meneliti apa yang Yang Berhormat Senator Tan Sri beritahu dalam ucapan bahas tadi tentang beberapa dokumen yang tidak digunakan di dalam Bahasa Malaysia. Saya mahu tanya Yang Berhormat Senator Tan Sri, apakah Yang Berhormat Senator Tan Sri, pendapat Yang Berhormat Senator Tan Sri ataupun adakah agenda-agenda ini agenda yang halus, yang tersusun rapi yang dibuat oleh pihak-pihak tertentu untuk menentukan masa depan negara ini beralih daripada satu keadaan yang sekarang kepada yang perancangan mereka. Minta pendapat Yang Berhormat Senator Tan Sri.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Saya kalau mahu jawab, panjang Tuan Yang di-Pertua. Benda ini- ini bidang saya yang sebenar. Saya boleh *analyze*. Saya rasa saya tidak akan *analyze* di Dewan ini. Akan tetapi, memang ada dan agenda itu cukup berbahaya. Saya minta- itulah sebab saya cukup suka bila rakan-rakan saya bercakap dengan mempunyai konsep jati diri Malaysia walaupun rakan-rakan saya bukan orang Melayu, bahkan ada daripada parti kerajaan. Mereka bercakap tentang realiti. Walaupun mereka orang Cina, orang India, *they are talking about reality*. *Alhamdulillah*, yang saya hendak yang lepas, lepas. Saya hendak sahabat-sahabat saya tidak kira apa bangsa, apa parti, kita berbalik ke pangkal jalan. Kita semua Malaysian. Jangan jadikan negara kita sebagai negara-negara lain. *We are not*. Itu realiti yang kita kena faham.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya- Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas. Apabila beliau mencadangkan supaya kerajaan memperkasakan Sekolah Kebangsaan, ini *first time* saya mendengar dari seorang yang bukan Melayu. Dia kata, "*Kalau kita memperkasakan Sekolah Kebangsaan, memperkukuhkan Sekolah Kebangsaan, di mana kita pun tahu...*" Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai pun sudah kata di Sarawak teruk,

sahabat saya Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose pun kata Sabah teruk. Sekolah-sekolah yang daif.

Kalau kita memperkukuhkan Sekolah Kebangsaan, maksudnya kita memberikan kemudahan yang terbaik dari segi infrastrukturnya, dari segi tenaga pengajarnya, dari segi mata pelajaran Matematik, Sains, *English*, Bahasa Melayu, termasuk-lah bahasa ibunda dengan harapan kalau tidak silap saya Tuan Yang di-Pertua, supaya anak-anak Malaysia ini pergi ke Sekolah Kebangsaan. Itu cara yang cukup baik tanpa mengacau orang lain. Maka, itu boleh membangkitkan semangat perpaduan di kalangan kita. Ini yang saya rasa satu pemikiran yang patut kita fikirkan bersama untuk memastikan negara kita akan menjadi sebuah negara yang bersatu padu di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa Sekolah Kebangsaan cukup teruk, cukup daif. Saya bekerja di Sarawak selama tujuh tahun, memang daif. Ada kala saya malu. Bahkan baru-baru ini di negeri saya, di Melaka, saya dijemput ke sekolah. Cikgu tunjukkan saya *the model class*, kelas contoh, saya macam mahu pengsan. Ini tahun 2019. Saya macam mahu pengsan. Saya tengok, buruk! Kelas contoh, saya tidak boleh *imagine* macam itu. Kononnya tidak cukup duit tetapi di sebaliknya baru-baru ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan dengan begitu bangga membuat *announcement* memberikan bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah *private* dan universiti *private* Cina. *Come on! Come on-lah! You* kata tidak ada duit. Sekolah Kebangsaan *you* dibiarkan, di Sarawak *you* biarkan, di Sabah *you* biarkan. *But yet*, sekolah *private* yang tidak ada di dalam Perlembagaan- ha, itu dia. Tidak ada. Kita bagi peruntukkan dengan bangga! "Kaduk naik junjung!". Baru berkuasa sikit, tidak menghormati orang! *Who are you?* Tidak boleh Tuan Yang di-Pertua. Saya minta perkara ini *stop!* Jangan dibiarkan! Saya akan *analyze* lagi lebih mendalam.

Itu sebab Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua masih ingat, saya sudah bagi *warning* beberapa kali. Saya perhatikan dengan keadaan yang berlaku pada hari ini, dengan masalah-masalah yang cukup besar dari segi aspek ekonomi dan politik serta perpaduan, saya sudah bagi *warning*. Saya bagi tempoh dua tahun. Dalam masa dua tahun, kalau Pakatan Harapan tidak berhati-hati, negara kita akan menghadapi masalah yang cukup besar. *You take my word. Please, do something about it.*

Yang Berhormat Menteri-Menteri yang buat perkara yang tidak betul, balik ke pangkal jalan. Jangan buat benda sesuka hati. Pandai-pandai *announced* dan saya diberitahu *boss* dia yang Menteri pun tidak tahu dia buat *announcement*. Ini kerana mereka *dominant*, seolah-olah mereka telah berkuasa. Fikir sebelum berbuat sesuatu.

Buli dan hina Islam dan Melayu ini Tuan Yang di-Pertua, menjadi trend yang amat membimbangkan dan menakutkan. Sudah-lah pemimpin Islam menghina Islam Melayu secara ekstrem. Pemimpin bukan Islam menghina, pemimpin Islam pula dalam kerajaan pun

senyap sunyi. Bahkan, ada yang mencurahkan minyak lagi. Ada pula pemimpin-pemimpin Islam dalam kerajaan komen, ini orang Melayu Islam ini yang kamu sampai mahu bergaduh demonstrasi kerana Nabi Muhammad dihina ini apa hal? Saya tidak mahu mencarut tadi, saya mahu cakap, apa benda cakap macam itu?

Ada pula Yang Berhormat Menteri yang jaga perpaduan yang sepatutnya menjalankan kegiatan-kegiatan aktiviti perpaduan untuk menyatupadukan rakyat, tetapi tindakan dan komen-komen yang dibuat sama ada di dalam negeri atau di luar negara tidak mencerminkan langsung konsep untuk menyatupadukan rakyat. Menjadi-jadi penghinaan terhadap Islam, pada Raja-Raja seolah-olah boleh hina Raja, boleh hina Nabi. Saya baca di dalam web banyak yang kata, "*What is wrong with that? Ini hak asasi manusia*". Tuan Yang di-Pertua, di Eropah, menghina Nabi Muhammad masuk *jail*! Itu orang putih yang ada hak asasi cukup kuat itu.

#### ■1800

Di Malaysia pula, oh, apa salah, hak asasi. Dia kata kita ini bodoh, siapa yang cakap ini bodoh. Hei, orang Eropah itu hak asasi, orang putih itu pun, *civil society* dan pelbagai, *jail*. Pada dia bukan negara Islam pun. Di Thailand, hina raja mereka, *jail* yang lama. Ada kes yang dihukum bunuh. Hak asasi apa?

Saya hendak tanya polis, KDN, Kementerian Komunikasi, kenapa biarkan perkara-perkara ini dibiarkan begitu sahaja seolah-olah mereka ini boleh buat sesuka hati? Apakah ini seolah-olah tidak ada undang-undang? Kita mengamalkan satu undang-undang rimba nampaknya. Semua orang boleh buat.

Itu sebab, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan pihak kerajaan kini kena tegas. Tak ramai pun yang buat. Majoriti daripada rakyat Malaysia tidak kira apa bangsa, *they are nice people*. Dalam buku yang saya baca, dia kata *majority of the Malaysian*, tak kira Cina atau India, Kristian kah *Buddhist*, *they are good people*. *Hindu*, *they are good people*. *But only a small minority, they are extremist*. Ini saya mencadangkan kepada kementerian, polis hentam sama dia, jangan bagi *chance*. *Khadi, khadi*, hentam sama dia. *You* biarkan, sampai bila dia menjadi-jadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasalah kalau saya mendengar teguran-teguran apabila berlaku kes di New Zealand, ini pun saya susah hati, Tuan Yang di-Pertua. Ramai orang Melayu tidak perasan ya. Saya hendak jelaskan sebagai seorang ahli akademik. Orang komen dia kata nak *declare* peperangan, mereka komen dia kata ini Taliban, mereka kata seolah-olah perkara ini akan berlaku sebab kita ini Taliban, akan berlaku di Malaysia. Polis pun saya diberitahu jaga kuil, jaga *temple*. *It is wrong*. Kalau *psychology the subconscious mind*, siapa yang bercakap yang sebenarnya, apa yang dia hendak, *exactly* apa yang berlaku di New

Zealand pembunuhan itu terhadap orang Islam, bukan orang Islam yang membunuh orang bukan Islam. *That's what I believed in it.*

Ini kerana, Tuan Yang di-Pertua, ekstremis ini dia benci, tahu? Orang-orang yang ekstremis ini, saya tahu siapa mereka, saya tidak mahu sebut. Dia pandang muka kami ini *for no reason*. Apa salah kami, apa dosa kami? Kami telah baik dengan semua kaum semenjak- saya orang Melakalah. Daripada kecil, Tuan Yang di-Pertua, geng kami semua ada. Kami jadi sahabat yang baik. Kami tolong- macam ucapan saya yang dulu, orang Cina datang kampung saya, orang Melayu bagi tanah *free* buka kedai runcit sampai dia beranak-pinak. Kamu benci pada kita ini apa hal? Punya benci, dia nak jadi macam New Zealand.

Kalau boleh dia nak bunuh orang Islam dalam masjid. Saya hendak beritahu polis, sesiapa yang membuat teguran-teguran sedemikian, buka dalam web, *social media* kalau ada *statement-statement* macam itu, mereka mesti dipantau dan diikuti. *These are the potential* sebab dalam buku yang saya baca ditulis oleh orang putih, dia kata di Malaysia memang ada kumpulan ekstremis di kalangan bukan Islam. Bahkan kumpulan ini lebih berbahaya daripada IS, daripada Taliban. Ini Orang Putih tulis. *Be careful.*

Makna macam dikatakan oleh sahabat saya, kita- Tuan Yang di-Pertua, terus terang cakap, orang Melayu Islam di Malaysia, kita tidak terfikir untuk bunuh orang bukan Islam. *No. But* kalau saya tengok trend pada hari ini, saya terfikir puak-puak *depa* itu nak buat dekat kita. Bukan semua, *very small minority*. Ini yang saya rasa patut kita perhatikan betul-betul.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya, tadi masalah-masalah politik perpaduan, yang juga membimbangkan saya masalah ekonomi, saya nak tanya apa jadi dengan GLC-GLC kepentingan kerajaan? Saya nak tanya, apa jadi pada TH? Saya nak tanya, kenapa TH tidak dibenarkan kita mewujudkan RCI? Apa salahnya? Ini *Royal Commission of Inquiry*, apa salah? Ini kerana saya nak tanya, dah dilelong kah semua kepentingan-kepentingan Melayu itu, *company-company* kerajaan itu? Kalau saya *list* kan, kebanyakan saya dapati banyak telah dilelong.

Saya hendak pihak Menteri menjawab sama ada Menteri Kewangan ataupun Menteri Hal Ehwal Ekonomi di dalam jawapan yang akan datang. Saya hendak mereka menjawab secara tegas dengan bukti apakah *progress*, perkembangan aset-aset kerajaan ini. Saya terus-terang mengatakan jangan dilelong, jangan dilelong. Banyak formula lain yang boleh kita gunakan tetapi bukan nak menjual dan melelong sesuka hati aset-aset kerajaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, lebih menakutkan saya, yang membuatkan rakyat akan marah yang saya katakan tadi saya bagi dua tahun tempoh, dalam masa dua tahun, telah diterangkan oleh Yang Berhormat Abbas, kos sara hidup meningkat, harga barang tak turun-tak perlu saya jelaskan, walaupun adanya SST. Hutang negara daripada RM68.6 bilion kepada RM77 bilion. Tambah pula lagi kita dengan hutang negara, dengan pinjaman bon

Samurai kita. Bantuan dipotong, dikurangkan PTPTN, tol tidak dihapuskan, harga getah turun, sawit turun, maka *Consumer Sentiment Index 2019*- saya nak baca dengan masalah-masalah ini apa berlaku.

Mengikut *Consumer Sentiment Index 2019* oleh *Malaysian Institute of Economic Research*, keadaan cukup teruk. Ada empat perkara yang berkaitan.

*Number one*, dia kata, *Consumer Sentiment Index falls below 100 points confident threshold. This is very bad- 100 point. Jatuh 100 point.*

*Number two, current income deteriorates.* Gaji turun. Ini *research*. Ini dalaman. Saya cakap dalaman negara kita.

Ketiga, *financial and job expectation lull, gloomy.* Memang *job expectation*, kita pun tahu *employment*, saya tahu *graduates* banyak tak bekerja. Untuk pengetahuan, Tuan Yang di-Pertua, saya tahu. *I am close to most of the graduates.* Ramai yang menganggur, yang tidak ada kerja. Ada yang tanya bila nak kahwin, tidak boleh kahwin, tidak ada duit.

*Growing jitters over rising prices. Tension, anxiety over rising prices and shopping activities drops.* Ia kerana pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, *Consumer Sentiment Index* ini menunjukkan orang dah tak membeli macam dulu. Macam saya kata dululah, banyak perbezaan iaitu ini satu perkara yang berbahaya. Kalau ekonomi yang saya katakan tadi, saya minta Pakatan Harapan perbetulkan keadaan kita. Saya mendoakan mereka boleh membetulkannya.

Kedua, *World Happiness Index.* Dengan masalah-masalah tadi yang saya katakan politik, perpaduan, ekonomi- tadi *consumer*, itu *internal. World Happiness Index* daripada 35, kita naik kepada melebihi 80...

**Tuan Yang di-Pertua:** *World...*, apa *index* itu?

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** *World Happiness Index.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Happiness?*

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** *Happiness, happy.* Dulu kita *happy*, sekarang *we are not happy.* Kita dah naik ke atas, dah teruk sangat.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita melihat ditambah pula apabila kita-saya minta maaf, bukan saya hendak kutuk. Apabila mengambil alih, kita buat *statement* yang bukan-bukan. Kata kita RM1 trilion lebih kita berhutanglah, penyangaklah, pencurilah, Malaysia nak bankraplah. Mana ada bankrap? *But statement* dibuat macam itu kena fikir ada *connection* dengan pelabur-pelabur. Mereka cabut lari. Itu sebab ekonomi kita turun. Itu sebab kita punya syer pun turun, saham kita. Ringgit jahanam menjunam sebab bermula dengan *starting point* itu dah salah. Kenapa salah? Apa yang pernah saya katakan disebabkan oleh dendam, bukan keikhlasan tetapi sakit hati dan dendam. *This is wrong.*

Jadi sebab itu saya minta sahabat-sahabat saya tidak kira apa bangsa, kita berbalik, kita sama-sama membantu untuk memastikan negara kita akan terus maju dan rakyat kita akan terus bersatu-padu. Pelabur tidak ada kepercayaan, penjualan aset negara milik GLC, GLIC tanpa tender apatah lagi dijual kepada negara-negara luar tanpa tender terbuka. Bahkan saham ECRL saya diberitahu 50 peratus adalah sekarang kepunyaan CCCC- 50 percent.

■1810

Bukan itu sahaja, saya hendak beritahu ini kena *check*. Saya hendak Menteri jawab betul kah? Kalau dulu tanah-tanah tempat stesen itu dipunyai oleh SEDC, sekarang ini dipunyai- tanah-tanah kita ini dipunyai oleh CCCC. Apa sudah jadi? Saya tidak tahu sama ada boleh sempat kita *stop, but it has to be stop*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Banyak masalah kerajaan Tuan Yang di-Pertua hinggakkan saya rasa saya terima kasihlah kepada Dato' Sri Ti Lian Ker, yang saya katakan tadi banyak masalah macam ini ada kala sekarang orang bukan Melayu pun beri pandangan-pandangan yang cukup ikhlas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tiga minit. Sila rumuskan.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Okey, Dato' Sri Ti Lian Ker dia mencadangkan, dia *warning* dia kata ini Kampung Baru, ini Melayu punya. Iaitu kalau kamu hendak buat sesuatu, kamu jangan jadi *opportunist based on commercial reason business* yang menjahanamkan hak Melayu. Jangan dikacau, maksudnya pada saya sekarang ini apa sahaja yang dibuat ia semata-mata untuk...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tan Sri.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Okey.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Saya maksudkan *[Ketawa]* Dia tidak dengar, tidak apa. Saya maksudkan macam inilah, yang kita ini tidak kira apa bangsa. Kita sama-sama, *we will protect each other*. Pada saya lah, kalau saya boleh tolong orang India, *I will help you*. Kalau saya boleh tolong orang Cina, *I will help you*. So sama itu juga, kalau orang Cina dan orang India boleh tolong orang Melayu, *please*

*help us*. Bukan ambil kesempatan hendak menjahanamkan kita sebab dia benci kita *for no reason*. Macam saya kata tidak ada sebab.

Yang Berhormat buka sejarah *forefathers* kita, *they were good friends. They help each other*. Kalau *forefathers* kita mempunyai perangai jahat dendam macam itu, kita tak jadi macam ini Yang Berhormat.

Negara kita *is one of the best in the world for information*. Kita yang sebenarnya walaupun *we are developing country*, kita tidak dianggap sebagai *a developing country*. Kita telah diiktiraf sebagai *almost a develop country*. Apa salahnya, melainkan kalau kita boleh buktikan diskriminasi diamalkan sejak dahulu terhadap kaum-kaum lain. *Proof to me now*. Maksudnya, saya hendak tekankan perpaduan ini, perpaduan.

Maka saya berbalik kepada Kampung Baru tadi, menyambung apa yang Dato' Sri Ti Lian Ker bercakap. Saya betul-betul, Kampung Baru jangan kacaulah ya Dato' Sri Ti Lian Ker. *Please*, saya minta kerajaan cukuplah, hentikan kegiatan-kegiatan melelong. Cari jalan yang lebih positif yang tidak menyakitkan hari ramai rakyat. Saya sangat mengharapkan pihak kerajaan hendaklah membuat perbincangan secara *detail*, perbincangan lanjut terhadap pemilik dan waris Kampung Baru sebelum ia dilaksanakan. *Sit down properly*. Jangan gunakan kuasa diktator sesuka hati, dengan menggunakan kuasa yang ada sesuka hati hendak melelong tanah orang. Jangan sama sekali dijual hak Melayu kepada pihak yang berkepentingan sesuka hati. Kampung Melayu mesti dijaga dengan betul dan hak-hak kepentingan kerajaan GLCs juga cukup, mesti di teliti kembali. Tindakan-tindakan yang salah yang bercanggah mesti dihentikan serta-merta.

Saya hendak katakan Tuan Yang di-Pertua, telah saya terangkan kita cukup banyak masalah. Baru setahun saya nampak cukup banyak masalah kita ini. Masalah perpaduan, masalah dalam politik, politik dalaman, masalah ekonomi, masalah itu, masalah ini, cukup banyak masalah. Kenapa tidak kita fokus penyelesaian masalah supaya rakyat merasa lebih gembira, lebih selesa dengan kehidupan mereka? Ini supaya *cost of living* tidak menjadi lebih teruk, supaya anak-anak kita lebih mudah.

Tadi seorang sahabat saya telah berbisik PTPTN, gaji dia tidak berapa sen. PTPTN dikatakan telah diturunkan, saya pun tidak faham. Saya *vice* dulu, saya tahu. Hanya RM2,000 berapa ratus tadi, RM2,400 untuk *one* semester. Enam bulan bahagikan enam, hendak hidup apa? Diturunkan. Jadi saya minta Menteri *check* betul atau tidak betul. Ini banyak masalah yang hendak kita selesaikan, apakah jadah dan apakah gatalnya kita mengambil tindakan-tindakan yang menyusahkan rakyat, yang menyakitkan hati orang-orang Melayu dan Islam seperti menggila-gila gatal hendak *sign Rome Statute* ataupun ICERD. Hendak buat apa?

Saya kata apa sudah gatal, menggila-gila hendak *fight* dengan rakyat, hendak *sign Rome Statute* ini untuk apa? ICERD ini untuk apa? Banyak kerja lain yang kita hendak buat

untuk negara kita, untuk anak cucu cicit kita. Hendak bagi senang rakyat yang susah dengan monsun di Pantai Timur. Duit tidak ada, makan tidak ada. Kita tidak fikir kah? Itu kita tidak fikir, kita fikir macam mana hendak menyakitkan hati rakyat.

Menggila-gila hendak buat Statut Rom secara menipu. Minta maaf cakap, senyap-senyap *sign* tanpa di *refer* kepada Raja-Raja Melayu. Selepas itu pula kutuk macam-macam, siapa yang tidak mahu buat ini semua otak tidak betul, lebih kurang macam itulah. Macam dia bijak sangat, *I am sorry to say this*. Soalan saya, tidak ada kerja lain kah? Tidak ada kerja lain? Banyak benda hendak buat untuk negara untuk membangun, yang pergi *sign* Statut Rom, yang pergi *sign* ICERD ini apa hal? Ini yang saya kata tadi yang dalam bahasa Tamil tadi- *nee paithiyamm ahh?* Maksudnya kau ini gila kah? Gila kah? Tidak ada kerja lain?

Melainkan negara kita ini sudah hebat, semua sudah hidup senang, makan minum semua senang. Boleh lah kita fikir benda yang *luxury* sedikit. Ini kita dalam keadaan yang cukup susah dan cukup sukar. Kita tiap-tiap hari bermasalah, orang yang mengutuk Raja dan mengutuk Islam, dalam sosial media berbagai-bagai-bagai masalah, kita tambah dengan masalah yang menyakitkan hati rakyat, khasnya menyakitkan hati orang Melayu, menyakitkan hati orang Islam.

Di dalam hal undang-undang, saya ingin menegaskan saya tidak berpuas hati. Pihak kerajaan nampaknya memilih bulu dan membuat pendakwaan yang selalu berat sebelah. Saya minta *Attorney General* berbalik ke pangkal jalan. Saya minta Menteri Undang-undang, saya minta Kabinet menasihatkan mereka yang bertanggungjawab. Jangan pilih bulu, Tuan Yang di-Pertua.

Kita sedang memerhatikan. Kita memerhatikan kalau sekiranya kes-kes itu berkaitan dengan orang Melayu Islam, memang kena. Saya bercakap melalui pandangan yang telah diberikan oleh rakyat di bawah. *We are watching you all, don't do that*. Jangan pilih bulu, tidak kisah siapa. Melayu, Cina, India, dia buat salah, tangkap dan ambil tindakan. Ini kalau orang Melayu buat salah, kita kena cepat. Kalau orang lain, kita ada sebab, *excuse* kita, otak lah, inilah, itu. Perdana Menteri pun sudah buat *statement* mula-mula kata macam ini. Oh! Tidak ada. Ingat kita ini bodoh kah? Apa kerajaan macam ini? Apakah ini yang dikatakan reformasi?

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak kuasa ada kala bila saya bercakap dengan sahabat-sahabat saya, dia kata, "*Ibrahim, aku ini pun sudah tidak kuasalah, malas*" kata dia. Sudah *give up*. *I am worried, give up* tidak apa. Saya bimbang yang teori saya mengatakan kalau benda ini berterusan, kerajaan tidak membuat sesuatu untuk memastikan perkara-perkara yang saya katakan tadi dibetulkan dengan segera, saya memberi amaran, Malaysia akan menghadapi masalah yang cukup besar. Bahkan huru-hara dalam tempoh yang terdekat.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kalau saya terkasar bahasa dan saya betul-betul ikhlas. Ya Allah, ya Tuhan ku, saya doakan, saya minta supaya Kerajaan Pakatan

Harapan dapat menjalankan tugas dengan baik, bimbing mereka supaya mereka menjadi pemimpin yang baik, yang tidak menzalimi sesiapa dan mesti berlaku adil kepada semua orang dan pertahankanlah nasib anak cucu cicit kita di masa-masa hadapan. Dengan itu, saya dengan ini menyokong usul ini. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

■1820

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumsalam.* Terima kasih Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah. Terima kasih- pandangan hujah yang terbaik untuk kita cernakan. Jadikan sempadan dan yang betul dijalankan.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah. Dipersilakan Yang Berhormat.

6.21 ptg.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** *Assalamualaikum warahmatullah wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah mengizinkan saya untuk menyatakan rasa menjunjung kasih di atas Titah Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah membuka Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Keempat Belas.

Saya merasa sedih kerana saya tidak dapat berucap seperti mana yang diucapkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Abbas tadi dan Yang Berhormat Senator Datuk Megat, kerana saya bersama-sama dengan kerajaan. Hal ini kerana, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita jadi pembangkang ini memang seronok. Membangkang ialah satu perkara yang menyeronokkan. Saya pernah juga dengan kerajaan dan kita juga membangkang satu ketika.

Saya pernah teringat satu cerita Tuan Yang di-Pertua tentang bagaimana seorang Yang Berhormat Menteri masuk kampung berkempen, "Tuan-tuan dan puan-puan, sekiranya tuan-tuan memenangkan saya dalam pilihan raya ini" Kampung itu tidak ada sungai Tuan Yang di-Pertua. Dia kata, "Kita akan buat jambatan untuk kawasan tuan-tuan!". Orang kampung teriak, "Yang Berhormat kami tidak ada sungai sini Yang Berhormat" "Kita korek sungai!"

Sedap tuan-tuan kalau kita dengar ucapan. Akan tetapi, malang sekali- kadang-kadang ada yang kerajaan buat salah dan ada yang kerajaan buat yang baik. Yang baik kita kata baik, yang salah kita kata salah. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Ibrahim Abu Shah saya menyanjung tinggi, kerana saya juga bersama-sama dengan beliau dalam hak memperjuangkan bangsa dan bahasa ini saya sama-sama dengan beliau. Cuma saya sedikit- bila dia sebut *World Happiness Index* ini, saya pun mencari-cari juga Tuan Yang di-Pertua. Rupanya kita ini bawah sedikit sahaja dari Singapura. Singapura nombor 34, kita nombor 35...

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Itu Tuan Yang di-Pertua boleh saya betulkan? Itu dahulu, itu 2018.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** *Ranking of Happiness 2015 to 2017.*

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Tahun 2017-  
*I'm talking about 2019.*

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Mungkin sudah agak *happiness* itu tinggi sedikit. Finland di tempat pertama; Norway di tempat kedua; Denmark di tempat ketiga; Iceland kita tengok negara-negara yang *happiness* ini negara-negara yang saya tengok kecundang dari segi dadah.

Tuan Yang di-Pertua, Iceland dan Portugal mereka-mereka ini negeri yang saya rasa cukup hebat dari segi menentang dadah ini dan mereka berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita cakap soal Titah Diraja Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, semuanya pihak pembangkang ataupun kerajaan masing-masing hendak mempertahankan kedaulatan Raja-Raja khususnya Raja-Raja di semua negeri-negeri yang kesultanannya bermula daripada sejarah yang cukup hebat.

Akan tetapi, kita melihat- saya terjumpa apabila saya mendengar rakan-rakan berucap berhubung dengan Raja-Raja, kedaulatan Raja-Raja, kenapa kita hendak menentang Raja-Raja. Saya rasa perlu juga kita hendak mempertahankan Raja-raja ini kerana yang menyalahgunakan mereka-mereka ini ialah rakyat juga. Kita jangan ambil daripada segi lain, cuba kita ambil contoh daripada segi perniagaan Tuan Yang di-Pertua.

Saya terjumpa satu yayasan yang menggunakan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tengku Puan Pahang, sebagai- Tengku Puan Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah sebagai penaung kepada satu yayasan yang diberi nama Yayasan Pembangunan Agro Tani Malaysia. Saya pun *check* kerana saya tahu perniagaan mereka. Tidak ada Yang Berhormat sekalian, tidak ada. Saya *check* dengan istana, tidak ada. Akan tetapi, diguna pakai di dalam yayasan ini. Saya buat laporan polis. Saya hendak tengok setakat mana dan saya tanya Kementerian Dalam Negeri, apa jadi dengan laporan polis tersebut? Kalau kita hendak mempertahankan Raja-Raja, pertahan betul-betul! Kalau kedaulatan Raja-Raja hendak dipertahankan buat cara yang betul.

Saya sedih kerana bila saya berjumpa dengan polis. Polis kata Tuanku lah yang kena hendak buat *report* itu. Cuba bayangkan- bukan kita yang buat *report*, Tuanku kena buat *report* orang yang menyalahgunakan. Cuba bayangkan Raja Permaisuri Agong pergi ke balai polis untuk buat laporan. Mana mungkin ada logiknya Tuan Yang di-Pertua.

Sebab itu, saya katakan kalau hendak mempertahankan kedaulatan, pertahan cara yang serius. Begitu juga dengan orang-orang yang memakai *title* 'Datuk' dan sebagainya. Rata-rata kita tahu dan laporan dibuat. Ada yang 'Datuk' nya bukan 'Datuk' yang betul, bukan

'Datuk' asli. Kadang-kadang mereka ini Paduka Ayahanda, dipanggil Datuk Paduka. Ada kadnya Datuk Paduka- kita hendak cakap apa Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua sendiri pun berasa malu. Kalau sudah ada "Datuk Paduka", yang ini "Datuk Seri", yang ini "Datuk", yang ini "Tan Sri". Semuanya sultan sudah berikan kepada kita. Akan tetapi, ada mereka-mereka yang memanggil diri mereka "Datuk" tetapi tidak diiktiraf. Apa yang kita buat kepada mereka ini? Apa yang kita hendak mempertahankan kedaulatan Raja-Raja? Tidak ada yang kita ambil tindakan. Saya hendak tanya kepada saya tidak tahu lah jabatan mana yang boleh mengambil tindakan sekiranya penyalahgunaan Darjah-darjah Kebangsaan ini.

Kedua Tuan Yang di-Pertua...

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Boleh saya mencelah sedikit? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya tertarik hati dengan penggunaan Datuk palsu ini. Perkara ini telah pun kita bangkitkan dahulu. Saya hendak bertanya Yang Berhormat, apakah sewajarnya langkah-langkah kerajaan boleh kita lakukan untuk membanteras penggunaan Datuk-datuk palsu? Hal ini kerana, mereka ini selalu menjawab dengan jawapan-jawapan mereka sendiri. Contohnya kalau Datuk-*ship* itu datang dari Mindanao, daripada Jakarta. Dia kata apa fasal itu mereka mempunyai kedaulatan mereka sendiri untuk memberi anugerah Datuk kepada kami, itu hak kami. So, pada pandangan saya sewajarnya pihak kerajaan mempunyai undang-undang tertentu supaya perkara ini dapat kita hentikan dan kita banteras. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih. Saya rasa elok semasa kita melawat di London dahulu- di Dewan Persidangan, Ahli-ahli Yang Berhormat di London ini dia tidak payah tekan *button*, dia turun sahaja- dia punya *mic* itu turun dari atas. Bila saya bangun, *mic* turun ke bawah. Ini tidak payah duk tekan-tekan sudah. Saya ingat cadang pada Setiausaha Dewan.

Saya bersetuju sekali, saya tidak hendak komen Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya hendak dimasukkan ucapan celahan Tan Sri di dalam teks ucapan saya...

#### ■1830

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Saya mencelah sedikit ya, Yang Berhormat Senator, boleh sedikit?

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Sila.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Tuan Yang di-Pertua, pengalaman di negeri Selangor, kita pinda enakmen. Enakmen Salah Guna Gelaran, bahkan salah guna jata. Dah ada hukuman berat. Senarai penerima Darjah Kehormat ini disenaraikan dalam- kalau tengok *website*, iaitu saya cadangkan Kerajaan Pusat juga kena pinda satu akta penyalahgunaan. Oleh sebab ini

menghina itu sahaja, sudah Dato' merata-rata. Jadi, kalau Selangor boleh pinda, saya rasa Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pusat boleh pinda akta. Satu-satu jenayah membawa gelaran yang tidak sah dan hukumannya berat.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Maaf Yang Berhormat Senator. *Mic* turun, minta maaf. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencelah. Terima kasih.

Saya masih ingat lagi dalam tahun 2001, tahun 2002, sewaktu saya menjadi SUSK di Jabatan Perdana Menteri yang juga melihat hal ehwal undang-undang. Yang Berbahagia Tan Sri Rais Yatim waktu itu Menteri yang jaga hal ehwal undang-undang telah pun membuat kenyataan bahawa kalau sesiapa rakyat Malaysia yang memakai gelaran Dato', tidak kiralah gelaran daripada negeri mana diiktiraf di negara itu tetapi di Malaysia kita tidak diiktiraf, kalau dia pakai Dato' Medan kah, dia Jakarta tidak ada, di Yogyakarta. Jakarta tidak ada. "Dato'" Yogya ada, Mindanao, Sulu ada. Yang ambil dekat Hotel Istana pun ada. Bukan Istana Negara tapi Hotel Istana. Bayar RM10,000 beratur, dapat selempang, dapat!

Ini semua kita tidak iktiraf dan kita boleh ambil tindakan. Malahan, ada yang pernah saya tunjuk gambar di dalam Dewan yang mulia ini, pada ketika itu ada yang mengguna pakai lesen kereta pun pakai nama Dato'. Orang macam ini, JPJ pun tidak tahu. Tidak tahulah yang 24 orang terlibat itu tetapi dia pun tidak tahu macam mana boleh pakai *title* Dato' dalam lesen kereta. Sudah ada peraturan, sudah ada undang-undang yang boleh ditangkap. Cuma saya rasa penguatkuasaan kita ini hangat-hangat *chicken shit*, dengan izin. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Undang-undang kita ada. Di Selangor pun sudah ada contoh. Kuatkuasakanlah. Kuatkuasakan kalau kita betul-betul kedaulatan Raja ini hendak dipertahankan. Kita minta Menteri bagi senarai yang ditarik itu berapa, yang betul-betul tarik itu berapa. Saya *respect* Tun Dr. Mahathir. Dia pergi hantar. Apabila dibuang *titlenya*, dia pergi hantar bintang itu, diserahkan balik. Kita simpan pun tidak guna sebab kita tidak boleh pakai, sudah ditarik balik oleh Tuanku. Ini yang membimbangkan kita.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut bersama-sama dengan rakan-rakan yang sedang mengkaji untuk mengadakan *Parliamentary Reforms*. Cuma saya melihat kepada perbezaan Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini. Di Dewan Rakyat sebelum ini kita ada *Minister's Question Time*. Kalau tidak silap saya, hari Isnin dan hari Khamis. Saya rasa perlu juga sebab isu-isu semasa yang berlaku dua hari atau tiga hari sebelum.

Contohnya, sekarang masalah di Sri Lanka. Rakyat kita terlibat atau tidak, masalah-masalah yang kita kata cukup kritikal. Soal pemberhentian Menteri Besar Johor. Kita hendak bertanya kepada Menteri, apa yang berlaku ini? Kita hendak balik cerita kepada rakyat. Akan tetapi soalan kita yang diambil lebih kurang tiga minggu lepas. Jadi, saya minta supaya

Menteri yang menjaga Parlimen ini supaya sesi soal jawab Menteri yang sama formatnya dengan Dewan Rakyat di-*introduce*-kan di Dewan Negara ini.

Sama ada kita hendak bawa Usul lain, itu soal lain. Kita betul-betul mengikut masa kerana kita ada selepas itu soalan lisan kita. Kalau di Dewan Rakyat, 10 minit loceng berbunyi. 10 minit kita pun loceng berbunyi dan kita patuhi masa ini. Saya rasa sudah perlu. Kalau kita hendak tunggu *Parliamentary Reform*, lambat lagi Tuan Yang di-Pertua, lambat lagi. Jadi, saya minta kepada Dewan yang mulia ini supaya perkara ini dapat dikaji semula dan dibawa ke Dewan Negara seperti mana yang berlaku di Dewan Rakyat.

Isu ketiga Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat kepada rakan-rakan kita yang bekerja di penjara. Rakyat-rakyat yang sedang bekerja di penjara agak letih dan mereka bercerita kepada saya bahawa mereka ini *stress*, Tuan Yang di-Pertua. Itulah agaknya *index happiness* tadi tidak begitu tinggi di Malaysia. Mungkin mereka mengalami *stress*. Kalau kita melihat kepada angka Tuan Yang di-Pertua, penjara-penjara yang ditahan setakat ini, kita ada lebih kurang 15,600 banduan yang ditempatkan di penjara Malaysia adalah warga asing. Bukan warganegara Malaysia, warganegara asing. Saya melihat satu kepala RM41.50 untuk hendak menjaga mereka ini.

Ada pegawai penjara yang bercakap dengan rakan-rakan daripada Indonesia yang ada dalam penjara yang ditangkap. "Pak, kami lebih suka tinggal di penjara Malaysia kerana dapat makan baik. Di Indonesia kami hanya makan ubi kayu". RM41.50 cuba kita darab dengan 15,600 orang, satu hari RM647,400 kita habis kepada mereka. *Let's say RM1 million* dengan gaji pekerja, dengan elektrik dan sebagainya, *RM1 million*. 30 hari, RM30 juta kita kena habis untuk mereka ini. Saya bertanya kepada pegawai-pegawai penjara, kenapa jadi begini? Penjara-penjara ini semuanya sudah penuh, *overload* sekarang ini.

Kata mereka, rakan-rakan mereka yang bekerja, orang-orang Indonesia yang datang ke Malaysia bekerja, dua bulan sebelum raya mereka hendak balik ke Indonesia. Apabila mereka hendak balik, sampai tengah laut, ditahan oleh Polis Diraja Malaysia, Marin Malaysia, ditahan. Tangkap mereka, bawa balik ke negeri kita balik dan ditahan dan masuk dalam penjara. Padahal, mereka hendak balik. Dia cerita kalau di Indonesia, orang yang hendak balik ini, yang hendak lari balik, daripada Myanmar ke mana hendak balik, dihalaunya lagi. Balik, balik. Kalau ditangkap, dia *deport straight away*, dengan izin. Dihantar balik, dia tidak simpan.

Akan tetapi kita simpan mereka ini. Saya rasa perlu diubah, perlu rang undang-undang baru untuk mereka ini supaya apabila sampai di tengah laut, kemungkinan kita boleh ada satu undang-undang *tagging* mereka, ambil *detail* mereka supaya apabila mereka hendak masuk balik, kita sudah tahu siapa mereka ini. Daripada kita tangkap dan masuk penjara, kita bagi makan *free* tiga empat bulan. Ada sesetengah itu sampai dua tahun.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Yang Berhormat, kacau lagi sekali Yang Berhormat, boleh? Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, itu yang di penjara 5,000 lebih. Yang Berhormat, dapat tak yang daripada pusat-pusat tahanan yang pendaratang-pendaratang tanpa izin ini? Kalau tidak salah saya, dalam Dewan ini juga kita pernah bincang benda ini. Kita ada lebih daripada 500 ribu pendaratang tanpa izin daripada pelbagai negara yang ditahan di pusat tahanan dan kita belanja makan, minum, termasuk tempat tidur dan sebagainya, lebih kurang begitu.

▪ 1840

Kita pernah tanya juga kenapa yang datang untuk bekerja tidak kena tahan, yang hendak balik ke negara mereka asal yang itu yang ditahan. Kita tanya dan jawab Menteri pada ketika itu kita tidak tahu sama ada yang balik ini baru datang atau hendak pergi. Takkan kita tidak tahu dekat hendak raya dia mesti hendak balik. Itu kalau Yang Berhormat masih ingat ada di Pusat Tahanan lebih ramai daripada di penjara. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Angka yang saya ada Dato' Sri tidak se-*detail* yang ditanya oleh Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin tadi. Angka yang ada di sini kos bagi menyelenggarakan dan operasi penjara termasuk makan dan minum banduan tempatan ini serta warga asing sudah pun mencecah RM1.4 bilion setahun- RM1.4 bilion setahun.

Ini bermakna dalam setahun kerajaan terpaksa membelanjakan RM236,301,000.00 bagi perbelanjaan banduan serta tahanan asing. Tuan Yang di-Pertua, bimbang Tuan Yang di-Pertua kalau kita tengok angka ini dan PATI yang saya tengok daripada tangkapan boleh dikatakan hari-hari. Sebanyak 18 PATI ditangkap di Sungai Pulai, Sebanyak 22 PATI ditangkap di Sungai Pulai sekali lagi esoknya, Sebanyak 94 PATI ditangkap di Mersing. Ini angka-angka yang boleh dikatakan berlaku.

**Dato' Sri Khairudin bin Abd Samad:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Ya semua yang diambil bawa balik. Ini dekat hendak raya ini, dekat hendak puasa ini lagi banyak. Semalam saya tengok berita pun sudah ada tangkapan yang dibuat. Saya rasa SOP ini terpaksa ditukar kalau kita hendak menjimatkan belanja dan tidak hendak membanyakkan penjara kita, saya cadangkan supaya rang undang-undang baharu digubal untuk mereka-mereka ini.

Saya hendak menyentuh juga Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan eROSES. eROSES ini Tuan Yang di-Pertua di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS). Kita menerima banyak aduan. Saya selaku Timbalan Yang Dipertua PEMADAM, kami PEMADAM di setiap daerah kita terpaksa register dengan eROSES. Akan tetapi yang menyusahkan kita ini kalau tuan-tuan ada pagi esok pukul 9.00 cuba telefon 03-88702601

hendak tengok siapa yang bernasib baik dapat jawab panggilan tersebut. *Sorry, they don't answer*, Tuan Yang di-Pertua. *They will not answer your call*, dengan izin.

Ini masalah dia ini, mereka dahulu buat sistem komputer untuk hendak menyelesaikan masalah pendaftaran-pendaftaran ini tetapi sekarang ini Tuan Yang di-Pertua lagi susah daripada dahulu dan NGO-NGO yang hendak mendaftar *sorry*, salah tekan, salah butang kita telefon mereka tanya apa benda tidak ada jawapan. Masalah-masalah *calls* hendak bertanya tidak dijawab, pembayaran *online* bermasalah. Apabila mahu membayar secara *online*, akan mengalami masalah ketika *redirect* ke laman perbankan *online* dan akan gagal. Masalah *payment gateway* ini kemudiannya permohonan hanya boleh cuba lagi selepas 24 jam. Kita buat sekali tidak boleh lepas, dia kena tunggu lagi 24 jam.

Saya hendak bertanya kepada kementerian yang bertanggungjawab dengan eROSES ini, kenapa jadi begini? Jangan marah sekiranya ada NGO-NGO yang bergerak tanpa berdaftar dan saya hendak minta kepada kementerian berapakah angka? Dahulu lima tahun lepas dengan sekarang, angka-angka pendaftaran baru NGO-NGO ini melalui eROSES. Kita tidak ada Menteri langsung, dahulu ada juga Menteri seorang-dua yang menunggu.

Saya rasa ada Menteri yang bertanggungjawab untuk kena ada dalam Dewan seorang, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Bukankah begitu, saya tidak tahulah sama ada dalam Perlembagaan atau Peraturan Mesyuarat.

**Seorang Ahli:** Reformasi.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Oh, reformasi. Kita sudah empat tahun dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua.

Keempat Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh sedikit minyak sawit, kelapa sawit ini. Kita bimbang bila Menteri datang bercakap soal kelapa sawit Menteri menceritakan bagaimana dia hendak buat untuk hendak menaikkan kelapa sawit ini tetapi kita melihat di *European Union they don't give a damn*, dengan izin. Dia tidak peduli pun.

Akhirnya waktu kami berada di London, saya berjumpa dan bertanya dengan mereka juga kenapa, dia kata apa tahu, Tuan Yang di-Pertua. "*You cut down the tree and grabbed the monkey, you raped the Orang Utan*". Ini yang dia orang kata dekat kita. Kita rogol Orang Utan katanya kerana hendak tanam kelapa sawit. Kalau ini jawapan yang diberikan oleh mereka, makna mereka tidak akan terima apa-apa alasan sekalipun.

Tuan Yang di-Pertua, kita ini baik, Malaysia ini baik. Saya ingat dahulu Menteri dahulu kurang baik, *hat* la ni lagi baik sebab saya tengok lagi baik macam mana, lagi orang *dok* hentam kita lagi kita *dok* bagi dekat dia orang. Saya hendak cadangkan supaya syarikat ini, Rafale France Company, Syarikat Dassault Aviation, SA dari Perancis bagi menggantikan

MiG-29 yang baru-baru ini bermesyuarat di LIMA, Langkawi. Kita hendak bertukar daripada MiG kita hendak tukar hendak beli Rafale ini dan *this is the french company. France* yang kata kita *rape* Orang Utan tadi, kita hendak bagi dekat dia ini.

Kalau saya jadi Menteri, Menteri *Palm Oil* kah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri kah saya akan buang semua mereka ini. Kalau boleh hendak cari yang ada lagi di sini, “*Yes, you have to go back and tell your Prime Minister to support us on the palm oil*”, dengan izin. Baru *gentlemen*, segala *french company* iaitu Alcatel, Tellers, Rafale dan lain-lain lagi, panggil mereka-mereka ini dan, “*You have to help us*”. Ini tidak kalau tender itu lagi banyak kita bagi kepada mereka, buka kepada mereka kalau boleh kita buat pemutihan *the French company, the German company* yang tidak sokong *palm oil* kita tolak ke tepi dahulu.

Kita ada *Buy British Last* dahulu berjaya, saya kata berjaya *Look East Policy* kita berjaya. Margaret Thatcher berapa kali marah kepada Malaysia kerana *Buy British Last, it works*. Ada orang kata “Alah, Malaysia siapa yang hendak tengok, kecil sangat.” *No, it works*. Saya tahu waktu itu saya menjadi *student* di sana. Ramai *student* tidak pergi. *Depa* naikkan *fees* kita *just to retaliiate. They increase our school fees, they retaliiate, meaning* dia rasa kesannya.

Akan tetapi kita tidak, kita lagi hendak bagi lagi ada. Saya tengok dalam proses-proses tender, kita masih lagi membuka peluang kepada mereka dan saya teringat semasa Tan Sri Ani Arop, Arwah Tan Sri Ani Arop menjaga *palm oil* ini, dia pakai *lobbies*. Saya tahu dia pakai *lobbies. They pay a lot of money to the lobbies. That is why the lobbies worked hard*.

Saya ingat lagi *the Italian magazine*, nama saya tidak ingat namanya. Saya ada tulis nama *magazine* yang bersama-sama turun dari Itali menulis sebab *palm oil. They come down and* saya tahu PORIM yang bayar waktu itu bawa *reporter* daripada luar negara itu *the good ones* datang *interview*. Pergi tengok pokok kelapa sawit, pergi tengok hutan-hutan yang kata kita terbang, pergi tengok kita punya Orang Utan yang kita *preserved* tunjuk kepada mereka.

#### ■1850

Akan tetapi yang kita dengar, kalau setakat Menteri hendak pergi lobi jumpa Menteri sana tidak terpakai Tuan Yang di-Pertua. Tidak akan jalan kelapa sawit kita ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagi?

**Dato’ Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Sikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Saya pun hendak minta juga bekas-bekas *hat* kawan-kawan yang tidak bercakap itu, masa itu [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, akhirlah Tuan Yang di-Pertua sebab banyak lagi kawan-kawan.

Saya sebut tadi *the happiness country* yang saya kata mereka dapat mengatasi masalah dadah. Baru ini saya ke Indonesia berjumpa dengan rakan daripada *The United Nations Office on Drugs and Crime* di Indonesia. Saya dijemput juga Tuan Yang di-Pertua untuk bagi ceramah kepada satu syarikat. Saya tidak mahu sebut syarikat itu kerana syarikat

itu kalau saya beritahu tuan-tuan, tuan-tuan akan bimbang. *Airline*, syarikat penerbangan yang menjemput kami untuk memberi ceramah berhubung dengan dadah kerana didapati ada *pilot* yang ambil dadah. Bayangkan kita duduk di belakang, pilot tengah *high*.

**Seorang Ahli:** *High* sungguh itu.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Yang Berhormat, bayangkan kita di dalam kapal terbang, pilot tengah *high*. *Masya-Allah* apa akan berlaku? *This is what happening now* dan sekarang ini NPS, NPS ini dia macam gula-gula dia berbentuk coklat *hacks* dan sebagainya. Daripada 2015 sehingga sekarang ada lebih kurang 739 jenis. Narkotik kita jumpa baru 27 kalau tidak salah saya, baru 27 bentuk. Dia ada 739 bentuk yang boleh dibeli *online and they are more dangerous than the cannabis, heroin and morphine. More dangerous*. Kadang-kadang boleh mengatasi *Flakka*, yang bila kita kena *Flakka* itu kita boleh jadi gila. Kereta datang depan, kita lompat di atas kereta *because* terlampau *high*.

Negara-negara yang saya tengok senarai *the most happiness* tadi ini Tuan Yang di-Pertua, mereka buat undang-undang. Pukul 10 ke atas, bapak-bapak mesti *curfew* anak mereka tidak boleh keluar, *and it works. It works! Those country* dulu ini macam *Iceland and all those Portugal*, mereka ini dulu anak-anak mereka memang *heavy drinker on drugs, everything. They start with that*. Pukul 10 malam *no more, curfew* untuk anak-anak dan mereka letak perkara ini atas kepala mak bapa itu sendiri. Mak bapa pun tidak boleh keluar pub pukul 10, kena balik rumah, makan dengan anak-anak, duduk dengan anak-anak. *It works, now they are the most successful story in the world about drugs*.

Ada satu profesor dia buat kajian Tuan Yang di-Pertua, dia ambil satu tempat dia, dia *taruk* tikus. Dia *taruk drug*, dia *taruk* air. Tikus itu tidak ada apa, dia bagi tempat kosong sahaja. Satu lagi dia buat juga kotak yang sama, dalam kotak itu dia letakkan mainan-mainan tikus. Tikus kan suka main benda yang macam *roller coaster*. Dia letak dalam itu *pond and all this*. Tikus yang duduk dalam kotak yang tidak ada apa itu, yang ada dadah dengan air sahaja, dia pergi ambil dadah. Dia tidak ada apa hendak buat, dia ambil dadah. Tikus yang ada macam-macam yang diletakkan dalam mainan dia itu, *that one* pergi minum air. Dia tidak ambil dadah, dia minum air lepas itu dia pergi main. *It shows that* kalau ada aktiviti kepada anak-anak kita ini, *it works*.

Oleh sebab itu dulu saya kata dalam Dewan ini juga, segala perumahan PPRT kena ada ini untuk anak-anak kita. Kalau tidak anak-anak kita tidak akan ke mana, akhirnya mereka akan ambil dadah. Saya pernah bercerita dalam Dewan ini di antara pukul 8 malam sampai pukul 11 malam, mak bapa suruh anak-anak turun kerana mak bapa waktu itulah hendak berasmara dana, bapak dengan mak, lepas itu bapak hendak keluar kerja pukul 12. Tidak akan nak *dok* berasmara dana walhal anak *dok* ada di luar bilik. *This is what happening* dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi Titah Tuanku yang saya himpun, cuma pendek-pendek sahajalah yang menyentuh soal isu ekonomi. Cuma, saya hendak tanya kepada Kementerian Kewangan, *Samurai bond* yang kita ambil ini Tuan Yang di-Pertua, apa perancangan pembayaran kita? Apa rancangan kita? Dengan 1MDB yang kita sebut, dengan rakan-rakan sebut tadi RM1 trilion pun ada hutang. Apa yang kita ambil tambah ini, perancangan kita hendak membayar balik *the Samurai bond* itu bagaimana Tuan Yang di-Pertua?

Kemudian, Tuanku menyentuh kos sara hidup rakyat yang semakin miskin. Saya hendak tanya, apakah langkah penyelesaian yang hendak diberikan kepada anak-anak muda yang tidak ada rumah, yang tidak cukup duit hendak beli rumah dan sebagainya. Dasar luar negara. Kita bercakap soal *people centric, no more state centric*. Saya hendak bertanya kepada kementerian, apakah konsep ini? Bagaimana hendak menghuraikan konsep ini bagi kita memahami aspirasi dasar baru Wisma Putra yang kata *the people centric* tadi ini.

Saya juga hendak tanya pihak kementerian, menjelaskan status rundingan harga air Johor-Singapura yang masih belum selesai hingga kini. Bila agaknya hendak selesai? Tuanku bercakap soal Orang Asli dan hal ehwal bumiputera di Sabah. Kita telah menolak di dalam Dewan Rakyat baru-baru ini dan ditubuhkan Perlembagaan Persekutuan di bawah Perkara 2 yang kita tolak Dewan Rakyat baru-baru ini dan kita menubuhkan satu *Parliamentary Select Committee*. Saya hendak bertanya juga, bila agak-agaknya hendak dibawa balik perkara ini ke Dewan Rakyat untuk dibahaskan semula.

Tuanku juga bercakap soal *fiber optic*, di bawah pelan gentian *optic* ini dan saya rasa kerajaan patut melihat *next generation, the fifth generation* yang akan datang ini. Kita membaca juga bahawa ada burung-burung yang mati akibat daripada frekuensi 5G ini. Saya hendak bertanya kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), apakah cerita ini *fake news* ataupun benar yang mengatakan burung-burung mati dengan frekuensi 5G ini? Sekiranya burung mati apakah kita akan meneruskan dengan 5G yang begitu tinggi frekuensinya ini?

Soal pengangkutan disebut. Jadi saya minta kerana banyak rakan-rakan yang minta lesen *Public Service Vehicle (PSV)* ini, kita hendak supaya prosedurnya yang begitu ketat. Apakah kerajaan akan mengambil langkah untuk melonggarkan sedikit prosedur untuk mendapatkan PSV ini? Keselamatan sosial wanita, warga emas, dan kanak-kanak, Tuanku juga menyentuh.

Cuma saya hendak bertanya di sini, apakah langkah-langkah yang diambil untuk golongan OKU? Apakah bantuan mereka ini yang akan ditambah atau pun dikurangkan? Apakah tol-tol akan digantikan dengan orang-orang OKU? Bagi yang tidak OKU keluarkan, kerjakan di tempat lain. Apa yang kita kata kalau kita tengok banyak negara-negara maju,

orang-orang OKU yang banyak menjaga tol-tol dan mereka ini diberi peluang kerana mereka tidak dapat bergerak dan sebagainya.

Pemeliharaan dan pemulihan alam sekitar. Ini juga Tuanku menyentuh dan saya hendak bertanya kita masih lagi belum sensitif dengan soal kepentingan melindungi habitat kita. Flora dan fauna. Jadi, apakah tindakan kerajaan dalam memberi maklumat-maklumat ataupun pengajaran kepada anak-anak kita supaya mereka ini lebih menyayangi habitat-habitat yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah membenarkan saya berucap melebihi had yang diberikan dan saya juga bersama dengan rakan-rakan yang lain dan ingin menyatakan bahawa kami menyokong Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong... [*Membaca sepotong doa*] *Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah yang telah berhujah panjang lebar dan terima kasih banyak. Saya minta yang lain lagi, dua, tiga orang ini, masa 20 minit. Beri kerjasama ya, 20 minit.

Sila Yang Berhormat Senator Tuan Kamarudin bin Abdun. Silakan.

■1900

7.00 mlm.

**Tuan Kamarudin bin Abdun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas keizinan Tuan Yang di-Pertua memberi ruang kepada saya untuk turut sama bangun dan membahar Usul Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah kerana sudi berangkat menyampai Titah di persidangan Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua bagi Parlimen Keempat Belas ini.

Tuan Yang di-Pertua, titah perasmian oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyentuh pelbagai perkara dan isu semasa yang saya kira perlu kita berikan perhatian serius oleh semua rakan-rakan di dalam Dewan yang mulia ini. Seharusnya kita menghayati Titah Seri Paduka Baginda dan sama-sama kita mengambil iktibar dan jadikan sebagai pedoman untuk kita meneruskan tugas dan amanah sebagai Ahli Dewan Negara yang bertanggungjawab dan berintegriti serta sebagai penggubal undang-undang yang sentiasa menjunjung Perlembagaan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan tidak ramai- walau bagaimanapun, saya akan cuba sentuh beberapa kementerian dalam perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk balik kepada keadaan pembangunan di negeri Perlis. Saya cuma ingin bertanya

pihak Kementerian Kesihatan. Pada 10 tahun yang lalu, kerajaan negeri telah pun menyediakan sebidang tanah untuk didirikan hospital kedua negeri Perlis bertempat di Padang Besar.

Akan tetapi apa yang menghairankan saya, kelulusan tersebut telah dibatalkan pada 24 Oktober 2018 sedangkan projek ini telah diumumkan oleh bekas Perdana Menteri yang lalu untuk dijalankan. Amat malang, saya mendapat maklumat bahawa projek ini telah dibatalkan. Saya agak hairan, tanah sudah disediakan. Ini sama ada keadaan Perlis dan Pahang, Terengganu dan Kelantan ini di bawah pemerintahan kerajaan pembangkang, maka projek-projek sebegini dibatalkan. Akan tetapi suka saya ingatkan bahawa hospital di Padang Besar ini sangat diperlukan sebab hospital yang ada di Kangar itu telah terlalu padat sebab hospital di Kangar ini juga membuat rawatan untuk orang-orang daripada *northern* Kedah. Oleh itu, saya rasa Hospital Padang Besar ini adalah perlu. Saya mengharapkan Kerajaan Malaysia Baharu ini dapat memikir dan menimbang semula hasrat rakyat Perlis ini.

Di samping itu, saya juga ingin menyentuh tentang keselamatan sempadan. Tuan Yang di-Pertua, saya cuba merujuk kepada LB- *Land Boundary Committee* yang telah mengadakan mesyuarat dia dan mencadangkan supaya keadaan di sempadan ini dipertingkatkan lagi dengan peralatan-peralatan yang canggih seperti CCTV, mesin pengimbas barang untuk mengenal pasti barang-barang yang dibawa masuk dan yang keluar daripada Malaysia. Oleh itu, demi menjaga keselamatan negara, saya fikir elok-lah pos-pos kastam di sempadan Perlis iaitu di Padang Besar yang mana Padang Besar ini adalah merupakan laluan utama dulu untuk ke Thailand untuk membawa masuk barang dan keluar barang ke Thailand. Oleh itu, sekarang sampai-lah masa kita menjaga kepentingan keselamatan negara kita dari segi senjata, dari segi dadah, kita kena perlu menyediakan mesin pengimbas ini yang boleh kita *check* untuk kenderaan-kenderaan berat seperti lori dan sebagainya.

Di samping itu, saya juga ingin- bila keadaan keselamatan ini terjamin, saya rasa laluan utama ini yang mana Padang Besar ini laluan utama ke Thailand sebelum ini akan mendapat kemajuan balik setelah Perdana Menteri Keempat dulu membuka laluan Bukit Kayu Hitam yang mana membuat Padang Besar ini jadi merosot. Oleh itu sebagai Perdana Menteri Ketujuh, saya ingat elok-lah bantu balik negeri Perlis ini untuk menjadi laluan utama barang-barang keluar masuk daripada Thailand ke Malaysia atau Malaysia ke Thailand.

Dari segi ekonomi juga, Perlis yang tidak mempunyai hasil seperti balak, timah, minyak, saya sangat mengharapkan supaya Kerajaan Pusat di bawah MITI sekurang-kurangnya dapat menyalurkan pelabur-pelabur yang datang hendak melabur di Malaysia ini supaya dapat sedikit disalurkan kepada negeri Perlis untuk didirikan kilang supaya dapat menambah peluang pekerjaan untuk rakyat Perlis.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan ucapan Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi berkenaan dengan kos membiayai penghuni penjara atau pendatang asing yang ditanggung oleh kerajaan begitu tinggi sekali. Oleh itu saya ingin merujuk balik, apa jadi pula dengan peruntukan untuk anak-anak yatim di rumah anak-anak yatim yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat? Ini di mana saya difahamkan bahawa peruntukan untuk anak yatim ini dia daripada umur belasan tahun ini disediakan sebanyak RM8 satu hari, kerajaan bantu RM8. Tadika di bawah Jabatan Kemajuan Masyarakat, saya difahamkan bahawa dibantu sebanyak RM16 sedangkan tadika ini hanya sekerat hari sahaja. Jadi, eloklah benda ini dirujuk semula apa yang tak kena.

■1910

Orang salah kita tanggung kita buat, *student*- anak yatim kita bagi terlalu sikit. Selepas itu, budak-budak tadika pula kita bagi terlalu banyak untuk makan sekerat hari sahaja. Jadi itulah, antara benda-benda saya hendak cakap sebab banyak benda-benda, apa yang disentuh Seri Paduka Baginda banyak telah disentuh oleh rakan-rakan sebelum saya ini. Oleh yang demikian, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan saya menyokong usul ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Kamarudin bin Abdun. Itu pendek, ringkas dan tepat ya.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid. Jangan lupa, 20 minit ya. Silakan.

7.11 mlm.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk perbahasan pada hari ini. Bagi perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.

Terlebih dahulu saya merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad dan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana telah memberi ruang dan peluang kepada saya untuk berkhidmat sebagai Senator Orang Asli bagi penggal yang kedua ini.

Titah Diraja banyak menyentuh perkara berkaitan isu rakyat. Keprihatinan Tuanku terhadap rakyat tidak dapat dinafikan. Kini Tuanku telah menjadi penaung rakyat di seluruh negara. Semoga limpah kasih sayang Tuanku terhadap rakyat berterusan. Seri Paduka Baginda juga menyatakan kerajaannya akan terus berusaha untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat luar bandar, Orang Asal Sabah dan Sarawak serta Orang Asli dalam

mengambil pendekatan yang menyeluruh meliputi pembangunan ekonomi, modal insan dan infrastruktur.

Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada JAKOA dan Menteri Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional kerana penganjuran Konvensyen Orang Asli Kebangsaan 2019, singkatannya KOAK 2019 pada Isnin lepas. Konvensyen yang diadakan di PICC Putrajaya ini telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan kehadiran lebih seribu peserta terutamanya pemimpin Masyarakat Orang Asli, Tok Batin, Tok Penghulu, Pengerusi MPKK dan sebagainya. Ini termasuk juga NGO-NGO, *expert-expert* Orang Asli telah berjaya menghasilkan banyak resolusi bagi menyediakan pelan pembangunan Orang Asli nasional.

Dengan pelbagai isu yang disentuh terutamanya isu tanah, pendidikan, kesihatan, ekonomi, kepimpinan, infrastruktur dan kebudayaan. Semoga ia menjadi *blueprint* bagi Masyarakat Orang Asli di Malaysia. Seminar ini dilihat sangat bermakna kerana ia mendapatkan input-input daripada akar umbi dan saya berharap konvensyen pemimpin masyarakat seperti ini wajar diadakan di setiap tahun sebagai wadah percambahan idea yang baharu, yang lebih pragmatik dan dinamik dengan cabaran Orang Asli masa kini.

Program seumpama ini bolehlah berfokus kepada kumpulan sasar yang lain. Mungkin kita boleh buat konvensyen ataupun seminar, bengkel bagi pembangunan belia, wanita, usahawan dan koperasi, pelajar dan mahasiswa supaya kumpulan ini juga berfikir dan bertindak untuk kemajuan diri, masyarakat dan kemenjadian Orang Asli yang bermakna kepada negara.

Di sini saya mencadangkan supaya menubuhkan Majlis Penasihat Pembangunan Orang Asli Kebangsaan, supaya majlis ini dilihat sebagai suatu badan atau entiti yang boleh memberi nasihat, teguran dan cadangan supaya JAKOA dan agensi-agensi yang berkaitan dengan Masyarakat Orang Asli dapat bergabung tenaga dan pemikiran untuk saling bantu-membantu memajukan Masyarakat Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memperkasakan kemajuan Orang Asli secara holistik dan berdaya saing, saya juga mencadangkan supaya JAKOA dan juga JPM mewujudkan pusat penyelidikan dan kemajuan Orang Asli kebangsaan. Pusat ini akan melibatkan *expert-expert*, pengkaji-pengkaji daripada IPTA, IPGM, muzium dan sebagainya, bagaimana mencari jalan dan alternatif untuk menyediakan masa depan dan perancangan bagi Masyarakat Orang Asli. Pusat ini bertujuan untuk membuat kajian, pemerhatian, dapatan dan pengesyoran supaya langkah-langkah yang boleh dilihat, melihat bagaimana membangunkan Orang Asli dalam templat baharu, corak yang lebih sesuai dengan masa kini. Kita tidak lagi mahu melihat bahawa Orang Asli dibangunkan dalam konteks yang sama sedangkan mereka mempunyai 18 etnik yang perlukan pendekatan mengikut etnik dan juga kawasan-kawasan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Yang Berhormat Menteri JPM iaitu Menteri Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional menyatakan bahawa kerajaan merancang untuk menyambut Hari Orang Asli Kebangsaan pada 9 Ogos nanti. Saya dan Masyarakat Orang Asli amatlah mengalu-alukan sambutan ini kerana ia merupakan suatu pengiktirafan besar kepada Masyarakat Orang Asli. Saya berharap supaya Hari Orang Asli ini dapat mendedahkan seni dan budaya Orang Asli 18 etnik dan juga suatu perkongsian budaya kepada masyarakat umum yang majmuk di Malaysia. Diminta JAKOA dapat menyediakan suatu perancangan untuk menyetengahkan persembahan seni tarian, makanan, produk kraf, tekstil, muzik, reka bentuk dan sebagainya sebagai tontonan awam.

Tahniah juga kepada Kementerian Pendidikan kerana telah memulakan usaha sambutan Hari Orang Asli Kebangsaan, Hari Orang Asli ini sejak 2018. Sambutan yang diadakan di peringkat sekolah dan negeri dengan pelbagai pengisian seni dan budaya. Begitu juga usaha-usaha ini telah dijalankan oleh NGO-NGO Orang Asli seperti Jaringan Orang Asli, Persatuan Pembangunan Orang Asli, Pusat Centre Orang Asli dan banyak lagi yang dikendalikan oleh NGO-NGO. Di sini saya memohon pihak kerajaan supaya dapat menyediakan suatu insentif cuti tanpa rekod kepada kakitangan Orang Asli yang bekerja dalam perkhidmatan awam supaya mereka dapat merayakan perayaan ini. Cuti tanpa rekod ini penting bagi mereka untuk menziarahi keluarga, menghadiri kenduri kampung, menziarahi perkuburan dan sembah adat bagi Masyarakat Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh tentang pendidikan. Berpuluh tahun kita mengurus pendidikan peribumi Orang Asli. Kita mengurus tadbir pendidikan namun sebahagian daripada mereka masih gagal ke arus perdana pendidikan, terutamanya suku kaum Negrito. kumpulan Negrito, suku kaum Bateq, kaum Bateq, Kensiu, Jahai, Lanoh dan Mendriq serta Kintak adalah kaum kumpulan Negrito. Kita kena berfikir pemikiran di luar kotak bagaimana menjayakan pendidikan pada alaf ini. Pendekatan *enjoy learning, love* dan *respect* yang sering disarankan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan hendaklah dilaksanakan di sini.

Pendekatan *jungle school*, dengan izin, pendekatan pembelajaran di luar kelas, pendekatan persekitaran hutan amatlah sesuai dengan masyarakat dan pemikiran serta jiwa Orang Asli. Pendidikan Orang Asli bagi kumpulan Negrito ini agak jauh ketinggalan dan keciciran daripada arus perdana. Kumpulan Negrito ini perlukan pendekatan khas, pendekatan in situ. Maka sini saya mencadangkan supaya konsep sekolah jalinan peribumi diwujudkan di kampung-kampung di Masyarakat Orang Asli.

Konsep ini telahpun dijalankan di beberapa tempat. Kalau kita melihat di Sekolah Kebangsaan Kuala Tahan, Program “Chup Badui Sikulah” iaitu dalam bahasa Bateq, kaum Bateq “Jom Pergi Sekolah” telah berjaya dan program ini dikendalikan oleh Kementerian

Pendidikan di Sekolah Kebangsaan Kuala Tahan. Program Aring Prokhas iaitu projek khas Aring 5 di sekolah- di Kampung Orang Asli Aring di Gua Musang. Program ini juga di bawah kendalian Kementerian Pendidikan dengan kerjasama NGO. Di Kelantan, kelas komuniti di Kampung Penat Pos Simpoh Gua Musang dikendalikan dan dibiayai oleh NGO. Manakala pos GOB, Gua Musang dikendalikan oleh pihak IPD UKM.

■1920

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Yang Berhormat, minta laluan sedikit Yang Berhormat.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Silakan, terima kasih.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Tuan Yang di-Pertua saya hendak minta tolong kalau boleh Yang Berhormat masukkan apa yang saya telah katakan kalau Yang Berhormat bersetuju untuk dimasukkan ke dalam cadangan Yang Berhormat sendiri. Saya telah bawa rakan-rakan Majlis Senator untuk melawat Kuala Mu di tempat di Sungai Siput di tempat orang-orang asli ini yang diusahakan bersama dengan Yang Berhormat Dato' Isa dan JAKOA. Memang rancangan kita itu sudah lama, cuma waktu kita pergi itu hampir-hampir pilihan raya di Cameron Highland dan kita kena *viral* kononnya kita pergi Cameron Highland padahal kita tak pergi.

Kebetulan PRK waktu itu kami berada di Kuala Mu dan saya telah pun diminta merasmikan tiga sekolah. Apabila saya berbincang dengan sekolah-sekolah di pos-pos tertentu di Kuala Mu itu. Saya dapati bahawa masalah mereka ini ialah tidak ada sekolah tadika ataupun pra sekolah bagi masyarakat Orang Asli. Tidak ada. Jadi daripada kecil sampai lah ke umur tujuh tahun mereka ini sering dibawa oleh bapa mereka untuk masuk ke hutan, sumpit, belajar menyumpit, belajar menangkap binatang dan sebagainya. Kemudian bila masuk sekolah umur tujuh tahun, sekolah-sekolah yang ada di situ kebanyakannya budak-budak ini ponteng sekolah. Tidak menghadiri diri ke sekolah dan kita dapati yang itu berlaku.

Jadi saya hendak mencadangkan supaya kerajaan kalau boleh adakan sekolah-sekolah tadika ini. Tadika KEMAS pun tak apa di kawasan-kawasan Orang Asli ini supaya mereka ini tahu bahawa selepas ini mereka akan pergi ke sekolah. Tidaklah hendak ikut bapa pergi ke hutan menyumpit. Jadi saya hendak cadangkan supaya Yang Berhormat masukkan dalam cadangan Yang Berhormat nanti. Terima kasih.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Terima kasih kepada Dato' Sri Khairudin. Saya mohon ucapan Dato' Sri Khairudin dimasukkan dalam Hansard saya. Apa yang dijelaskan oleh Dato' Sri Khairudin juga merupakan hakikat bahawa banyak kampung pedalaman yang agak ramai pelajar murid Orang Asli yang bawah umur ini perlu diwujudkan kelas tadika.

Bagi menyambung apa yang dijelaskan oleh Dato' Sri Khairudin saya melihat bahawa contohnya di Kelantan pihak-pihak NGO banyak menyediakan kelas dipanggil kelas komuniti.

Itu sebab saya tadi mencadangkan Sekolah Jalinan Komuniti ataupun Peribumi. Sekolah ini dikendalikan oleh NGO. Sepatutnya kelas tadika disediakan oleh pihak kerajaan. Akan tetapi NGO dengan inisiatif dia menyediakan pembiayaan, dia menyediakan kurikulum, dia menyediakan balai adat untuk kelas ini dan sampai bila kelas ini harus dikendalikan oleh NGO? Sepatutnya saya menyeru tadika adalah di bawah KEMAS bawah Kementerian KPLB dan juga JAKOA melihat bagaimana kelas komuniti ini yang digerakkan oleh NGO diambil alih apabila telah mencapai satu peringkat yang sepatutnya supaya masyarakat Orang Asli dapat pendidikan yang lebih standard.

Berkaitan dengan kelas tadi, saya menyentuh tentang soalan saya bolehkah KPM mengambil alih sekolah komuniti di pendalaman ini? Soalan saya kepada KPM juga bolehkah KPM menyediakan geran bantuan sepadan bagi Sekolah Jalinan Komuniti Orang Asli ini?

Program yang dibuat "*Chup Badui Sikulah*" di Kuala Tahan dikendalikan oleh NGO Birdwatch, dengan izin, kalau Bahasa Melayunya NGO tengok burung. NGO ini yang membawa kaum-kaum Orang Asli bergerak di dalam hutan bertemu dengan pelancong dan dia dekat. Akhirnya pujukan daripada pemandu pelancong ini yang diketuai oleh Encik Roslan dan Tok Aki telah mendidik anak Orang Asli untuk pergi sekolah. Kerjasama daripada masyarakat tempatan di Kuala Tahan telah berjaya mewujudkan Program "*Chup Badui Sikulah*" ini iaitu jom pergi sekolah daripada 35 orang sekarang 58 orang pelajar-pelajar yang dahulunya tidak pergi sekolah telah bersekolah di sekolah SK Tahan.

Begitu juga Program Projek Khas Aring 5 dicetuskan oleh NGO Sahabat Jariah iaitu Encik Johan Halim dengan kerjasama Yayasan Kebajikan Negara. Apabila NGO-NGO ini mempunyai *connection* dan *networking*, dengan izin, mereka telah dapat memujuk, mengajak anak-anak Orang Asli Batek ini untuk minat ke sekolah.

Akhirnya sekolah-sekolah ini dengan kerjasama JAKOA dan juga PPD dapat mendidik anak ini untuk pergi sekolah dan akhirnya pelajar-pelajar ini kekal. Isunya di sekolah Aring tadi Aring 5 pada mulanya 24 orang yang telah kita daftarkan dan kini telah bertambah 46 orang. Apa yang menjadi isu di Sekolah Aring ini, sekolah ini di bawah kendalian Sekolah Kebangsaan Aring 1 Gua Musang. Pelajar-pelajar yang ada surat beranak, sijil kelahiran sahaja yang dibenarkan. Isunya, saya mohon supaya PPD dan Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan bertolak ansur dan mengurangkan birokrasi dan kerenah.

Pelajar Orang Asli yang di Kampung Kuala Koh dan Kampung Aring ini yang duduk di bawah projek khas Aring ini ada yang tidak ada sijil kelahiran sedangkan dia di bawah umur iaitu tujuh tahun, lapan tahun. Maka itu, bagi saya biarlah anak-anak ini dibiarkan sekolah. Walaupun tanpa sijil kelahiran. Oleh sebab dasarnya Kementerian Pendidikan bila bersekolah mesti ada sijil kelahiran. Anak Orang Asli yang lahir di hutan ini dia tidak ada sijil kelahiran dan belum didaftarkan. Semalam bila saya melihat suatu keratan akhbar surat khabar

semalam *Harian Metro*, 50 budak tidak pergi sekolah. Anak Orang Asli suku Batek tidak belajar berikutan tiada surat beranak ataupun sijil lahir. Maka ini, yang dimaklumkan kepada saya jumlahnya sama.

Pada tahun lepas, lebih kurang 50 orang anak orang Batek yang di uruskan untuk pendaftaran sijil sehingga kini belum dapat status sijil kelahiran. Maka ini menyebabkan mereka tidak boleh didaftarkan di sekolah akhirnya dia keciciran. Oleh sebab itu saya mohon Jabatan Pendaftaran Negara menjelaskan berapakah jumlah Orang Asli di Kampung Kuala Koh ini dan juga Kampung Aring ini yang masih tiada sijil kelahiran dan IC yang sudah lebih daripada umur yang berikutan tadi kerana masalah pendokumentasian. Kedua, apakah status permohonan pendaftaran sijil kelahiran bagi anak Orang Asli Batek ini yang telah dilaksanakan tahun lepas di Kampung Kuala Koh masih belum dapat lagi sijil kelahiran.

Tuan Yang di-Pertua, saya meneruskan lagi tentang semakan Akta 134. Akta 134, Akta Orang Asli 1954 telah dipinda kali terakhir pada 1967 dan disemak pada 1974. Pasukan petugas peringkat Menteri untuk meningkatkan pelaksanaan projek-projek luar bandar Bilangan 2/2001 bertarikh 7 Ogos 2001 yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri pada masa itu berpendapat bahawa Akta Orang Asli, Akta 134 tidak lagi sesuai dengan keadaan sekarang dan perlu dikaji.

Pada 8 Ogos 2007, Jabatan Peguam Negara dengan ulasan ke atas Kertas Memorandum Dasar Pemberimilikan dan Pembangunan Tanah kepada Orang Asli turut memberi pandangan terhadap keperluan pindaan Akta 134 ini. Akta ini yang diasaskan daripada *Aboriginal Tribes Enactment 1939* di Negeri Perak sejak akta ini dikeluarkan ia dibuat Pindaan secara kecil iaitu secara minor.

Akta ini memberi peruntukan perlindungan kesentosaan dan Kemajuan kepada Orang Asli Semenanjung, namun difahamkan Akta ini agak mengongkong masyarakat Orang Asli. Akta ini satu-satunya perundangan khusus bagi masyarakat Orang Asli. Ia bersifat mengawal dan mengehadkan peranan Orang Asli. Akta ini terlalu longgar dan lemah. Ia sangat sesuai pada tahun 50-an, tahun 60-an kerana pada masa itu tidak banyak isu dan cabaran.

#### ■1930

Pada masa itu, Orang Asli hanya terlibat- akta ini pada masa itu untuk mengawal Orang Asli daripada terlibat dengan ideologi Komunis dan ancaman keselamatan. Namun, kini setelah hampir tahun 2020, lebih 65 tahun maka akta ini perlu disemak atau digubal semula supaya lebih dinamik dengan cabaran Malaysia baru.

Banyak kes Orang Asli dieksploitasi di sektor kerja ladang, gaji tidak dibayar, perhambaan moden, wanita dijadikan GRO, buruh kanak-kanak, perkahwinan bawah umur, berkahwin dengan warga asing, pendidikan wajib Tingkatan 5, tiada penyataan kepentingan keusahawanan pembangunan koperasi. Kita melihat daripada kelemahan-kelemahan ini

bahawa akta ini sangat penting untuk disemak dan digubal semula. Kalau kita melihat satu contoh sahaja dalam seksyen 3, definisi Orang Asli tidak dinyatakan tentang etnik, hanya dinyatakan kumpulan, Orang Asli Negrito, Senoi dan *Proto Malay*. Sedangkan Orang Asli ada 18 suku kaum. Saya sendiri sebagai kaum Kuala dan Yang Berhormat Tuan Manolan bin Mohamad sebagai kaum Semelai. Maka kita ada 18 etnik.

Jika kita melihat seksyen 6, 7 dan 8 banyak menggariskan tentang isu tanah. Akta ini jelas mengiktiraf tanah hak milik Orang Asli dan apa yang perlu dibuat jika berlaku pencerobohan dan pertikaian. Jika kerajaan dapat mematuhinya dan menghormatinya sudah tentulah tidak berlaku konflik seperti hari ini. Kebanyakan kes tanah...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagi?

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Mohon...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, ringkaskan.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Akta ini jika kita lihat tidaklah kita membawa kepada kes mahkamah Sagong Tasi, ADUN Kurau dan beberapa kes yang terbaru ialah kes tanah Temiar yang melawan kerajaan Kelantan. Maka ini bila kita lihat dalam seksyen 17, akta ini menyentuh soal pendidikan, hanya satu seksyen sahaja. Oleh sebab itu, akta ini terlalu kecil kalau kita bandingkan dengan akta-akta lain, hanya ada 19 seksyen.

Oleh sebab itu, saya melihat, saya menyokong usaha kerajaan supaya membuat kajian terhadap penyemakan akta ini. Soalan saya serta mencadangkan supaya Akta 134 ini dimasukkan di dalam senarai akta yang perlu disemak semula dan digubal bersama akta lain dalam *reform* oleh Kerajaan Pakatan Harapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuba meringkaskan Tuan Yang di-Pertua, isu berkaitan-JAKOA memaklumkan dengan saya satu perkara bahawa pihak beliau, pihak jabatan diminta untuk menjawab soalan-soalan berkaitan soalan Dewan dan Titah Diraja di Dewan Rakyat dan kini di Dewan Negara. Isunya ialah soalan-soalan yang berkaitan dengan Orang Asal Sabah dan Sarawak dijawab oleh kementerian, dijawab oleh jabatan ini.

Beliau mohon saya membawa kepada perbahasan supaya Jabatan Perdana Menteri ataupun Parlimen ini melihat bahawa JAKOA setakat ini adalah menguruskan hal ehwal masyarakat Orang Asli Semenanjung. Ketiadaan data dan dokumen-dokumen yang berkaitan Orang Asal menyukarkan menyediakan satu jawapan yang baik di peringkat jabatan. Maka itu saya bertanya pada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, mengapakah JAKOA perlu menjawab soalan ataupun permasalahan yang berkaitan dengan Orang Asal Sabah dan Sarawak dalam isu-isu di Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Berkaitan dengan Kembara Majlis Senator yang dijelaskan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi, yang dibuat oleh Majlis Senator, saya mengucapkan terima kasih kepada Majlis Senator, Setiausaha Dewan Negara dan juga JAKOA Negeri Perak bahawa satu program komuniti

yang sangat baik, kita merakyatkan Dewan Negara. Maka ini, saya mencadangkan Kembara Majlis Senator ini diteruskan setiap tahun. Mungkin kali ini, kita boleh membawa Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga pejabat Parlimen untuk ke komuniti kaum Siam dan juga kaum Penan peribumi Sabah dan Sarawak. Akhir sekali...

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Mohon mencelah Yang Berhormat?

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Ya, silakan.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Yang Berhormat atas ucapan terima kasih kepada Majlis Senator Malaysia. Saya juga hendak menyatakan bahawa PEMADAM juga turut hadir. Saya selaku Timbalan di-Pertua PEMADAM mengucapkan tahniah kepada Orang-orang Asli di kawasan Kuala Mu kerana tidak ada seorang pun tidak terlibat dengan dadah. Mereka ini, anak-anak sekolah mereka dijauhi dadah. Cuma yang mereka bimbang, orang luar membawa masuk. Jadi Yang Berhormat, sila ambil perhatian dari segi itulah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah. Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah sebelum tutup.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terutama sekali saya merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Isa bin Ab. Hamid kerana dilanjutkan tempoh menjadi Senator untuk tiga tahun lagi. Saya memang tertarik dengan cadangan Yang Berhormat tadi berkenaan dengan pindaan Akta 134, Akta Orang Asli ini. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, seksyen 3(3) bahawa yang hendak menentukan seseorang itu Orang Asli ataupun bukan adalah Menteri.

So, bagi saya ini satu kongkongan dan satu yang tidak adil di mana Menteri yang menentukan bahawa dia Orang Asli sedangkan sepatutnya orang Asli itu sendiri ataupun masyarakat Orang Asli itu sendiri yang menentukan dia ini orang Asli ataupun tidak dan daripada suku mana.

Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat, adakah ini salah satu sebab Yang Berhormat mengatakan tadi bahawa akta ini perlu kita pinda? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah dan saudara Yang Berhormat Tuan Manolan bin Mohamad. Apa yang Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi jelaskan tadi akan diambil maklum dan dimohon dimasukkan dalam ucapan saya. Apa yang ditanya oleh Yang Berhormat Tuan Manolan tadi amat benar, apabila pertikaian kepada suatu pengesahan Orang Asli itu maka komuniti itu menetapkan atau mengesahkan. Ini disebabkan komuniti akan tahu daripada salasilah

keturunan Orang Asli, bukanlah Menteri. Itu kuasa tok batin akan menentukan bahawa dia ini Orang Asli.

Begitu juga dalam tafsiran Orang Asli, mana-mana wanita Orang Asli yang berkahwin kepada mana-mana kaum lain maka anak yang lahir daripada proses perkahwinan itu dianggap anak Orang Asli. Pada masa itu, mungkin tidak ada cabaran. Akan tetapi, pada masa ini, apabila perempuan atau wanita berkahwin dengan warga asing, menjadikan anak warga asing itu juga orang Asli. Ini juga menjadi beban kepada JAKOA dan kerajaan. Oleh sebab itu, kita melihat pindaan perlu disegerakan dan sangat penting untuk dibuat tindakan.

Akhir sekali, atas budi baik Tuan Yang di-Pertua yang selalu berpantun. Saya tutup dengan satu pantun dan satu puisi.

*Tuan puteri menanam lada;  
Lada ditanam di tepi reban;  
Rakyat dan Raja berpisah tiada;  
Raja Berperlembagaan tetap dipertahankan.*

*Budi pekerti Tuanku sudah dikenali;  
Rakyat, pembesar amat mengetahui;  
Kami di sini teguh berdiri;  
Menyokong Tuanku bijak bestari.*

Akhir sekali, saya menyokong Titah Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih banyak, terima kasih.

Sekarang akhirnya kita jemput Yang Berhormat Puan Bathmavathi Krishnan. Masa 20 minit ya, tolong.

### **7.38 ptg.**

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut menyertai perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 11 Mac 2019 sewaktu perasmian Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyentuh beberapa perkara penting mengenai negara dan rakyat. Tuanku bertitah bahawa kerajaan Tuanku memberi jaminan bahawa kesejahteraan sosial rakyat terutamanya golongan kanak-kanak, wanita, warga emas dan orang kurang upaya akan terus diberikan pembelaan. Tuanku juga mengalu-alukan usaha kerajaan untuk memperkasakan orang kurang upaya, golongan orang kurang upaya melalui Pelan Induk Aksesibiliti dan polisi inklusif seperti dasar sifar penolakan kanak-kanak OKU di sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mulakan dengan isu *accessibility*. *Accessibility* ini termasuk *accessibility* kepada persekitaran dan juga ke bangunan.

#### ■1940

Terdapat beberapa garis panduan yang telah dikeluarkan yang diusahakan bersama oleh Jabatan Standard Malaysia dan juga SIRIM. Di bawah Akta 133, *Street and Drainage Act 1974 uniform building by laws* iaitu undang-undang kecil seragam bangunan juga telah disediakan yang memerlukan semua bangunan mempunyai akses bagi Orang Kurang Upaya dan persekitaran juga. Pelaksanaannya masih kurang memuaskan.

Untuk memperkasakan pelaksanaannya, saya mencadangkan supaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan meminta kesemua PBT yang ada di negara untuk melantik seorang wakil dari golongan OKU untuk duduk bersama dalam majlis atau *Local Council* untuk memastikan bahawa undang-undang kecil ini dilaksanakan dengan sempurna. Pihak KPKT juga mesti memantau sama ada kesemua PBT ini melakukannya dan kalau dibuat satu senarai apakah bangunan-bangunan yang telah dibuat akses audit dan beberapa bangunan yang masih belum diadakan kemudahan bagi Orang Kurang Upaya baru kita boleh tahu sama ada pelaksanaannya efektif atau tidak.

Saya juga menyeru supaya Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya mengadakan suatu jawatankuasa *accessibility* di bawah Majlis Kebangsaan ini. Majlis ini boleh juga memainkan peranan untuk memantau sama ada ia dilaksanakan di negeri-negeri lain. Kita dapati banyak berlaku hanya di Lembah Klang sahaja dan kurang kemudahan dan OKU-OKU yang tinggal di negeri-negeri lain tidak dapat menikmati apa yang telah digubal dan ditentukan oleh kerajaan bagi kesejahteraan OKU.

Perkara yang kedua, saya ingin menyentuh tentang pekerjaan. Saya akan mula dengan pekerjaan di sektor awam. Pada masa ini, jumlah keseluruhan jawatan perkhidmatan awam kini adalah sebanyak 1.7 juta orang dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini telah mencadangkan supaya saiz perkhidmatan awam ini dkecilkan. Pada masa yang sama, kita juga tahu bahawa pihak kerajaan juga berhasrat mengisikan satu peratus dari jawatan perkhidmatan awam dengan pekerja OKU.

Jadi, ini telah menjadikan Orang Kurang Upaya kluatir sedikit ya. Adakah peluang-peluang mereka akan terjejas? Akan tetapi, kita bersyukur apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan beberapa hari dahulu bahawa kuota pekerja OKU dalam perkhidmatan awam tidak terjejas berikutan cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Komitmen kerajaan amat dialu-alukan. Kita tahu bahawa suatu pekeliing pada tahun 1988 telah dikeluarkan untuk menentukan atau untuk mengatakan bahawa satu peratus pekerjaan itu dikhususkan kepada Orang Kurang Upaya. Akan tetapi, kita tahu ia masih tidak tercapai.

Antara faktor-faktor mengapa ini berlaku ialah satu, ketersediaan OKU sendiri. Selepas tamat pekerjaan, OKU selalunya tidak tahu bagaimana hendak pergi ke tahap yang selanjutnya iaitu untuk memohon dan mencari pekerjaan kosong atau jawatan-jawatan kosong di perkhidmatan awam. Jadi, kita harus mengadakan suatu maklumat ataupun satu saluran di mana mereka boleh semak satu- mungkin satu pangkalan data kah, satu *website* kah untuk mereka menyemak apakah peluang-peluang pekerjaan yang ada di pihak kerajaan yang boleh mereka mohon.

Faktor yang kedua ialah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membolehkan OKU memasuki bidang pekerjaan. Adakah mereka, adakah kerajaan menganjurkan kursus bimbingan ataupun kursus untuk menyediakan OKU-OKU atau graduan-graduan OKU yang keluar dari kolej ataupun dari universiti untuk memasuki bidang-bidang pekerjaan dan memberi bimbingan *career guidance* untuk mereka supaya mereka dapat pekerjaan yang sesuai.

Faktor yang ketiga, mengapa peratusan ini belum dicapai ialah kerana pada hemat saya keengganan pengurusan tertinggi di kementerian-kementerian di pihak kerajaan untuk menawarkan jawatan kosong kepada OKU. Kalau kita tinjau mengapa ini berlaku mungkin sebab-sebabnya adalah kurang kesedaran dan kepercayaan pada pihak pengurusan ataupun pihak-pihak pengambilan tentang keupayaan dan kebolehan calon-calon OKU untuk menjalankan tugas-tugas sebagai seorang pegawai ataupun kakitangan awam di pihak kerajaan.

Satu lagi sebab ialah ramai antara ketua-ketua jabatan termasuk Ketua Pengarah sendiri yang memegang kepada andaian bahawa hanya Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat sahaja yang bertanggungjawab untuk mengambil kakitangan OKU. Ini kerana bidang kuasa KPWKM meliputi penjagaan keperluan golongan-golongan OKU. Ini ialah antara sebab mengapa KPWKM ini telah pun mencapai dan merentasi kuota satu peratus.

Akan tetapi, sebenarnya tanggungjawab ini harus diberi kepada kementerian-kementerian lain juga. Dengan usaha yang ditunjukkan oleh KPWKM di mana mereka sangat berminat dan sangat menumpukan perhatian sekarang untuk memastikan bahawa satu peratus kuota ini diisikan. Saya cadangkan antara langkah yang boleh diambil ialah untuk merayu ataupun meminta Ketua Setiausaha Negara untuk membuat sesuatu untuk memastikan kuota ini diisi oleh setiap kementerian dan semua kementerian itu menjalankan tugas mereka. Untuk memastikan ini berlaku, saya cadangkan supaya Ketua Pengarah bagi kementerian-kementerian ini pada KPI mereka diletakkan suatu syarat yakni suatu tugas untuk memenuhi satu peratus. Baru saya rasa mereka akan ambil tindakan dan mengambil berat tentang perkara ini.

Jadi, saya ingin menyeru kepada KSN untuk berbuat demikian. Pada masa ini juga ada suatu garis panduan pepadanan jawatan dalam perkhidmatan awam bagi OKU yang masih dalam bentuk draf yang telah pun mula di-*compile* dan disusun pada berapa tahun dahulu dan masih belum dikeluarkan lagi. Saya minta Jabatan Perkhidmatan Awam yakni *Public Services Department* untuk menyegerakan garis panduan ini sebab ini akan menjadi satu panduan yang baik untuk kementerian-kementerian untuk membolehkan mereka mengambil calon-calon OKU untuk bekerja di kementerian mereka.

Berkenaan dengan pengambilan pekerja OKU di sektor awam. Baru-baru ini ada berita baik sebab ada seorang OKU iaitu Dato' Abdul Rahman bin Othman yang telah diambil atau dilantik sebagai Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

#### ■1950

Saya mengucapkan tahniah bagi pihak golongan OKU di negara ini supaya dengan pengalaman luas beliau berkhidmat dengan kerajaan, beliau akan memahami dan mungkin beliau boleh melakukan apa yang perlu dilakukan supaya kuota satu peratus ini dicapai.

Menyentuh tentang pekerjaan di sektor swasta pula, banyak usaha telah dilakukan oleh Kementerian Sumber Manusia melalui kerjasama antara Jawatankuasa Pekerjaan di bawah Majlis Kebangsaan OKU dan juga dengan Jabatan Tenaga Kerja dan *JobsMalaysia* untuk mengadakan beberapa kempen dan juga lawatan ke GLC untuk menggalakkan pihak swasta menggaji orang kurang upaya.

Berkenaan dengan statistik pula, tidak ada suatu *database* ataupun suatu pangkalan data pusat untuk mengumpul data pekerja- berapakah orang pekerja OKU yang bekerja di pihak swasta dan juga di pihak kerajaan?

Sekarang pekerja-pekerja di pihak swasta itu banyak persatuan, NGO-NGO OKU juga menempatkan ahli-ahli mereka dalam pekerjaan tetapi data, maklumat mengenai ini tidak ditangkap. Jadi, sebenarnya ada lebih banyak orang yang bekerja dari apa yang kita dapat kumpul melalui *Jobstreet* ataupun melalui JKM dan Kementerian Sumber Manusia. Jadi saya-ccontoh NGO-NGO yang berusaha untuk menempatkan ahli-ahli mereka ialah persatuan seperti *Malaysian Association for The Blind*, Persatuan Orang Pekak Malaysia, *Beautiful Gate Foundation*, dan juga *Enabling Academy* yang menempatkan OKU-OKU autisme yang berfungsi tinggi di pekerjaan-pekerjaan pengurusan. Jadi saya mengesyorkan kepada KPWKM supaya mewujudkan suatu pangkalan data yang pusat untuk mengumpul data-data yang tepat dan wajar mengenai pekerja OKU.

Isu yang berikutan ialah tentang pengangkutan. Sebagai permulaan, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan yang sangat prihatin terhadap pemandu-pemandu OKU *e-hailing* baru-baru ini sebab mengikut peraturan baharu yang telah dikeluarkan, yang akan dikuatkuasakan mulai 12 Julai. Pemandu OKU

mula-mulanya tidak dibenarkan memohon lesen kenderaan pengangkutan awam PSV tetapi selepas mendengar keluhan dan rayuan daripada pemandu OKU yang berjumlah sekitar 400 orang, Yang Berhormat Menteri telah mengesahkan syarat-syarat kelayakan permohonan lesen itu akan dipinda untuk membenarkan golongan OKU menjadi pemandu *e-hailing*.

Ini satu contoh atau langkah positif kerajaan untuk membolehkan OKU bekerja dan mendapat pendapatan sendiri. Saya rasa langkah macam ini patut juga diikuti oleh kementerian-kementerian lain di mana tidak perlu menunggu sampai undang-undang diluluskan di peringkat Parlimen untuk membuat sesuatu. Ada banyak peraturan dan juga di bawah arahan-arahan yang boleh digunakan dan diubahsuai untuk menentukan bahawa ia akan bermanfaat kepada OKU.

Saya juga ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana dapat mencari penyelesaian kepada persengketaan antara pihak prasarana dan syarikat Scomi berkenaan dengan pembekalan set tren empat gerabak dan juga kerja pemulihan yang telah berleretan sejak tahun 2011 lagi. Dalam perbincangan-perbincangan saya dahulu, saya telah pun mengutarakan beberapa perkara yang telah berlaku berkenaan dengan monorel di mana platform tidak selamat dan berlaku beberapa kes orang OKU penglihatan jatuh dan cedera serta mengalami kesusahan. Ini amat membahayakan nyawa mereka.

Sekarang ini pada- baru-baru ini bulan April ini, suatu perjanjian telah dimeterai ataupun antara Scomi dan prasarana untuk menyelesaikan masalah itu dan juga menaik taraf fasiliti di stesen-stesen monorel. Walaupun- okey, dua perkara ini sedang berlaku dan, *I mean* sedang jalan, ia nampak positif, ada juga beberapa perkara berkenaan dengan Kementerian Pengangkutan yang masih belum selesai. Antaranya ialah petanda- walaupun petanda pada tempat letak kereta parkir orang kurang upaya, petanda itu sudah pun digazetkan tetapi tidak-stiker untuk kenderaan masih belum selesai.

Pada tahun 2014, sejumlah 2,000 stiker telah dikeluarkan tetapi ia telah pun diedarkan dan rasanya tidak cukup. Ia tidak sampai kepada orang yang memerlukannya. Di beberapa pejabat JPJ, kalau OKU pergi bertanya mereka cakap tidak ada. Pelekat rasmi itu sudah habis, tidak ada, tidak dapat dibekalkan. Di JPJ sendiri, kakitangan di sana menyuruh OKU itu pergi beli di kedai luar. Jadi tidak ada keseragaman, tidak ada penguatkuasaan yang sewajarnya mengenai stiker bagi kenderaan OKU. Saya harap pihak Kementerian Pengangkutan akan menyelesaikan perkara ini secepat mungkin.

Satu lagi perkara berkenaan dengan siapa layak meletakkan kenderaan OKU di tempat letak kereta bagi orang kurang upaya. Ini masih belum diselesaikan. Jadi kita dapati bahawa ada juga di tempat-tempat projek perumahan rakyat (PPR) yang menyediakan petak *parking* untuk orang kurang upaya tetapi yang letak kereta di sana bukan sahaja awam, orang yang bukan OKU, orang OKU juga yang boleh jalan yang ada mungkin kecacatan yang

minimum sahaja sampai orang yang ada kenderaan yang bawa kerusi roda tidak dapat meletak kereta dia dekat- di tempat parkir itu dan berlaku buli membuli antara orang kurang upaya sendiri yang boleh jalan dengan yang berkerusi roda.

Jadi perkara ini agak berleluasa. Saya harap pihak JPJ akan mengeluarkan satu arahan ataupun suatu penentuan siapa yang layak gunakan petak itu. Bukan semua pemegang kad OKU diberi kebebasan untuk letak kereta di sana. Ia harus dihadkan kepada orang yang membawa kereta yang memakai kerusi roda ataupun penumpang ataupun anak yang memakai kerusi roda untuk layak meletak kereta di sana.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagi?

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Ada sedikit lagi. So, itu berkenaan dengan Kementerian Pengangkutan. Perkara yang ketiga saya ingin menyentuh tentang *banking* yang mesra OKU. Ini khusus kpd mereka yang cacat fizikal dan juga yang OKU penglihatan.

#### ■2000

Walaupun beberapa bank di Malaysia telah menyediakan kemudahan infrastruktur untuk memudahkan OKU mengunjungi premis-premis mereka, akses perkhidmatan perbankan kepada semua OKU masih menjadi masalah. Contohnya bagi OKU penglihatan, mereka tidak dibenarkan membuka akaun semasa dan juga tidak dibenarkan memohon kad ATM. Kalau kita lihat kedudukan di beberapa negara di rantau Asia seperti Singapura, Brunei, India, mereka ada banyak kemudahan.

Mereka boleh gunakan tetapi di negara kita, OKU penglihatan mengalami pelbagai masalah. Tiada satu arahan daripada Bank Negara kepada semua bank untuk menyediakan kemudahan perbankan untuk OKU. Hanya beberapa bank sahaja sebagai macam Maybank dan Public Bank yang menyediakan kemudahan bagi OKU penglihatan. Akan tetapi untuk menggunakan *ATM card*, OKU penglihatan masih menghadapi masalah sebab di Malaysia, masih belum ada mesin ATM yang bersuara. Kalau ada yang bersuara, ia boleh digunakan oleh OKU penglihatan.

Jadi ada beberapa syor yang saya ingin mengutarakan kepada pihak kerajaan untuk memastikan bahawa mulai sekarang, semua mesin ATM yang diimport ke negara mestilah mempunyai kemudahan suara dan kesemua sesawang dan *website* bank, mematuhi piawaian akses W3C WCAG 2.1 menjelang 2020. Malah dengan pengenalan *internet connectivity 5G* baru-baru ini, kita harap banyak kemudahan dan banyak transaksi akan dilakukan oleh rakyat melalui internet. Ini adalah masa yang paling baik untuk Bank Negara memastikan bahawa *accessibility* bagi Orang Kurang Upaya, *accessibility* perbankan bagi OKU penglihatan juga disediakan. Juga memastikan bahawa *mobile apps* yang diperkenalkan oleh bank juga mematuhi piawaian tersebut menjelang tahun 2020.

Untuk transaksi di kaunter, pihak Bank Negara telah pun memperkenalkan prosedur baharu iaitu pengesahan pengenalan diri melalui biometrik. Kalau biometrik digunakan, untuk sistem ini, kita gunakan kad pengenalan kita bersama-sama dengan pengesanan elektronik ibu jari. Jadi tidak ada masalah bagi Orang Kurang Upaya penglihatan, mereka tidak perlu dipaksa menurunkan ataupun membuat secara menulis nama mereka ataupun *sign* untuk membuka akaun ataupun membuat transaksi kewangan di bank. Jadi biometrik itu boleh digunakan oleh semua. Jadi kita minta pihak Bank Negara mengeluarkan arahan supaya OKU penglihatan tidak di diskriminasi lagi.

Saya hendak beri satu contoh. Di negara India dengan kerjasama *Indian Bank Association* telah mengeluarkan *one banker's guide for customers with special needs and persons with disability* dan mereka telah mengeluarkan *rules directive* dan *act for customer with special needs* dan *person who disability* dan ini adalah dengan kerjasama *Reserve Bank of India* yang setaraf dengan Bank Negara Malaysia. Di mana kesemua perkhidmatan perbankan diberikan kepada Orang Kurang Upaya termasuk OKU penglihatan.

Dengan itu, itu sahaja yang saya ingin utarakan bagi isu-isu berkenaan dengan OKU. Dengan ini, saya menyokong Titah Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan. Terima kasih banyak. Namun 18 orang ini, Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff, tidak ada, dia tidak hadir ya. Jadi kita akhir itulah tadi Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan.

Saya mengucapkan terima kasih dan syabas Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersama-sama sampai ke waktu ini, pukul 8 lebih malam, daripada pagi sampai sekarang. Syabas dan tahniah. Tepuk sedikit... [*Tepuk*] Sampai ada kita punya wirawati pun ada, ada dua orang di sini, masih tunggu bersama kita, Allah mak, segar dan masih kuat lagi.

Anda sekalian, tadi saya sangat senang hati mendengar ucapan-ucapan tadi daripada pakar-pakar, dan saya dengar dahulu. Ada yang menyebut kata dia buat cakap ini kurang siasat dia kata. Ada saya dengar. Kalau itu macam dia hendak suka mencelah. Ada banyak saya dengar. Itu ilmu saya dapat. Bak kata orang tua-tua tadi apabila kita kurang siasat, itulah tanda pekerjaan hendak sesat. Betul? Kalau bila kita banyak mencela orang, itulah tanda dirinya kurang. Begitu kata Profesor Hamka. Apabila kita kurang siasat, itulah tanda pekerjaan hendak sesat. Apabila banyak mencela orang, itulah tanda dirinya kurang. Itu kalau baca buku Profesor Hamka itu ya. Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian.

*Simpan buah dalam raga,  
Cincin emas cincin suasa,  
Kasih ibu membawa ke syurga,  
Kasih bapa sepanjang masa... [Tepuk]*

Jadi Yang Berhormat-Yang Berhormat, 18 orang bercakap ini, terima kasih banyak dan saya mengucapkan terima kasih banyak. Yang Berhormat sekalian setia pada perjuangan kita. Syabas dan tahniah dan saya senang hati. Tepuk tangan sedikit lah... [Tepuk]

Jam 8.07 malam. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 29 April 2019. Sekian. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.07 malam]***